

SITI HASMAH

Citra Wanita Dua Zaman

OLEH

**Azizah Mokhzani
Farida Habib Shah
Nik Safiah Karim
Normah Dali
Rokiah Talib**

PANEL EDITOR

**Asiah Abu Samah
Khoo Siew Mun**

**Azizah Mokhzani
Nik Safiah Karim**



Persatuan Siswazah Wanita Malaysia

ISBN 983-99493-0-6

© Persatuan Siswazah Wanita Malaysia, Januari 1999

Tingkat 1, Blok D
Kompleks PERDANASISWA
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan apa cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Siti Hasmah, citra wanita dua zaman / oleh Azizah Mokhzani ... [et al.].

Bibliografi: ms. 210

ISBN 983-99493-0-6

1. Siti Hasmah Mohd. Ali, 1926-. 2. Prime ministers' spouses--Malaysia--Biography. 3. Physicians--Malaysia--Biography. 4. Civic leaders--Malaysia--Biography.
920.7209595

Konsep Reka Bentuk:

ARUS INTELEK SDN. BHD.

36A-B, Jalan Tun Mohd. Fuad Satu
Taman Tun Dr. Ismail
60000 Kuala Lumpur
Malaysia.

Konsep Kulit:

ARUS INTELEK SDN. BHD.

Dicetak di Malaysia oleh

UTUSAN PRINTCORP SDN. BHD.

Lot 184, Seksyen 92
Jalan Lima, Off Jalan Chan Sow Lin
55200 Kuala Lumpur
Malaysia.

M

1155053

08 DEC 2004
Perpustakaan Negara
Malaysia
Hadiah

KANDUNGAN

Seungkap Kata

Selebar Bicara

Prolog:	Secebis Diari	1
1	Di Pangkuan Keluarga	9
2	Jikalau Hendak Melentur Buluh ...	23
3	Liku-liku Hidup di Kampus	35
4	Alam Perkahwinan dan Kerjaya	55
5	Isteri Mithali	83
6	Ibu Penyayang	111
7	Pendorong Usaha Kebajikan dan Pergerakan Wanita	133
8	Pencinta Sukan dan Seni	153
9	Wawasan dan Wajah	169
10	Permata Dalam Dua Zaman	187

Anugerah dan Penghormatan yang Diterima oleh Siti Hasmah	205
---	-----

Bibliografi	210
--------------------	-----

Lampiran I	— Lagu-lagu Kesukaan Penuntut-penuntut King Edward VII College of Medicine	211
II	— Jumlah Pelajar, Universiti Malaya Sesi 1949/50	214
III	— Sukatan Pelajaran Kursus Perubatan Sesi 1954/55	215
IV	— Sehalaman Kenyataan Perkhidmatan Siti Hasmah	216
V	— Ucapan/Kenyataan Rasmi Siti Hasmah	
	(a) Ucapan Konvokesyen di Universiti Malaya	217
	(b) Kenyataan Rasmi: Equality, Development, and Peace: A Caring World	224

Pengenalan Ringkas Panel Penulis:	231
--	-----

Azzah Mohdzani
Farida Habib Shah
Nik Safiah Karim
Normah Dali
Rokiah Talib

Sekalung Budi	236
----------------------	-----

Dedikasi

**Buat bekalan siswazah dalam usaha
mengimbangkan keperluan
tanggungjawab isteri dan ibu
dengan permintaan khidmat profesional**

Seungkap Kata



NEGARA Malaysia mula mencatat kemajuan yang paling gemilang dalam hanya lima dekad setelah Perang Dunia Kedua. Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah Hj. Mohd. Ali telah mengalami semua peristiwa besar dan perubahan yang berlaku dalam zaman yang amat bergelora dan dinamik ini. Sejak masa beliau menjadi mahasiswi di Universiti Malaya, pada anak tangga pertama sebelum menjejak kaki di alam yang lebih luas, hingga ke zaman perkhidmatan yang berjasa dalam bidang kesihatan, beliau secara sedar telah membuat keputusan untuk berkhidmat kepada bangsa. Demikian juga selama 42 tahun beliau telah menjalankan tugas sebagai isteri, 20 daripadanya sebagai isteri Perdana Menteri, dengan ghairah dan cemerlang.

Tidak ramai di kalangan kita yang mendapat peluang untuk terlibat secara langsung dalam proses sejarah negara kita, apatah lagi berpeluang memberi sumbangan. Peluang sedemikian memerlukan waktu yang sesuai, kumpulan keputusan yang tepat, dan disertai keupayaan mengambil kesempatan serta mencorakkan peristiwa berdasarkan wawasan tertentu. Datin Seri Dr. Siti Hasmah ialah antara mereka yang telah memilih jalan hidupnya, dan dengan penuh iltizam, mencatat kejayaan. Kita terhutang budi kepada beliau kerana telah menunjuk jalan kepada wanita Malaysia, tidak kira umur dan agama, bagaimana hendak menyumbang, bukan sahaja ke arah keharmonian keluarga dan rumah tangga, tetapi juga dalam struktur pembangunan negara.

Sebuah biografi tidak hanya merakamkan peristiwa dan meriwayatkan kisah-kisah. Untuk meyakinkan, biografi itu hendaklah menggambarkan suasana zaman yang berkenaan secara benar, menghuraikan kekuatan dan kelemahannya dengan pemberatan yang sama. Saya mengucapkan tahniah kepada Persatuan Siswazah Wanita Malaysia atas usaha yang mengagumkan ini. Kepada panel penulis, syabas. Bagi pihak Persatuan dan pembaca-pembaca buku ini, saya mengucapkan terima kasih kepada para penaja yang, melalui sumbangan mereka, telah menjayakan penerbitan buku ini.

DATO' SERI RAFIDAH AZIZ

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Penasihat Persatuan Siswazah Wanita Malaysia

November 1998

Selebaran Bicara



SYUKUR alhamdulillah Biografi Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali – Siti Hasmah: Citra Wanita Dua Zaman – yang telah diusahakan dengan penuh azam dan mesra oleh lima orang karyawan dari Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM), sejak kira-kira 20 purnama yang lalu, telah dapat disiapkan. Kami di PSWM amat bangga dan puas hati kerana berjaya memenuhi cita-cita murni kami untuk mengusahakan Biografi ini.

Kami telah memendam cita-cita ini sejak mula tertubuhnya PSWM lagi, 20 tahun yang lalu. Kami sangat tertarik dengan perawakan, keperibadian, kewibawaan, dan karisma beliau bukan sahaja sebagai isteri pemimpin utama negara tetapi juga sebagai penunggal kami yang dikasihati, lebih-lebih lagi sebagai individu yang memadurkan peranan sebagai karyawan perubatan yang prihatin dan disegani, sebagai isteri dan ibu mithali, sebagai pemimpin masyarakat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan sebagai pencinta sukan dan seni yang setia, dengan begitu berkesan sekali.

PSWM berasa sungguh terhormat apabila Datin Seri dengan senang hati mengizinkan kami mengusahakan Biografi ini. Semakin kami mendekati beliau melalui temu bual dengannya dan sanak-saudaranya, termasuk YAB Dato' Seri Dr. Mahathir dan semua anak-anak beliau, semakin terserlah ciri-ciri istimewa beliau, dan nyata sekali ciri-ciri ini tiada kena-mengena dengan kedudukan beliau sebagai isteri pemimpin. Kami yakin sekiranya beliau tidak menjadi isteri pemimpin perdana negara, Datin Seri Dr. Siti Hasmah tetap unggul dan istimewa.

Kami ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada YAB Dato' Seri Dr. Mahathir, anak menantu beliau, saudara-mara dan sahabat handai Datin Seri dan semua pihak yang membantu kami mengumpulkan maklumat dan perspektif mengenai diri Datin Seri. Kami juga amat terhutang budi kepada penasihat kami, Dato' Seri Rafidah Aziz, atas panduan dan bantuan beliau. Kepada semua dermawan yang telah membantu membiayai projek ini, terima kasih daun keladi yang tidak terhingga daripada kami.

Kepada kelima-lima teman, Datin Azizah Makhzani, Prof. Datuk Dr. Nik Safiah Karim, Prof. Dr. Rokiah Talib, Prof. Dr. Farida Habib Shah, Puan Normah Dali, dan Puan Khoo Siew Mun, hanya Allah yang dapat membalas budi, dedikasi dan sumbangan saudara sekalian di atas *labour of love* yang menghasilkan Biografi ini. Teman-teman di Arus Intelek Sdn. Bhd. telah memberi sumbangan yang amat berharga dalam menguruskan aspek-aspek teknikal Biografi ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Datin Fauziah Ramly, Puan Atikah Adom, Puan Aminah A. Rahim, Puan Roslina A. Manap serta teman-teman yang lain di PSWM yang telah membantu usaha menerbitkan Biografi ini.

Moga-moga pembaca budiman sekalian dapat menghayati nilai permata yang menjadi citra dua zaman melalui Biografi ini.

DATO' ASIAH ABU SAMAH

Presiden Persatuan Siswazah Wanita Malaysia
Kuala Lumpur

November 1998





PROLOG

Secelbis Diari

**Bak tumbuhan yang rendah
dahan tempat berpaut
pohon tempat bernaung**

*D*ENGAN perlahan-lahan sebuah Mercedes berwarna kopi susu bernombor WCQ 1 berhenti di hadapan sebuah hotel terkemuka di bandar raya. Sambil seorang pengawal membuka pintu belakang Mercedes itu, Siti Hasmah melangkah keluar dengan mengorak senyuman riang mesra, senyuman yang seolah-olah mempunyai kuasa menjangkiti para hadirin yang sedang menunggu untuk menyambut ketibaan beliau. Sambil menghulurkan tangan untuk bersalaman dengan tuan rumah, Siti Hasmah bersuara, "Apa khabar Tan Sri...?" Beliau menoleh ke kanan dan ke kiri, menjabat tangan seorang demi seorang penyambut tetamu yang hadir dengan senyuman manis menyerlahkan wajah yang penuh keceriaan dan kemesraan. Jika ada di antara mereka yang dikenalnya, Siti Hasmah terus mengiktiraf kenalan itu dengan menyebut namanya dengan suara yang lembut dan nada yang jelas hingga boleh didengar oleh semua, "Fauziah ... apa khabar?"



Siti Hasmah tiba untuk merasmikan Siti Ceramah Tahunan Datin Seri Dr Siti Hasmah anjuran Persatuan Siswazah Wanita Malaysia, Oktober 1997.

Siti Hasmah sudah tiba di satu lagi upacara besar-besaran di mana beliau telah diundang untuk merasmikan satu lagi majlis. Kehadiran beliau menambah seri suasana dan menarik hadirin ke majlis itu. Sambil diiringi oleh tuan rumah, Siti Hasmah berjalan tegak dan cergas menuju ke dewan majlis, tidak sekali-kali memperlihatkan umurnya yang telah melewati 70 tahun atau kesakitan di kakinya akibat tergelincir pada suatu ketika dahulu. Dalam satu upacara rasmi yang lain pula, Siti Hasmah duduk semeja dengan wanita-wanita pertama dari negara asing yang antara mereka telah melangkaui usia tujuh puluhan; namun Siti Hasmah tetap kelihatan lebih muda dan lebih cergas. Gaya pakaiannya yang menarik tanpa menjolok mata serta wajahnya yang sentiasa kelihatan tenang dan ceria membuatkan orang terlupa bahawa beliau seorang yang telah lanjut usianya. Bak kata orang, 'tak makan tua'.

Walaupun usianya sudah meningkat, Siti Hasmah masih giat melaksanakan pelbagai tugas harian mengikut keperluan berbilang peranan yang disandangnya, seperti yang dicerminkan dalam

diari beliau yang begitu ketat. Bayangkan suasana di Sri Perdana pada setiap Hari Raya Puasa: Siti Hasmah akan berdiri di sisi suaminya untuk bersalaman dengan hampir 20,000 pengunjung selama sehari suntuk, kecuali berehat barang satu jam untuk makan tengah hari. Dengan iringan senyuman yang segar, beliau menjabat tangan setiap pengunjung tanpa memperlihatkan sebarang keletihan atau kejemuan, walaupun beliau sudah berdiri mungkin lebih daripada lapan jam.

Siti Hasmah memulakan setiap hari dengan bangun awal untuk solat subuh. Ini diikuti dengan mengatur tugas bagi pembantu rumah dan pekerja di Sri Perdana. Beliau seterusnya bersama-sama suaminya yang tercinta untuk bersarapan. Setelah suaminya keluar ke pejabat untuk menjalankan urusan sebagai Perdana Menteri, Siti Hasmah memulakan persiapan beliau bagi menghadapi acara-acara yang dijadualkan pada hari itu.

Pada sebelah pagi, sering kali beliau keluar sebelum pukul 9.30 pagi untuk menyempurnakan pelbagai acara rasmi yang berkaitan dengan hal wanita, kanak-kanak, kesihatan, seni dan kraf-tangan, sukan badminton dan juga, tidak ketinggalan,



Siti Hasmah bersama peserta luar negara yang menghadiri Seminar Wanita dan Media, 1997.

acara rasmi berkaitan dengan persekolahan dua orang anak kecil beliau yang kedua-duanya berada di tingkatan satu. Beliau dikenali oleh masyarakat di sekolah sebagai ibu yang tidak melupakan atau mengabaikan acara-acara sekolah anak-anaknya. Malah apabila beliau diperlukan mengiringi Perdana Menteri ke luar negara, Siti Hasmah akan memastikan salah seorang daripada ahli keluarganya akan menghadiri acara-acara sekolah itu bagi pihak beliau.



Menyiapkan bingkisan kueh Hari Raya untuk pasukan keselamatan (anjaran BAKTI), 1997.

Sering kali juga pada sebelah pagi, beliau akan mengadakan atau menghadiri mesyuarat persatuan-persatuannya, misalnya BAKTI. Mesyuarat BAKTI dan persiapan untuk kegiatan BAKTI merupakan benar-benar kerja atau tugas bagi Siti Hasmah dan ahli jawatankuasanya. Menurut Datin Noorhayati bt. Kamaluddin, bekas Setiausaha Kehormat BAKTI dan isteri Dato' Raja Ariffin, bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, "Datin Seri melibatkan diri secara terus-menerus dalam BAKTI. Kepimpinan beliau telah menjadikan BAKTI lebih kukuh, lebih dinamik dan lebih bermakna. Beliau memberi banyak tunjuk ajar serta memperlihatkan sifat keprofesionalan dalam pergerakan BAKTI."

Selesai menyempurnakan acara-acara pada sebelah pagi, Siti Hasmah akan berada di rumah pada waktu tengah hari untuk bersama-sama suaminya menikmati hidangan makan tengah hari. Jarang-jarang sekali beliau menerima acara makan tengah hari berasingan di luar rumah. Makan tengah hari adalah masa yang khas bagi mereka berdua, diikuti dengan berehat barang setengah jam. Pada setiap hari Jumaat pula, sudah menjadi kebiasaan bagi ketiga-tiga orang anak lelaki mereka, Mirzan, Mokhzani, dan Mukhriz mengunjungi ibu dan ayah mereka untuk makan tengah hari bersama-sama selepas sembahyang Jumaat.

Tiba bersama
Mahathir
untuk
perasmian
Seminar di
sebuah hotel.



Pada sebelah petang pula, Siti Hasmah mungkin mendapat jemputan untuk upacara rasmi seperti yang terdapat pada sebelah pagi. Selepas berehat sebentar, Siti Hasmah akan bersiap untuk keluar makan malam bersama-sama Perdana Menteri yang seringkali mendapat pelbagai undangan. Menghadiri acara malam hari bermakna mereka tidak akan balik ke rumah sebelum pukul 11.00 malam. Hanya selepas itu barulah tugas seharian mereka selesai. Dalam kesibukan jadual seharian ini, Siti Hasmah akan mencari masa untuk mengawasi pelajaran kedua-dua anak kecilnya. Di samping itu, beliau juga berusaha menyusun atur masa supaya berkesempatan untuk bermesra dengan kelima-lima orang anaknya yang lain berserta keluarga mereka. Dalam pada itu, beliau tidak lepas daripada rasa prihatin terhadap kesihatan suaminya dan tanggungjawab negara serta pergerakan politik beliau.

Setiap hari, jadual yang ketat seperti ini diikuti Siti Hasmah tanpa mengenal penat, segan, atau jemu. Ke mana-mana sahaja beliau pergi, Siti Hasmah diharap akan sentiasa berwajah segar, tenang dan tersenyum. Tiada ruang baginya untuk mengalah kepada keletihan atau kebosanan. Beliau perlu mengamalkan disiplin diri, semangat tabah, dan perasaan sabar agar berupaya menjalankan segala yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

July 1997

28 Monday (Langkawi Dialogue)

8:30 PM - Meeting (Official)

2:00 p.m. - Meeting for Langkawi
 3:00 p.m. - Meeting for Langkawi
 4:00 p.m. - Meeting for Langkawi

9:45 a.m. - Kunjungan hormat oleh Isteri Menteri (Wan Yusop bin)

leaves for Langkawi
 5:30 p.m. - Exhibition of Photographs (22 orang)
 8:00 p.m. - Official Opening (Azizah) diijazah beach resort

12:00 noon - Pasting head Fishes at Kuching, in Malaya, in Langkawi

8:30 a.m. - Meeting with FGS

p.m. - leave for K.H.

30 Wednesday

2:30 p.m. - Leave for Langkawi

3:30 p.m. - Closing Dialogue (Bijaya Beach Resort)

11:30 PM - Dinner Stella Florence from Sabah - ok, Studana

3:00 p.m. Dinner and leave for home

JULY 1997							AUGUST 1997							SEPTEMBER 1997							OCTOBER 1997							NOVEMBER 1997							DECEMBER 1997																										
S	M	T	W	T	F	S	S	M	T	W	T	F	S	S	M	T	W	T	F	S	S	M	T	W	T	F	S	S	M	T	W	T	F	S	S	M	T	W	T	F	S																				
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31

January 1998

19 MONDAY • ISHIN

20 Rama-Ram 1412

10.00 bersiap ke terminal
0.00 (Kursus ANEJI)
de Perdana

3.00 p.m. Berlepas ke
Langkawi (Bersama)
- Hinerary bersama

7.00 p.m. - Majlis Berbuka
Puasa
di Langkawi

20 TUESDAY • SELASA

019 144

* 8.30.00 m

Mainan

10.00 a.m. - Jarak 4 Child
8.30 a.m. - PM to Johor
9.00 a.m. - Panch. Gumatu
3.00 p.m. - CIMBDEF untuk
penyampaian
bungkusan BAKT1

11.00 a.m. - E-Mail
Produce at
Spuduna.

5.45 p.m.

Majlis Berbuka
Puasa Bersama
Profesional BaktiMal
(bersama)

21 WEDNESDAY • RABU

021 144

22 Rama-Ram 1412

10.00 a.m. - Tarj Club
menyedia cat
kap. BAKT1
(Tan Sri NIK NORD)

6.30 p.m.

Majlis Berbuka
Puasa Anak-
Yahim di Jarak.
(Gisana) Tabung
Hayti.





Di Pangkuan Keluarga

**Jikalau benih yang baik
dilemparkan ke lautan menjadi pulau**

BAK kata pepatah, 'Ke mana tumpahnya kuah, kalau tidak ke nasi'; begitulah juga bagi Siti Hasmah. Beliau mewarisi tiga ciri penting daripada ibu bapanya, iaitu disiplin diri, semangat tabah, dan perasaan sabar serta pelbagai nilai murni yang lain. Bapanya, Haji Mohd. Ali bin Taib, mula bekerja sebagai kerani biasa di Pejabat Kesihatan di Klang. Melalui usaha yang gigih, beliau meningkat hingga ke pangkat pegawai di Mahkamah Majistret di Kuala Lumpur dan akhirnya dilantik sebagai *Official Assignee* dan *Public Trustee*. Keluarga Haji Mohd. Ali bin Taib dan Hajah Siti Khadijah binti Haji Ahmad tidak banyak berbeza dengan keluarga kelas menengah yang lain. Didikan dalam keluarga Haji Mohd. Ali dan Hajah



Haji Mohd. Ali bin Taib
M.B.E., J.P., A.M.N.



Hajah Siti Khadijah
binti Haji Ahmad

Siti Khadijah berteraskan kepatuhan kepada agama dan sifat-sifat kemelayuan. Di samping itu, sebagai seorang yang berpelajaran, Haji Mohd. Ali telah berjaya menerapkan nilai-nilai sejagat di kalangan anak-anaknya seperti mementingkan pelajaran, sifat berdikari, dan rasa tanggungjawab terhadap segala tugas hingga sempurna.

Isterinya pula, Siti Khadijah, lebih banyak menekankan pemupukan nilai-nilai murni seperti murah hati, kasih sayang, dan taat setia sesama keluarga, serta tingkah laku yang lemah lembut, sopan santun, dan penuh beradab. Sesungguhnya imej wanita Melayu idaman bersandarkan sifat-sifat dan nilai-nilai seperti ini. Maka tidak menghairankan jika Siti Hasmah diasuh dalam rangka acuan yang sama.



Adik-beradik Siti Hasmah:


Barisan belakang (dari kiri ke kanan) – Zainal Abidin, Jaffar, Hashim

Barisan tengah (dari kiri ke kanan) – Ahmad Razali, Abdul Aziz, Mahd. Noor, Ismail


Barisan depan (dari kiri ke kanan) – Siti Jameah, Siti Hasmah, Mahathir, Saleha

SUSUR GALUR KELUARGA TUAN HJ. MOHD. ALI

Hj. Mohd. Ali bin Taib




Hajah Siti Khadijah binti Ahmad





SUSUR GALUR KELUARGA SITI HASMAH

Siti Hasmah bt. Mohd. Ali + Mahathir bin Mohamad



Sebenarnya keluarga Haji Mohd. Ali dan Hajah Siti Khadijah tergolong dalam keluarga yang sederhana tetapi agak luar biasa kerana telah melahirkan tiga belas orang anak. Tiga orang meninggal dunia pada waktu kecil, manakala sepuluh orang yang lain terus membesar. Setiap seorang daripadanya mencatat kejayaan masing-masing. Jalinan erat mesra sesama ahli keluarga menggariskan kehidupan mereka. Suasana dan gaya hidup keluarga Haji Mohd. Ali dan Hajah Siti Khadijah serta nilai-nilai murni dan budaya Melayu yang sentiasa ditekankan telah banyak mencorak dan membentuk budi pekerti dan personaliti Siti Hasmah.

Dato' Zainal Abidin



Tan Sri Hashim

Daripada ibunya, sifat pandai mengatur masa, menyelenggara, dan mengurus hal rumah tangga telah mengukir keperibadian Siti Hasmah. Sebenarnya, ibunya seorang pengurus semula jadi. "Mak pernah simpan buku kecil, Buku Nota 555, di mana beliau menulis harga barang yang dibelinya bagi keperluan hari-hari. Beliau juga menyimpan buku catatan pakaian yang dihantar ke dobi. Koleksi buku ini masih lagi tersimpan," ujar Datuk Jaffar. "Maklah yang menyediakan segala-galanya di rumah sementara ayah pergi bekerja. Pada masa Jepun, saya teringat keluarga kami tidak mendapat beras yang mencukupi kerana kami ramai adik-beradik dan kawan-kawan pula selalu datang ke rumah. Tetapi mak akan memastikan bahawa adik kami yang paling kecil, iaitu Zainal Abidin, dapat makan nasi setiap hari manakala kami yang lain yang lebih tua makan ubi kayu, pisang, dan sebagainya," Datuk Jaffar menyambung lagi.

Menurut Datuk Jaffar, antara kawan-kawan yang selalu datang ke rumah termasuk Tan Sri Ghazali Shafie, Tun Abd. Razak, dan Tan Sri Raja Mohar. Kenyataan ini turut disokong oleh Datin Siti Aishah bt. Mohd. Ghazali, anak Puan Jameah, kakak Siti Hasmah. Siti Aishah bertugas sebagai Setiausaha Sulit Khas di Pejabat Perdana Menteri dan bertanggungjawab atas segala acara rasmi Siti Hasmah. "Di rumah tok dulu, sentiasa ramai orang. Selain anak-anaknya, sekurang-kurangnya dua tiga orang lain akan tinggal bersama pada setiap masa. Kini, bagi Datin Seri, untuk bergaul dengan orang-orang kenamaan atau orang-orang biasa sudah tidak menjadi perkara baharu lagi," Datin Siti Aishah bercerita.




Datuk Jaffar

Kenalan rapatnya serta ahli-ahli BAKTI turut menegaskan bahawa Siti Hasmah bersifat *people oriented*, senang didekati dan cepat mesra. "Dalam BAKTI, mudah kita hendak mengendalikan kerja di bawah kepimpinan Datin Seri. Beliau akan menyemak semua minit mesyuarat dengan Setiausaha dan meneliti akaun Bendahari dan seterusnya mencadangkan tugas-tugas susulan. Beliau tidak pernah meninggikan suara jika ada sesuatu yang tidak memuaskan," jelas Toh Puan Aishah Ong, Bendahari BAKTI yang telah banyak menyumbangkan jasanya kepada BAKTI selama beberapa tahun. "Kami semua sudah faham bahawa Datin Seri tidak suka akan kerja-kerja yang tidak teliti, tidak rapi, atau tidak selesai. Bagaimanapun, beliau akan menunjukkan ketidakpuasan hatinya dengan perubahan air muka sahaja dan akan bersuara perlahan tetapi tegas. Noorhayati, lain kali," jelas Datin Noorhayati pula.

Daripada kedua-dua orang tuanya, Siti Hasmah mewarisi tabiat disiplin diri dan menghadapi sesuatu tugas dengan tabah dan sabar. Penghargaan terhadap nilai pelajaran bersama dengan kegemaran kepada muzik, seni, dan kraftangan telah dihayatinya sejak masa di pangkuan keluarga.

"Ayah mendorong semua anaknya, tanpa mengira lelaki atau perempuan, supaya tekun belajar. Matlamat ayah biarlah anak-anaknya menjadi orang yang jujur, berbakti dan boleh berdikari dari segi ekonomi," kata Dato' Paduka Saleha. "Sebenarnya, saya lebih meminati bidang kewartawanan dan pernah menulis untuk majalah **Young Malaysians**. Tetapi ayah dan mak




Dato' Paduka Saleha

mendorong saya untuk mengambil bidang perubatan. Mula-mulanya, sebelum memasuki universiti, saya berasa kurang yakin kerana saya hanya mempunyai mata pelajaran Biologi sahaja. Tetapi setelah berjaya mendapat tempat di universiti, keyakinan saya bertambah tahun demi tahun, kerana saya mendapat seorang tutor peribadi bernama Mahathir Mohamad.” Siti Hasmah bercerita dengan tersenyum simpul.

Kini, nilai-nilai murni dan teras hidup yang dimiliki ibu bapa Siti Hasmah diperturukannya kepada ketujuh-tujuh orang anaknya pula. “*Mummy* dan *daddy* menekankan supaya kami mendapat asas-asas pelajaran dan memiliki nilai-nilai hidup yang kukuh. Semasa kami bersekolah, mereka akan menyemak setiap keputusan peperiksaan yang kami peroleh. Di samping itu, mereka mementingkan supaya kami membina disiplin diri, memelihara sifat sopan santun Melayu, dan menghormati pandangan atau pendapat orang-orang tua. Selain itu, mereka tidak memaksa kami dalam apa jua hal, sama ada dalam memilih kerjaya atau memilih pasangan hidup. Apabila dilihatnya kami sudah boleh berfikir dalam-dalam dan berupaya membuat pertimbangan serta yakin tentang pilihan kami, *Mummy will stand by us*,” ujar Mukhriz, anak kandung bongsunya.

Marina, anak sulungnya, juga bersependapat. Beliau menegaskan, “*Mummy* menekankan supaya kami bekerja keras dan bersungguh-sungguh. Beliau berpendapat bahawa kita tidak boleh mendapat sesuatu dengan percuma sahaja. Perlu ada pelaburan masa dan usaha. Sebagai ibu, beliau tegas tetapi lembut. Nilai-nilai kejujuran, kebenaran, dan keadilan menjadi teras hidup dan ditekankan kepada kami semua adik-beradik. Dari semasa ke semasa, beliau akan duduk bersama-sama kami untuk memberi pandangan, pesanan, dan nasihat.”

Selain ciri-ciri yang diwarisinya daripada orang tuanya, Siti Hasmah mempunyai peribadi unggul, seperti yang digambarkan oleh komen-komen adik-beradiknya dan anak-anaknya sendiri. Abangnya, Allahyarham Tun Ismail, telah menegaskan, “Siti Hasmah adalah pengurus yang luar biasa seorang pengurus rumah tangga yang mengalami pelbagai cabaran. Beliau baik hati dan lembut orangnya, lebih-lebih lagi apabila menghadapi pesakit dan anak-anak kecil.”



Allahyarham Tun Ismail

Kakaknya, Dato' Paduka Saleha, pula menceritakan, "Dalam keluarga ini, di antara tiga orang adik-beradik perempuan kami, Jameah dianggap yang tercantik dari segi rupa dan tingkah laku, Siti Hasmah yang paling nakal dan saya pula dianggap *tomboy*. Siti Hasmah juga cukup sabar dan tahan hati. Beliau tidak pandai marah-marah, hanya beliau akan menangis seorang diri apabila rasa tertekan."

Ketiga-tiga anak lelakinya, Mirzan, Mokhzani, dan Mukhriz pula berpendapat bahawa, "Kekuatan *mummy* adalah dalam menguruskan keluarga bermula dari masa kami masih kecil di Alor Star hinggalah kami semua keluar universiti. Kami masih ingat lagi, semasa kami tinggal di asrama, beliau tak putus-putus menghantar bekalan makanan."

"Seperti dalam beberapa keluarga yang lain, *daddy* sibuk; *mummy* pun sibuk, tetapi apabila kami memerlukan, *mummy* pasti ada bersama-sama kami," tegas Mukhriz. Hal ini juga diakui oleh

kakaknya, Marina. Menurut Marina, apabila beliau melahirkan anaknya di Kobe, Jepun, Siti Hasmah sanggup datang untuk menjaga dan merawatinya selama sebulan. Kebetulan pula pada waktu itu, Mahathir sedang menerima cabaran hangat dalam peristiwa krisis UMNO 1987. Namun demikian, Siti Hasmah memilih untuk bersama-sama anaknya walaupun hatinya menngis untuk berada di sisi suaminya.



Hj Mohd. Noor



Datuk Ahmad Razali



Siti Jameah



Abdul Aziz





Jikalau Hendak Melentur Buluh ...

**Mendidik seorang wanita sama
seperti mendidik sebuah bangsa**

*P*ADA tanggal 12 Julai 1926, bersamaan 1 Muharam 1346H, telah lahir seorang puteri di Kampung Jawa, Klang, Selangor Darul Ehsan. Puteri ini, yang diberi nama Siti Hasmah, ialah anak ketujuh daripada sepuluh orang adik-beradik dalam keluarga Haji Mohd. Ali bin Taib dan isterinya Hajah Siti Khadijah binti Haji Ahmad.

Siti Hasmah membesar di sekitar Kuala Lumpur kerana ayahnya berkhidmat di jabatan kerajaan di bandar tersebut. Sewaktu menyampaikan ucapan dalam upacara Konvokesyen Universiti Malaya pada 18 Ogos 1995, setelah menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan, Datin Seri Dr. Siti Hasmah telah memberikan penghargaan kepada keluarganya dengan



Gambar kenangan di hadapan kereta, diambil pada tahun 1929. Dari kiri: Pak Cik Ahmad, Ismail (abang), Kalsom, Siti Hasmah, Maimon, Jameah (kakak), dan Hj. Mohd. Ali (bapa).

mengatakan, "Saya dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan ibu bapa dan nenek yang berpandangan luas dan keluarga yang menjadi penyokong kuat."

Menurut Siti Hasmah, kelulusan ayahnya yang paling tinggi ialah Darjah Tujuh, dan beliau mula bertugas sebagai seorang kerani di Pejabat Kesihatan di Klang. Setelah berpindah ke Kuala Lumpur, beliau berusaha meningkatkan pendidikan dengan mengikuti kursus undang-undang melalui Pitman's College Correspondence Course. "Ketabahan, keazaman dan ketekunan hati untuk belajar bagi mencapai sesuatu yang tinggi membolehkan ayah saya meningkat dalam jawatannya daripada seorang kerani biasa kepada Pegawai Mahkamah Majistret dan akhir sekali sebagai *Official Assignee* dan *Public Trustee*. Selepas bersara, beliau dipanggil semula untuk berkhidmat sebagai Penasihat Undang-undang Negeri Terengganu, Presiden Hal Ehwal Agama Islam Negeri Selangor dan akhir sekali sebagai Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Umum Bahagian Sabah sehingga akhir hayat beliau." Haji Mohd. Ali meninggal dunia pada 16 Januari 1967 ketika usianya 71 tahun.

Penceritaan tentang ayah beliau ini disampaikan oleh Siti Hasmah untuk menggambarkan sikap ayahnya terhadap pendidikan dan pencapaian tinggi yang diturunkan kepada anak-anaknya. Seperti yang telah dijelaskan, dalam bidang pendidikan, tidak terdapat sebarang diskriminasi antara anak lelaki dengan anak perempuan dalam keluarga ini. Tentang ayahnya, Siti Hasmah bercerita, "Ayah telah membahagikan masa dan giliran menghantar abang-abang saya ke sekolah **Victoria Institution** dan saya tiga beradik perempuan ke **Sekolah St. Mary** pada waktu pagi, ke kelas agama di rumah Tuk Imam Haji Sulaiman, Kampung Baru pada waktu petang dan pada hari Sabtu dan Ahad ke **Sekolah Perempuan Melayu Kampung Baru** untuk belajar bahasa Melayu dan Jawi."

Siti Hasmah mendapat pendidikan di sekolah Melayu dan Inggeris, iaitu di beberapa sekolah di sekitar Kuala Lumpur, khususnya di **Sekolah Melayu Kampung Baru**, **Methodist Girls School**, **St. Mary's School** dan **Pudu English Girls School**. Ini disebabkan keluarganya berpindah rumah beberapa kali. Siti Hasmah mempunyai ingatan yang amat jelas tentang zaman persekolahannya.

Walaupun persekolahannya di Sekolah Melayu tidak lama, beliau masih boleh mengingati suasana ketika itu. "Dari Darjah I hingga III, kami menggunakan papan batu dan kalam. Apabila tumpul, kami berlari ke tepi longkang sekolah untuk mengasah kalam supaya tajam. Apabila tersalah tulis di papan batu, ia dipadamkan sahaja dengan tangan atau dengan sedikit air liur. Mudah sahaja." Beliau

Bahagian hadapan
Sekolah St. Mary.




juga telah berkongsi cerita menarik tentang pengalamannya di Sekolah Melayu. Pertama ialah mengenai pelajaran Jawi yang begitu berfaedah bagi dirinya. Menurut beliau, kesempatan belajar menulis dan membaca Jawi telah membolehkan beliau berutus surat dengan ibunya, yang hanya tahu membaca dan menulis dalam tulisan Jawi. Jika tidak kerana ini, mungkin komunikasi beliau dengan kaum keluarga terjejas.

Perkara kedua ialah tentang latihan kebersihan. "Setiap hari kami menyapu longkang dan taman, membersihkan tandas dan bilik darjah sebelum masuk kelas," ceritanya sambil menekankan disiplin di sekolah sebagai satu unsur penting.

Sewaktu menyampaikan ucapan sebagai Tetamu Kehormat di Majlis Penyampaian Hadiah Sekolah St. Mary yang

terakhir sebelum sekolah tersebut berpindah ke bangunan baharu pada tahun 1996, Siti Hasmah telah menceritakan tentang pengalaman beliau tatkala bersekolah dahulu. Antara lain, beliau berkata,

"... saya mula bersekolah dalam Darjah 1 di St. Mary pada tahun 1934. Tiada sekolah petang ketika itu dan bilangan pelajar dalam sesebuah kelas tidak lebih daripada 20 orang. Saya ingat lagi ketika dalam Darjah 6, pelajar-pelajar Darjah 6 dan 7 terpaksa berkongsi kelas kerana bilangan pelajar yang kecil dan hanya seorang guru sahaja mengawal kedua-dua kelas. Ketika seluruh kelas membuat tugas *composition* secara senyap, darjah lain yang berkongsi kelas mempelajari subjek yang lain pula dengan guru yang sama."



Koridor Sekolah St. Mary, satu laluan yang menjadi ingatan semua bekas pelajarnya.

Rakan sedarjahnya yang juga merupakan rakan karib Siti Hasmah pada waktu itu, Puan Rajeswary Selvaratnam, masih ingat lagi zaman persekolahan mereka di Sekolah St. Mary. Mereka memang rapat dan selalu berpasangan kerana keluarga mereka tinggal berjiran di Jalan Travers dan juga kedua-duanya sebaya dan sama saiz (dua orang pelajar yang terkecil dalam kelas). "Kami bermain bersama-sama, bersama-sama naik buai, berpasangan dalam sukan (acara lumba lari tiga kaki) dan membuat persembahan pun bersama-sama," cerita Puan Rajeswary. Satu peristiwa yang masih segar dalam ingatan beliau ialah acara mempersembahkan sebuah puisi Inggeris dengan berpakaian seragam yang dijahit oleh ibu Puan Rajeswary. Ingatan beliau tentang Siti Hasmah adalah sebagai seorang yang berbudi bahasa, ramah dengan semua orang, pelajar yang tekun dan cerdik. "Beliau pandai dalam mata pelajaran Ilmu Hisab, dan saya pula dalam Bahasa Inggeris," jelas Puan Rajeswary. "Kami saling membantu dalam pelajaran sekolah."



Puan Rajeswary Selvaratnam, rakan sekolah Siti Hasmah di Sekolah St. Mary

Satu kisah yang diriwayatkan oleh Puan Rajeswary memberi gambaran Siti Hasmah sebagai mempunyai unsur *humour*. Pada masa mereka bersekolah dahulu, sewaktu naik ke pentas untuk memberi persembahan, anak tangga ke pentas tidak tegap dan berkeriang-keriut. Puluhan tahun kemudian, tatkala hadir di Majlis Penyampaian Hadiah yang terakhir sebelum Sekolah St. Mary berpindah ke tapak baharu dan setelah berucap di atas pentas sebagai Tetamu Kehormat, Siti Hasmah telah berbisik kepada Puan Rajeswary, "Anak tangga itu masih berkeriang-keriut."

Pelajar-pelajar lain yang bersekolah sama dengan Siti Hasmah, misalnya anak-anak Encik Vethavanam (iaitu Sunita, Sunalini, dan Susheila yang berkawan baik dengan anak-anak perem-

puan Haji Mohd. Ali) mempunyai ingatan segar tentang Siti Hasmah. Beliau sentiasa tersenyum dan ramah. Ingatan mereka tentang sifat peribadi Siti Hasmah semasa zaman persekolahan adalah sebagai orang yang periang.

Walaupun Sekolah St. Mary sekolah mubaligh, asuhan yang didapati oleh Siti Hasmah meneruskan corak didikan yang diterima daripada asuhan keluarga kerana sekolah tersebut mementingkan nilai-nilai moral. Sifat-sifat yang diberi keutamaan ialah kejujuran, keadilan, dan iltizam kerana cogan kata sekolah berbunyi, "Saya berkhidmat" (*I serve*). Sebenarnya ketiga-tiga anak perempuan Haji Mohd. Ali, iaitu Saleha, Jameah, dan Siti Hasmah bersekolah di St. Mary. Sekolah tersebut memang berasa bangga mempunyai bekas pelajar yang berusaha memberi sumbangan kepada negara dan yang hingga kini tidak memutuskan hubungan dengan sekolah lamanya.

Jelaslah zaman persekolahan merupakan zaman yang menyeronokkan bagi Siti Hasmah. Pada masa beliau di Sekolah St. Mary, guru besarnya ialah Miss Marsh dan sewaktu di Sekolah Perempuan Methodist, guru besarnya Miss Doughty. Siti Hasmah mengekalkan hubungan dengan guru-guru lamanya hingga ke akhir hayat mereka.

Prestasi beliau di sekolah amat baik dan telah beberapa kali melangkah darjah. Atas desakan beliau sendiri, semasa hanya berumur 14 tahun, Siti Hasmah menduduki peperiksaan Senior Cambridge. Prestasinya dalam cubaan pertama itu kurang memuaskan dan ini menjadi pendorong besar bagi beliau untuk berusaha dengan lebih gigih lagi. Selepas Perang Dunia II, pada tahun 1946, beliau sekali lagi menduduki peperiksaan Senior Cambridge di Sekolah Inggeris Pudu dan memperoleh pangkat pertama.

Mengikut apa yang diceritakan oleh ahli keluarganya, terutamanya Dato' Paduka Saleha, Siti Hasmah merupakan seorang yang suka bermain. Dia mempunyai *sense of humour* dan gemar tidur dan senang menangis. "Cik Mah sangat suka tidur," demikian diungkapkan oleh Dato' Paduka Saleha sambil tersenyum mengingatkan masa lampau. Cik Mah nama timangan untuk Siti Hasmah di kalangan adik-beradiknya.


Di samping ayahnya, terdapat dua orang wanita yang telah mempengaruhi Siti Hasmah sewaktu kecil. Pertama ialah ibunya, yang sentiasa menemani Siti Hasmah belajar sehingga larut malam, dan beliaulah yang sentiasa mendorong Siti Hasmah supaya terus berusaha. Kata Siti Hasmah, "Sepuluh orang anak dibelainya dengan penuh kasih sayang dan disediakan makan minum dan pakaian yang cukup. Kepentingan dirinya diketepikan. Kekurangan pendidikan dirinya sendiri tidak menghalang ibu saya menggalakkan anak-anak perempuannya mencari ilmu di sekolah. Tidak ada perasaan bimbang, kolot atau sangsi." Kenyataan terakhir ini begitu besar artinya kepada Siti Hasmah adik-beradik memandangkan sekolah yang mereka masuki dikendalikan oleh golongan Kristian.

Orang yang kedua yang tidak dapat dilupakan oleh Siti Hasmah ialah neneknya, Siti Naemah bt. Sutan Baginda Perang, yang berasal dari Sumatera. "Yang hairannya," kata Siti Hasmah, "sungguhpun kedua-dua nenek dan ibu saya tidak berpelajaran tetapi mereka sentiasa menekankan kepentingan pelajaran di kalangan kaum perempuan dalam keluarganya." Hasil daripada dorongan ini, Siti Hasmah bukan sahaja menjadi seorang yang tekun tetapi juga berani menempuh cabaran dan tentu sekali tidak menolak peluang yang terdampar. Satu ingatan yang jelas bagi Siti Hasmah tentang neneknya ialah keberaniannya menjadi *bodyguard* kepada cucu-cucunya daripada menjadi sasaran disiplin orang-orang dewasa. "Siapa pun tidak akan boleh memukul kami tanpa memukul badan nenek dahulu," jelas Siti Hasmah, "kerana beliau akan memeluk erat cucunya yang hendak dipukul."

Satu ingatan yang masih jelas bagi Siti Hasmah ialah suasana penghayatan muzik yang wujud di kalangan ahli-ahli keluarga beliau. Di rumah mereka terdapat sebuah piano tua yang dibeli oleh ayah mereka. Pada mulanya, seorang konduktor muzik berbangsa Perancis dari depot polis telah diambil untuk mengajar kakak-kakaknya, Saleha dan Jameah, kerana ketika itu Siti Hasmah masih kecil. Kemudiannya, iaitu semasa pemerintahan Jepun, Siti Hasmah dan adik-beradiknya telah diajar oleh seorang guru muzik yang terkenal di Kuala Lumpur ketika itu, Encik C.B. Gomez. Menurut anak mendiang En. Gomez, Puan Bridgit Menezes, bapanya memang pernah mengajar ketiga-tiga anak perempuan Haji Mohd. Ali. Menurut Puan Menezes, ingatan ayahnya mengenai Siti Hasmah adalah sebagai seorang pelajar yang serius dan tekun. Puan Menezes

sendiri masih ingat bagaimana kesemua pelajar ayahnya membuat persembahan konsert di rumahnya pada setiap petang Ahad.

Dengan tersenyum, Puan Menezes mengenang kembali satu peristiwa yang berlaku dalam salah satu persembahan konsert ini, di mana pada ketika Siti Hasmah bermain biola, penggeseknya patah dan terjatuh, lalu beliau menangi. En. Gomez kemudiannya menghadiahkan penggeseknya sendiri kepada Siti Hasmah sebagai ganti.



Mr. Gomez, guru muzik yang telah turut mempengaruhi minat Siti Hasmah terhadap seni muzik.

Hingga kini, penghayatan Siti Hasmah terhadap muzik amat tinggi. Pada hemat Puan Menezes, salah satu faktor mungkin berpunca daripada semangat yang dipupuk oleh ayahnya En. Gomez, yang merupakan seorang guru muzik yang berdedikasi. Seorang murid akan berupaya menghayati muzik sekiranya penghayatan itu dipupuk oleh orang yang benar-benar cinta akan muzik. Mengikut ingatan Siti Hasmah sendiri, waktu yang paling tekun beliau dan kakak-kakaknya melibatkan diri dengan muzik adalah sewaktu zaman pemerintahan Jepun. Menurut beliau, "Saleha dan Jameah berlatih piano, manakala saya biola. Setiap pagi En. Gomez akan berbasikal ke rumah kami di 1910 Pasar Road, dan bergilir-gilir mengajar kami."

Lagu-lagu yang biasa didengarkan oleh Siti Hasmah dengan biolanya berupa lagu-lagu popular masa itu dan juga lagu klasik. Gesekan biola beliau akan diiringi oleh kakaknya, Jameah, sementara Saleha pula bernyanyi. Sewaktu bermain muzik penonton yang paling tekun dan setia ialah nenek mereka, Siti Naemah. Walaupun umurnya telah menjangkau lebih 90 tahun, namun minatnya terhadap muzik tetap ada, lebih-lebih lagi jika cucu-cucunya yang memainkannya.

Sesungguhnya, darah seni mengalir di kalangan ahli-ahli keluarga Haji Mohd. Ali. Beliau sendiri pandai bermain gambus. Semasa pemerintahan Jepun, kumpulan *Ali Sisters* pernah berkesempatan mendendangkan lagu-lagu mereka menerusi Radio Malaya (kini RTM) melalui daya usaha guru muzik mereka, En. Gomez. Seperti biasa, Siti Hasmah bermain biola dengan iringan piano oleh Jameah sambil Saleha bernyanyi. Persembahan mereka mendapat sambutan. "Kami telah mempersembahkan lagu *Sarinande* dan *Hungarian Rhapsody*," cerita Siti Hasmah.

Dari segi pergaulan pula, Siti Hasmah mempunyai ramai kenalan, dan pergaulan ini tidak terhad kepada rakan sekaum. Malahan Siti Hasmah bergaul mesra dengan rakan-rakan dari kaum lain. Antaranya ialah rakan karib beliau, Puan Rajeswary. Walaupun ayah Siti Hasmah seorang yang berpegang kuat pada disiplin, ini tidak bermakna zaman remajanya terkongkong. Beliau diberi

kebebasan bergaul, menghadiri majlis dan acara berkumpulan; namun begitu kebebasan ini tidak pernah disalahgunakan.



Siti Hasmah (di sebelah kiri) dengan dua orang kakaknya, Puan Jameah dan Dato' Paduka Saleha.

Menatap gambar-gambar lamanya, Siti Hasmah kelihatan sebagai seorang gadis Melayu yang lemah lembut tetapi moden dari segi pakaiannya. Gambar hitam putih yang diperolehi daripada ahli keluarga dan *The New Straits Times* menunjukkan bagaimana ayunya Siti Hasmah dengan gaun dan skirt labuhnya. Beliau mula memakai cermin mata semasa berumur 10 tahun.

Zaman remaja Siti Hasmah merupakan zaman bersama-sama keluarga dan dunia persekolahan, yang juga meliputi zaman pemerintahan Jepun. Menurut beliau, Perang Dunia II di Asia telah menamatkan pen-

didikan beliau di Sekolah St. Mary. Setelah mengebom Singapura dan Pulau Pinang, tentera Jepun menjejak kaki di pantai negeri Kelantan pada 8 Disember 1941. "Pada waktu itu saya sedang menjalani peperiksaan School Certificate di dewan sekolah saya," jelas beliau. Ketika Jepun menawan Kuala Lumpur, Siti Hasmah baru berumur 15 tahun. Zaman pemerintahan Jepun dihabiskan oleh beliau dan dua orang kakaknya dengan mempelajari urusan rumah tangga daripada ibunya. "Ibu saya mengajar kami memasak dengan apa jua bahan yang boleh dibeli ketika itu," cerita Siti Hasmah.

Pengalaman-pengalaman yang dilaluinya semasa Malaya di bawah pemerintahan Jepun sungguh menarik. Tentang masakan, misalnya, oleh sebab kesukaran mendapat bahan mentah, nasi terpaksa dicampur dengan ubi kayu yang bersagat, dan kadang-kadang ragi dengan tepung jagung. Sayur pula dapat dibeli di pasar. "Pada giliran saya memasak, saya diperlukan menyediakan sarapan daripada putu mayam ala lama berkuah, atau putu bambu kukus untuk ayah, abang dan adik yang bersekolah. Susu tidak menjadi masalah kerana nenek dan kami ada memelihara kambing. Tidak ada alat-alat moden untuk membantu kami memasak. Semua bahan renciah digiling dengan batu giling. Hingga sekarang saya masih tidak tahu bagaimana hendak menyediakan renciah bahan memasak dengan mencedok serbuk cili, rempah dan sebagainya!"

Siti Hasmah juga turut mengimbas kembali pengalaman dunia muzik yang diperolehnya bersama-sama kakaknya semasa zaman Jepun. Beliau teringat akan kehebatan orkestra Jepun dengan konduktornya, Watanabe, yang telah memberikan persembahan di *Pavilion Theatre*. Antara lagu-lagu yang masih segar dalam ingatan beliau ialah *Down Rio Way* dan *La Cumparsita*. Demikian juga, beliau teringat akan beberapa lagu Jepun yang ditonjolkan sama ada melalui filem-filem Jepun atau di sekolah, yang antaranya ialah *Hanabe no Uta* dan *Shina no Yoru*.

Tidak semua kenangan zaman Jepun manis kerana ada juga saat-saat yang mencemaskan. Antara yang paling merunsingkan ialah apabila mengenangkan abang beliau, Ismail, yang sedang menuntut di England semasa meletusnya perang di Eropah. Namun, secara sulit, mereka berjaya

mendapat khabar bahawa keadaan Ismail baik apabila mendengar suaranya membaca berita di British Broadcasting Corporation (BBC) yang disiarkan khas ke Asia dari London. Tentang kehidupan orang awam di Kuala Lumpur, Siti Hasmah hanya mendengar khabar berkaitan keganasan tentera Jepun. "Syukur alhamdulillah, ayah saya, sebagai seorang pemimpin Melayu dan bertugas di Mahkamah, dihormati oleh pihak Jepun selama lima tahun di Malaya. Rumah kami tidak dicerobohi. Gambar Ismail dengan gaun penerimaan ijazahnya masih terpampang di dinding ruang tamu kami dan tidak dibantah oleh orang-orang Jepun yang datang ke rumah kami," cerita Siti Hasmah.

Pada keseluruhannya, baik pada zaman Jepun atau pada masa-masa lain, Siti Hasmah dan adik-beradik dilindungi oleh kaum keluarga dengan kasih sayang serta layanan yang mencukupi.

Paling penting bagi kedua-
dua ibu bapanya ialah pen-
didikan, sama ada diterima
secara formal ataupun tidak
formal. Dalam ucapan beliau
di majlis penganugerahan
Ijazah Doktor Pendidikan
kepadanya, beliau telah me-
nekankan perkara ini dengan
mengatakan, "Penganugerah-
an Ijazah Kehormat Doktor
Pendidikan ini bukan sahaja
tanda penghormatan kepada
diri saya, tetapi juga meng-
iktirafkan kepercayaan para
ibu bapa di dalam dewan



Siti Hasmah bersama kakaknya, Dato' Paduka Saleha dan abangnya, Allahyarham Tun Ismail.

yang mulia ini terhadap pentingnya pendidikan bagi anak-anak mereka, khasnya anak perempuan mereka." Dalam hal ini, beliau berpegang pada kata-kata hikmat, **'Mendidik seorang perempuan sama seperti mendidik sebuah bangsa'**.





Liku-Liku Hidup Di Kampus

**"Yang penting bukannya berapa kali kita terjatuh,
tetapi setiap kali kita terjatuh maka kita bangun semula"
- Confucius**

TAHUN 1947 merupakan tahun bersejarah yang menandakan permulaan pelbagai pembaharuan. Malaya, seperti negara-negara Asia yang lain, baru sahaja muncul dari kesengsaraan Peperangan Dunia II dan Pendudukan Jepun. Rakyat Malaya didorong semangat serta iltizam untuk membina hidup baharu bagi diri sendiri serta anak cucu mereka, setelah menderita sekian lama di bawah tekanan penjajah dan kekuasaan Jepun. Di Asia dan Afrika, beberapa negara yang masih dijajah mula berjaya melepaskan diri daripada kongkongan kuasa penjajah yang telah membelenggu mereka puluhan, malahan ratusan tahun. Perjuangan kemerdekaan di negara-negara jiran seperti Indonesia dan India telah sedikit sebanyak menyemarakkan semangat kebangsaan ini. Ramai mula sedar bahawa mereka boleh bertindak ke arah pembangunan dan kemajuan negara. Wadah yang paling berkesan untuk mencapai cita-cita ini ialah pendidikan tinggi.

Inilah senario yang telah mendorong Siti Hasmah, yang baharu sahaja lulus peperiksaan Senior Cambridgenya pada tahun 1946, mengambil peperiksaan untuk melanjutkan pendidikannya ke peringkat yang lebih tinggi. Ketika itu terdapat hanya dua institusi pendidikan tinggi di wilayah ini, iaitu King Edward VII College of Medicine (untuk kursus perubatan) dan Raffles College (untuk kursus di bidang sastera). Kedua-dua kolej ini terletak di Singapura. Kemasukan ke kedua-dua kolej ini melibatkan persaingan yang sengit kerana kriteria kemasukan adalah tinggi dan tempat pula terhad.

Siti Hasmah telah berjaya meneruskan pelajaran dengan mendapat tempat di **King Edward VII College of Medicine**, yang kemudiannya dikenali sebagai Fakulti Perubatan Universiti Malaya di Singapura (pada tahun 1949). Pada masa itu, ketika dalam pemerintahan British Military Administration, hanya jawatan doktor dan doktor pergigian sahaja dianggap setaraf dengan jawatan pegawai British. Oleh itu, apabila peluang untuk mengikuti kursus perubatan dan pergigian terbuka, tidak hairanlah permohonan memasuki King Edward VII College of Medicine



King Edward VII College of Medicine di Singapura (kemudian dikenali sebagai Fakulti Perubatan Universiti Malaya di Singapura).

ini mendapat sambutan hangat dan menimbulkan persaingan sengit di kalangan pemohon. Beratus-ratus penuntut memohon untuk ditemu duga dan pemilihannya dikendalikan di beberapa negeri di Persekutuan Tanah Melayu. Antara beratus-ratus permohonan, hanya seratus terpilih, 24 untuk pergigian dan 76 untuk perubatan. Dan hanya 10 orang wanita sahaja yang terpilih; Siti Hasmah merupakan wanita Melayu tunggal yang terpilih pada tahun itu, menjadikannya wanita Melayu yang kedua memasuki bidang perubatan. Yang pertama ialah Dr. Salmah bt. Ismail.

King Edward VII College of Medicine istimewa dari segi latar belakang dan tradisi. Kolej ini bermula sebagai Kolej Perubatan bagi Kerajaan Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1905. Pada tahun 1912 namanya bertukar menjadi King Edward VII Medical School sempena sumbangan daripada tabung King Edward Memorial Fund untuk penubuhan Kursi Fisiologi. Seterusnya kemajuan pesat berlaku dalam bidang akademik yang membawa kepada perubahan nama pada tahun 1921, iaitu King Edward VII College of Medicine. Pada masa itu kursi-kursi yang wujud adalah dalam bidang anatomi, perubatan, perbidanan dan ginekologi, surgery klinikal, dan surgery. Kolej ini terpaksa ditutup pada zaman pemerintahan Jepun dan dibuka kembali dalam tahun 1946. Tiga tahun kemudian (1949), King Edward VII College bergabung dengan Raffles College untuk membentuk Universiti Malaya.

Kekuatan dan kewibawaan kolej ini sudah sekian lama diperakui. Buktinya ialah perakuan oleh General Medical Council (GMC) Great Britain yang diperolehnya sejak tahun 1916. Sesungguhnya King Edward VII College of Medicine dan kemudiannya Fakulti Perubatan Universiti Malaya merupakan puncak pendidikan perubatan yang bermutu di wilayah ini.

Sungguhpun pada mulanya Siti Hasmah berminat menceburi bidang kewartawanan, namun kecenderungannya untuk merawat dan membantu sesiapa yang memerlukan pertolongan mengatasi segala-galanya. Contohnya, apabila terjadi sesuatu kemalangan kecil dalam keluarga, Siti Hasmahlah yang akan tampil memberi rawatan. Beliauah salah seorang ahli keluarga yang tidak takut melihat darah, luka, dan sebagainya. Malah dalam banyak perkara lain yang melibatkan keluarganya, beliau jugalah yang selalunya tampil memberikan pertolongan. Oleh itu, tidak hairanlah apabila peluang untuk menjadi seorang doktor ini terbuka luas, Siti Hasmah tidak

menolak. Pada mulanya beliau telah memohon memasuki dua kolej, iaitu Raffles College dan King Edward VII College of Medicine. Sebaik sahaja selepas ditemu duga, Siti Hasmah diberitahu bahawa beliau tidak perlu lagi pergi ke temu duga untuk Raffles College, yang bermakna beliau telah berjaya dipilih memasuki King Edward VII College of Medicine. Apabila beliau menerima berita ini, beliau berasa amat gembira. Perasaan ini turut dirasai oleh keluarga Siti Hasmah, terutama Haji Mohd. Ali yang berasa bangga anak perempuannya terpilih. Namun demikian, pertanyaan yang bermain-main di kepala Siti Hasmah ialah bolehkah dia menghadapi kursus perubatan, sedangkan dia hanya mengambil mata pelajaran Biologi tanpa Fizik dan Kimia. Ini adalah kerana sekolahnya, iaitu Sekolah St. Mary, pada ketika itu tidak menawarkan mata pelajaran tersebut. Oleh itu, semasa cuti sebelum bertolak ke Singapura, Siti Hasmah berusaha melengkapkan diri dengan mengambil tuisyen dalam bidang Kimia dan Fizik yang dianggap penting untuk memasuki bidang perubatan.

Siti Hasmah, ditemani oleh ibunya sendiri, menaiki kereta api ke Singapura pada pagi 1 Oktober 1947. Siti Hasmah masih ingat betapa penuh sesaknya gerabak kereta api dengan pelajar-pelajar dari Semenanjung yang akan memasuki sama ada King Edward VII College ataupun Raffles College. Begitulah besarnya tanggungjawab dan harapan ibu Siti Hasmah sehingga sanggup menemaninya ke kolej untuk mendaftar. Siti Hasmah terkenang bagaimana, dalam pelukan dan ciuman ibunya di luar pintu masuk kolej, ibunya membisik kepada Siti Hasmah, "Belajar baik-baik," sambil berlinangan air mata. Siti Hasmah juga teringat bagaimana dia turut menangis apabila melihat ibunya melambai-lambai tangan dari dalam kereta untuk bertolak pulang. Terimbas juga bagaimana beliau berdiri tercegat di luar bangunan kolej seketika kerana tidak berani masuk, ditambah dengan hati masih berasa sedih dan pilu. Biasanya memang ibu Siti Hasmahlah yang membawa anak-anaknya ke sekolah. Siti Hasmah faham perasaan hati ibunya melihat anak perempuannya masuk ke institusi pengajian tinggi kerana beliau sendiri berpelajaran tidak melebihi peringkat sekolah Melayu. Teringat kata-kata ibunya, "Kerana kasihkan anak, ibu sanggup berkorban dan menempuh perpisahan dengan anak."

Berbekalkan harapan dan semangat yang berkobar-kobar, Siti Hasmah bersama-sama penuntut lain bertekad untuk memulakan penghidupan baharu sebagai penuntut perubatan. Semua



Kelas '47 – Bakal-bakal doktor bergambar bersama di hadapan kolej mereka.

penuntut, termasuk Siti Hasmah, menganggap diri mereka bertuah kerana terpilih masuk ke King Edward VII College. Pemilihan ini seolah-olah memberikan sinar harapan untuk masa hadapan mereka dan rakyat Tanah Melayu umumnya. Mereka juga berasa seolah-olah suatu tanggungjawab terletak di atas bahu mereka, bukan sahaja untuk berjaya demi keluarga dan diri sendiri, tetapi juga demi kepentingan kemajuan penduduk Tanah Melayu.

Sememangnya penuntut-penuntut yang terpilih dalam kumpulan 1947 ini amat bertuah dan istimewa berbanding dengan penuntut-penuntut semasa pemerintahan Jepun (1942–45), yang kebanyakannya telah tergantung pelajaran buat sementara, misalnya P. T. Arasu, F. R. Bhupalan, dan Tan Chee Koon. Lantaran itu, kebanyakan daripada mereka ini telah mempunyai pelbagai pengalaman bekerja selepas Cambridge School Certificate sebelum memasuki universiti. Sebaliknya, kumpulan kelas 1947 ini terdiri daripada kumpulan kedua selepas perang yang rata-rata berumur dalam lingkungan 18–28 tahun. Persahabatan yang terjalin di kalangan penuntut-penuntut ini sungguh erat dan berkekalan hingga kini. Keakraban ini jelas terserlah melalui perjumpaan yang sering diadakan setiap 2–5 tahun untuk meraikan ulang tahun pengajian mereka. Perjumpaan yang paling besar pernah diadakan adalah ketika meraikan ulang tahun yang ke-50 pada tahun 1997. Begitulah kuatnya ikatan persahabatan yang terjalin di kalangan mereka.

Kumpulan penuntut awal ini sangat matang dan sedar tentang keistimewaan mereka dari segi peranan dan tanggungjawab terhadap negara. Obor idealisme itu berjaya diwariskan kepada generasi siswa-siswi yang datang selepas mereka.

Bagi penuntut Melayu yang seramai enam orang itu pula, kejayaan memasuki kolej perubatan melambangkan langkah pertama dalam kemajuan bangsa Melayu ke tahap yang tinggi. Untuk Siti Hasmah pula, sudah tentu beliau melambangkan suatu kemajuan untuk wanita Melayu khususnya, dan untuk wanita amnya.

Siti Hasmah juga telah berjaya mendapat biasiswa, iaitu pembiayaan menuntut dalam bidang perubatan yang dinamakan **Government Financial Aid** yang mencakupi yuran pengajian sebanyak \$540 setahun, yuran pendaftaran, yuran hostel, dan lain-lain, termasuk wang perbelanjaan bulanan sebanyak \$25. Setiba beliau di Singapura, Siti Hasmah menjalani temu duga sekali lagi untuk mengesahkan kelayakannya menerima bantuan biasiswa itu. Berkaitan dengan bantuan perbelanjaan bulanan, apabila diketahui bahawa ayahnya membekalkan sebanyak \$15 sebulan, bantuan ini dikurangkan menjadi \$10 sebulan. Oleh sebab perbelanjaan makan minum, bayaran akademik dan tempat tinggal dibiayai oleh kerajaan, duit \$15 hanyalah untuk duit poket sendiri sahaja. Bagaimanapun, jumlah ini sebenarnya tidak mencukupi untuk membeli buku atau untuk tambang bas/teksi. Menurut Siti Hasmah, "Saya tidak banyak belanja dan pakaian saya boleh dikatakan tidak bergaya. Wang saya habiskan hanya untuk membeli buku atau makanan. Hutang saya pun kadangkala berserabut," tambah beliau dengan nada jenaka. (Nota: \$ – Ringgit Malaysia sebelum merdeka)

Semasa beberapa tahun Siti Hasmah berpisah dengan keluarganya, beliau kerap kali pulang semasa cuti ataupun menulis surat kepada mereka. Menjelang tahun keempat kursus dan seterusnya, Siti Hasmah tidak dapat balik kerana terpaksa menjalani latihan praktikal di klinik dan hospital. Mengimbas kembali tentang zaman pengajiannya, Siti Hasmah menceritakan saat yang paling menyeronokkannya ialah apabila dia balik menemui keluarganya secara mengejut, iaitu dengan tidak memberitahu mereka terlebih dahulu. Kepulangannya ini pasti disambut dengan keriang, pelukan, dan ciuman.



Siti Hasmah 'bergaya' semasa Minggu Orientasi di King Edward VII College of Medicine.

Semasa mula-mula memasuki kolej, keraguan tetap tersemat di hatinya, iaitu sama ada beliau akan berjaya menempuh pengajiannya di tahun pertama, meskipun beliau berkeyakinan diri. Keraguan ini timbul kerana pada masa itu pengajian di tahun pertama melibatkan bidang kursus sains yang terdiri daripada mata pelajaran Fizik, Kimia, dan Biologi, sedangkan beliau kurang arif dalam mata pelajaran Fizik dan Kimia. Sememangnya dari mula lagi beliau telah menyedari bahawa mata pelajaran Biologi sahaja tidak mencukupi untuk pengajian perubatan. Atas kesedaran ini, Siti Hasmah bertekad untuk berusaha dengan lebih gigih bagi mengatasi kekurangan itu sehinggakan tiada masa diperuntukkan bagi aktiviti lain, kecuali sukan. Selain beliau, terdapat juga beberapa orang penuntut Melayu lain yang datang dari sekolah yang tidak mempunyai mata pelajaran sains. Oleh itu, kelas tuisyen telah diadakan pada hujung minggu khusus untuk mereka ini. Kelas ini dikendalikan oleh **Persatuan Penuntut-penuntut Islam** yang dimajukan oleh Sardon Zubir, yang pada masa itu merupakan ahli aktif persatuan.



Bersama Sardon Zubir dan teman-teman seangkatan yang lain semasa di kampus.

Semasa awal minggu orientasi, Siti Hasmah sering dijadikan bahan persendaan kerana bilangan penuntut wanita yang tidak ramai ketika itu, tambahan pula beliau merupakan penuntut wanita Melayu tunggal. Namun atas sifatnya yang *sporting*, segala senda gurauan ini diterima dengan senang hati, menjadikannya penuntut yang paling popular dan disukai ramai.

Sepanjang pengajiannya, Siti Hasmah bersama-sama semua penuntut wanita lain dari Semenanjung, menginap di **Hostel Holne Chase**, sebuah hostel khas untuk wanita yang terletak di 17, Woodstock Drive, off Grange Road, Singapura. Holne Chase merupakan sebuah bangunan besar yang memuatkan 30–40 orang penuntut. Pengawasnya, Mrs. Brown, seorang wanita Inggeris; antara tugasnya termasuk menentukan bahawa penghuninya mematuhi segala peraturan hostel, seperti mereka perlu berada di dalam hostel selepas pukul 10 malam dan boleh pulang lewat hanya sekali seminggu. Di sinilah terjalinnya silaturahmi yang erat di antara penuntut-penuntut ini yang berkongsi hidup selama enam tahun. Bersama-sama mereka mengharungi pahitmaung pengajian dan pergolakan emosi yang sering dialami oleh remaja yang sedang meningkat dewasa. Sepanjang pengajiannya selama enam tahun, Siti Hasmah tidak pernah bergaduh dengan

Siti Hasmah bersama rakan
wanita seperjuangan
di hadapan hostel
Holne Chase.



rakan sebiliknya, iaitu Dr. Olivia Gunaratnam (Samuel), yang kini menetap di Australia. Imbas kembali rakan-rakannya tentang perwatakannya dalam usianya yang remaja, "Siti Hasmah merupakan seorang yang pendiam dan bersikap matang. Personaliti beliau telah berkembang bak mawar yang mekar. Kini beliau boleh dianggap sebagai lambang wanita Melayu yang anggun, bersopan santun, dan berkeyakinan diri." Ayu, menawan, konservatif berbanding dengan pelajar lain, lemah lembut, dan penyayang adalah antara ungkapan yang sering digunakan oleh rakan seperjuangannya di universiti untuk menggambarkan perwatakan Siti Hasmah. Menurut salah seorang daripada mereka, iaitu Puan Sri Wong Sau Kan, "Siti Hasmah seorang yang lemah lembut, penyayang, baik hati, dan beriman. Beliau mudah bercampur dengan semua penuntut lain." Kebolehan Siti Hasmah bergaul dengan penuntut bukan Melayu telah memberikan gambaran bahawa penuntut Melayu boleh berbaik dan bersahabat akrab dengan penuntut yang berlainan bangsa dan agama. Untuk berkongsi bilik dengan mereka itu tidak sekalipun menjadi masalah bagi Siti Hasmah.

Dari segi penampilannya, walaupun beliau berasal dari bandar, beliau masih bersikap sebagai seorang Melayu jati, dan kerap kali berpakaian Melayu tradisional. Kesemua rakan yang sekelas dengannya berpendapat, "Siti Hasmah adalah satu-satunya wanita yang melambangkan



Siti Hasmah dan rakan-rakan di universiti.

yang menyatakan bahawa Siti Hasmah 'suka beribadat secara senyap', dan tidak pernah menonjolkan kepatuhannya terhadap agama. Siti Hasmah dapat mengimbangkan kegiatan keagamaan dengan duniawinya. Di sini dapat dilihat bagaimana beliau dapat bersosial, berinteraksi, dan bergaul dengan semua penuntut lelaki dan perempuan, tanpa mengabaikan sifat-sifat keislaman

perwatakan wanita Melayu. Beliau peramah tanpa keterlaluan. Didikan agama yang diperolehnya tidak diabaikan, malah beliau kuat beribadah dan menunaikan kewajipan sebagai seorang Islam dengan penuh keyakinan." Menurut rakan-rakannya, mereka masih ingat bahawa setiap pukul lima petang, beliau akan terus pulang ke asrama untuk menunaikan sembahyang asar. Ada

Bersama
rakan-rakan
seperjuangan.



dan kemeloyuan beliau. Siti Hasmah tidak pernah membuat rakan sebiliknya berasa kekok apabila menunaikan fardhu sembahyang. Malah, rakannya itu akan mengambil kesempatan ini untuk mendengar muzik dari gramofon yang ada di ruang rehat.

Semasa belajar, Siti Hasmah sangat tekun. Pernah terjadi semasa beliau tidak dapat mengingati sesuatu yang dipelajari, beliau berasa kecewa, malah ada kalanya terus menangis. Satu perkara lagi yang sukar dilupakannya ialah bagaimana penuntut lelaki mempersendakan penuntut perempuan semasa di dalam kelas anatomi. Siti Hasmah dan rakan-rakannya masih teringat bagaimana mereka tersipu-sipu malu apabila terpaksa mengkaji mayat seorang lelaki, terutama tentang anatomi organ reproduktif. Sememangnya perkara begini lazim berlaku di mana-mana institusi perubatan kerana kesemua penuntutnya baharu sahaja didedahkan ke bidang tersebut.



Keazaman dan ketekunan membawa kejayaan.

Oleh sebab Siti Hasmah merupakan wanita tunggal di kalangan enam orang penuntut Melayu, maka tidak hairanlah beliau menjadi tumpuan perhatian mereka. Beberapa rakan beliau pernah memberitahu bahawa kesemua penuntut lelaki itu menaruh hati terhadapnya, tetapi beliau pandai menjaga diri. Ini menyebabkan mereka tertanya-tanya. Apabila ditanya pernahkah beliau minati sesiapa sebelum Mahathir, beliau berkata beliau senang bergaul dengan semua penuntut lelaki dan perempuan, Melayu atau bukan Melayu. Tidak terfikir oleh beliau bahawa ada di kalangan mereka yang menaruh harapan terhadap beliau. Apabila dijemput keluar bersama secara berkumpulan, Siti Hasmah menganggapkan semuanya sebagai kawan biasa. Semasa ditanya sama ada beliau pernah melukakan hati sesiapa, beliau ketawa dan menyatakan jika perkara itu ada berlaku, beliau tidak mengetahuinya. Namun begitu, ramai di antara rakannya yang mengesahkan bahawa sudah tentu ada di kalangan teruna-teruna itu, selain Mahathir, yang menaruh hati

terhadap beliau. "Susah hendak dikatakan," jelas Siti Hasmah. "Kumpulan kelas '47 seolah-olah suatu keluarga atau kumpulan rakan yang besar. Semua penuntut mengambil berat tentang satu sama lain. Setiap penuntut sama-sama bergembira, sama-sama berduka, sama-sama bertungkus-lumus belajar, dan sama-sama membantu di antara satu sama lain dalam semua mata pelajaran."

Antara kenangan yang masih di ingatan Siti Hasmah ialah cara pengangkutan dari asrama ke kolej. Beliau menceritakan bagaimana sebuah trak yang dikenali sebagai *Gaicho Truck* akan datang mengambil penuntut wanita dari asrama Holne Chase dan penuntut lelaki dari asrama di Hospital Tan Tock Seng. *Gaicho* ialah nama pemandu trak yang berbangsa Serani. Mereka beramai-ramai bergayut dalam trak yang tidak bertutup itu dan juga tidak mempunyai tempat duduk. Beliau mengimbas kembali bagaimana penuntut lelaki akan mengacah-acah untuk cuba memegang tangan penun-

tut perempuan. Semasa dalam perjalanan ke dewan kuliah pula, kesemua penuntut ini akan beramai-ramai menyanyi bersama-sama dengan menggunakan lirik yang tersendiri. Siti Hasmah pun turut bersama menyanyi. Antara lagu-lagu yang sering dinyanyikan ialah *Lecture Time At College* dan *Sing Song in Sing Sing*. Lirik lagu-lagu ini terdapat dalam Lampiran I buku ini.

Tersenyum kegembiraan selepas mencapai kemenangan.





Bergembira dan berehat selepas penat lelah menghadapi pelajaran dan peperiksaan.

Kegiatan masa lapang penuntut biasanya diperuntukkan bagi kegiatan sukan, yang terdiri daripada sukan badminton, bola jaring, hoki, dan lumba lari. Satu daripada sukan lumba lari yang digemari ramai ialah larian 'jarum dan benang'. Setiap kali acara ini diadakan, Siti Hasmah akan berpasangan dengan rakannya, Dr. Murugasu. Biasanya pasangan ini akan menang. Pada hujung minggu pula, kadangkala ramai yang pergi menonton wayang gambar atau berkelah. Majlis-majlis keramaian seperti majlis tari-menari diadakan dua kali setahun. Tiket menghadiri majlis ini berharga 80 sen! Siti Hasmah sering menghadirinya kerana beliau gemar menari, terutama rentak *cha-cha*. Selain itu, pertunjukan pentas juga diadakan setahun sekali, di mana Siti Hasmah sering mengambil bahagian dalam bidang nyanyian. Ramai rakan-rakannya menceritakan beliau mempunyai suara yang merdu. Beliau selalu dijemput menyumbangkan nyanyian di majlis-majlis tertentu, seperti majlis anjuran Persatuan Drama universiti. Hingga ke hari ini beliau sentiasa bersedia tampil ke hadapan bagi tujuan-tujuan amal.

Tentang pertemuan dengan jodohnya, semasa di universitilah Siti Hasmah bertemu dengan Mahathir, yang pada ketika itu sama-sama belajar di universiti. Sememangnya tidak diduga bahawa beliau akan bertemu jodoh dengan seorang jejaka, yang pada satu harinya akan menjadi Perdana Menteri Malaysia. Seperti yang diperkatakan, sungguhpun ramai yang menaruh hati padanya, namun hati Siti Hasmah telah terpaut kepada penuntut 'yang paling cerdik dan kacak'. Sejak itu, cinta mula bersemi di antara kedua-duanya. Setiap hujung minggu, Mahathir akan datang dengan motosikalnya untuk berjumpa dengan Siti Hasmah di halaman asrama. Mereka akan bersama-sama mengulang kaji pelajaran, terutama mata pelajaran yang lemah bagi Siti Hasmah. Pada masa itu, penuntut lelaki tidak dibenarkan masuk ke dalam asrama, hanya setakat kawasan luar sahaja. Pada kebiasaannya mereka hanya bertemu di halaman asrama. Kebanyakan mereka akan berbual atau mengulang kaji mata pelajaran di bawah pokok-pokok yang terdapat di kawasan asrama Holne Chase.

Apabila ditanya bagaimana beliau telah menerima Mahathir sebagai jejaka idaman beliau, Siti Hasmah menyatakan bahawa Mahathir melambangkan seorang yang sentiasa bersedia memberi bantuan, terutama dalam pelajaran. Beliau merupakan seorang yang tekun dan tabah. Atas sebab ketabahan beliau jugalah, beliau dapat merapati Siti Hasmah. Bermulalah satu babak percintaan.

Menurut beberapa orang rakan Siti Hasmah, ramai daripada mereka pada mulanya tidak bersetuju dengan perhubungan rapat Mahathir dengan Siti Hasmah. Ada yang menganggap Mahathir tidak layak berdamping dengan Siti Hasmah kerana mereka berpendapat Siti Hasmah gadis bandar, manakala Mahathir pula dianggap teruna kampung. Malah ada yang menggelar Mahathir sebagai 'pak tani'. Namun setelah mereka mengenali Mahathir, barulah mereka memahami keistimewaan beliau dan memahami mengapa Siti Hasmah dapat membalas balik cinta Mahathir.

Percintaan antara Siti Hasmah dengan Mahathir tidaklah berlaku dengan serta merta. Boleh dikatakan percintaan itu bermula daripada hubungan yang biasa atau platonik, yang kemudiannya berkembang menjadi suatu percintaan dan hubungan yang mendalam. Siti Hasmah teringat bagaimana Mahathir kerap kali datang membantunya menelaah pelajarannya, terutama mata



Tanda peringatan permulaan sejarah hidup.

semestinya akan menghadapi masalah dan pada awalnya sering berlaku perselisihan faham. Ini dapat dilihat dari segi personaliti masing-masing; Siti Hasmah adalah seorang yang *happy-go-lucky*, lebih sosial, lebih ingin mengimbangkan riadah dengan pelajaran, lebih peramah, dan mudah bercampur gaul, manakala Mahathir pula adalah seorang yang serius dan pendiam serta tidak berapa terlibat dalam aktiviti sosial kolej, kecuali aktif sebagai Presiden **Persatuan Penuntut Islam**. Malah ramai rakannya menganggap Mahathir sebagai pemuda yang telah

pelajaran Fizik. "Malah Mahathir, yang mempunyai tahap kecerdikan lebih daripada saya, sering membandingkan kebolehan kami berdua dan beliau akan memarahi saya jika saya tidak dapat memahami sesuatu konsep, hinggalah saya berasa tawar hati dengan sikapnya dan ini membawa kepada pertelingkahan," cerita Siti Hasmah. Walau bagaimanapun, beliau faham bahawa Mahathir sebenarnya betul-betul ingin membantunya dan pada akhirnya hakikat ini diterima. "Mahathir orangnya serius dan lebih komited terhadap mendalami pelajaran jika dibandingkan dengan saya," tambah beliau.

Ada sesetengah rakan mereka mengatakan perbezaan antara Siti Hasmah dengan Mahathir bagaikan 'langit dengan bumi'. Sememangnya perhubungan dua orang yang berlainan latar belakang sudah

mencapai kematangan lebih awal daripada rakan sebaya yang lain. Ada yang menambah bahawa sejak dahulu lagi, Mahathir, yang datang daripada keluarga kampung, sememangnya mengambil berat tentang kemajuan bangsa Melayu.

Melalui persahabatan yang terjalin, secara tidak langsung Mahathir memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi dan mengubah sikap Siti Hasmah terhadap kebanyakan kegiatannya sebelum ini. Sering kali beliau diingatkan oleh Mahathir betapa pentingnya perkembangan dan kejayaan anak Melayu. Oleh itu, bagi Mahathir, kegiatan-kegiatan ini sebaiknya digugurkan sama sekali atau dikurangkan penglibatannya. Lama-kelamaan Mahathir berjaya mendorong Siti Hasmah menggugurkan aktivitinya sama sekali. Apabila ini berlaku, ramai di antara rakan Siti Hasmah terasa akan ketidakhadirannya dalam kumpulan mereka. Ini turut dirasakan oleh rakannya yang bergantung kepadanya untuk acara sukan larian 'benang dan jarum'.

Semasa persahabatan ini, ketika cuti pengajian, Mahathir sering melawat Siti Hasmah dan keluarganya. Dalam perjalanan pulang ke Kedah, Mahathir akan singgah di rumah Siti Hasmah untuk menziarahi Siti Hasmah dan keluarganya. Keluarga Tuan Haji Mohd. Ali boleh dikatakan progresif dan rumahnya sering terbuka kepada semua rakan anak-anak mereka, sama ada Melayu atau bukan Melayu, lelaki ataupun perempuan. Walaupun begitu, Siti Hasmah menegaskan bahawa suasana pergaulan hanyalah atas dasar persahabatan yang mesra sahaja. Malah Siti Hasmah juga membawa kawan lain, termasuk wanita dan lelaki berbangsa Cina.

Apabila ditanya bila episod percintaannya dengan Mahathir bermula dan bila dia melamar beliau, Siti Hasmah menceritakan kisahnya yang boleh dianggap romantik juga, seolah-olah satu adegan di dalam filem P. Ramlee. Peristiwa ini bermula pada petang 23 April, 1949, semasa hujan renyai-renyai dan dua remaja yang baru turun dari bas selepas menonton wayang berjalan perlahan-lahan menuju ke asrama Holne Chase. Dalam perjalanan, teruna memberitahu bahawa dia ingin menyatakan sesuatu, lalu mula mengejakan perkataan *My love My love* kepada si gadis. Demikianlah caranya Mahathir melafazkan cintanya kepada Siti Hasmah pada hari yang bersejarah itu. Apabila cintanya diterima, Mahathir terus melamar Siti Hasmah, yang tanpa berfikir panjang lagi, menerimanya. Siti Hasmah menjelaskan, "Mahathir sebenarnya ingin mengetahui

dahulu isi hati saya sebelum beliau membuat lamarannya.” Hingga kini, hari yang bersejarah ini diraikan sebagai ulang tahun. Semasa dalam pertunangan, iaitu ketika Siti Hasmah di tahun keempat pengajian, beliau pernah dijemput ke Kedah. Menurut rakan Mahathir, beliau menjelaskan, “Kita hendak tengoklah saja, bila dia datang ke kampung.” Siti Hasmah pada mulanya berasa gementar hendak berjumpa dengan keluarga Mahathir. Beliau teringat bagaimana gementarnya perasaannya sewaktu menaiki tangga kayu masuk ke rumah keluarga Mahathir di kampung. Setelah Siti Hasmah menemui Kak Yon, iaitu kakak Mahathir, pada mulanya, dan ahli keluarga lain kemudiannya, barulah beliau berasa tenang semula.

Siti Hasmah juga menceritakan kenangan manis semasa mereka beramai-ramai berkelah dan semasa majlis tarian di kolej. Beliau dan Mahathir gemar menari dan tarian yang paling disukai ialah rentak *cha-cha*, *waltz*, dan *tango*, yang merupakan tarian yang popular pada zaman itu.




Bersama tutor peribadi yang juga menjadi teruna idaman.

Apabila ditanya apakah kenangan atau peristiwa yang tidak boleh dilupakan semasa beliau di kolej, Siti Hasmah menjawab, "Sudah tentulah hari yang Mahathir melafazkan cintanya kepada saya. Satu lagi peristiwa ialah kegembiraan yang saya rasai apabila mendapati nama saya termasuk dalam senarai mereka yang lulus. Ini menjadi kepentingan utama saya."

Dapat dikatakan bahawa zaman di kampus merupakan zaman yang amat bererti bagi Siti Hasmah. Sewaktu ditemu bual oleh akhbar **The New Straits Times** pada 21 Mac 1976 tentang zaman tersebut, selaras dengan sikap sederhananya, beliau telah menjawab, "Bidang perubahan bukanlah mudah untuk penuntut sederhana seperti saya. Untuk setiap tangga kejayaan yang dicapai, saya terjatuh beberapa tangga. Walau bagaimanapun saya berjaya juga akhirnya."

Hari bersejarah dan bermakna bagi Siti Hasmah selepas mencapai mercu kejayaan.





**GOLDEN ANNIVERSARY REUNION
CLASS OF 1947 KEVII COLLEGE OF MEDICINE
6TH-9TH NOVEMBER 1997**



Bergambar kenangan Majlis 'Reunion' ke-50 Kelas '47.

Sesungguhnya Siti Hasmah telah berjaya. Dalam senarai graduan MBBS di Majlis Konvokesyen 1955, namanya tercatat bersama-sama 38 orang rakannya. Pencapaian Siti Hasmah melambangkan kegigihan dan keyakinan serta ketekunan seorang wanita yang betul-betul berhasrat menemupa kejayaan. Kejayaan Siti Hasmah membuktikan perumpamaan Melayu. 'Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan'.





Alam Perkahwinan Dan Kerjaya

"...Saya anggap diri saya bertuah dan berasa bangga serta bersyukur dapat bertugas dalam era pembangunan dan kemajuan Rancangan Kesihatan Luar Bandar Kerajaan (1955 - 1979). Rancangan ini telah berjaya membawa rakyat daripada keadaan kejahilan kesihatan dan penderitaan kepada kesejahteraan kesihatan, terutama di kalangan ibu-ibu dan kanak-kanak ..." - Siti Hasmah, 1997

*S*NI adalah antara inti pati perasaan Siti Hasmah apabila ditanya tentang apakah yang dianggap sebagai kemuncak kerjayanya. Pendapat ini sememangnya tidak menghairankan, memandangkan kerjayanya yang berkisar dan berasaskan peningkatan kesihatan penduduk luar bandar. Walaupun tugasnya bertumpu di negeri Kedah, tetapi sumbangan beliau amat penting dalam mengorak langkah ke arah kemajuan kesihatan dalam negara. Beliau telah dapat menyaksikan sendiri segala perubahan yang dialami dan kesan-kesan yang ketara ke atas pembangunan kesihatan diri dan keluarga, serta pendidikan kesihatan yang

ditegaskan oleh pihak kerajaan terhadap semua golongan rakyat desa. Siti Hasmah bertugas ketika kerajaan melaksanakan program **Buku Merah** secara berperingkat-peringkat dari tahun 1955 hingga tahun 1980 melalui pelbagai program kesihatan.

Setelah lulus pengajiannya pada tahun 1955, Siti Hasmah muncul sebagai wanita Melayu kedua yang berjaya memasuki bidang perubatan. Tugas pertamanya ialah sebagai doktor pelatih di Hospital Besar Kuala Lumpur. Titik ini menandakan bermulanya kerjaya beliau yang akan merangkumi hampir dua puluh tahun lamanya. Kerjayanya sebagai doktor berakhir semasa beliau bersara daripada Perkhidmatan Awam pada tahun 1979 kerana ingin menumpukan sepenuh perhatian kepada tanggungjawab baharunya sebagai isteri Timbalan Perdana Menteri. Kemudian, mulai tahun 1981, beliau menyanggah beban yang lebih berat sebagai isteri Perdana Menteri.

Siti Hasmah telah menceburi profesionnya dengan gigih sejak awal lagi. Beliau tidak jemu menyelami dan menambahkan pengetahuan dan pengalamannya dalam pelbagai bidang perubatan. Cutinya selama dua minggu semasa bertugas sebagai doktor pelatih dihabiskan untuk menambahkan pengalaman mempelajari bidang bedah melalui Mr. Frazer, seorang pakar bedah. Ketika itu Dr Mahathir sedang bertugas sebagai doktor pelatih di Kedah. Semasa Siti Hasmah bertugas sebagai doktor pelatih di Kuala Lumpur, Mahathir sering datang dari Kedah untuk melawat beliau, sekurang-kurangnya sebulan sekali. Ketika ini mereka telahpun bertunang. Tiap-tiap minggu pula, Mahathir akan menelefonnya, terutama pada malam minggu. Doktor yang bertugas bersamanya di Hospital Besar Kuala Lumpur amat memahami dunia percintaan, lantas membenarkan Siti Hasmah menggunakan telefon untuk berbual-bual dengan Mahathir.

Selepas setahun sebagai doktor pelatih, iaitu pada tahun 1956, Siti Hasmah diijabkabulkan dengan Mahathir. Upacara perkahwinannya berlangsung selama lima hari (1 – 5 Ogos 1956), di rumahnya, No. 5, Jalan Kemuning, Off Jalan Imbi, Kuala Lumpur, diikuti dengan acara 'bertandang' ke rumah Mahathir di Alor Star, Kedah. Acara perkahwinan tersebut dijalankan dengan penuh adat istiadat tradisi Melayu pada ketika itu. Menurut Siti Hasmah, ibunya pernah berkata, "Aku tidak peduli engkau doktor atau tidak, adat perkahwinan Melayu perlu diikuti dengan sempurna."



Berpakaian saree pada malam berinai kedua.

Upacara perkahwinan bermula dengan berinai kecil pada 1 Ogos 1956 diikuti dengan berinai besar sehingga ke hari bersanding pada 5 Ogos. Sudah menjadi kebiasaan dalam acara perkahwinan besar-besaran, pengantin diperlukan menggayakan pelbagai fesyen pakaian untuk berinai kecil yang berlangsung selama dua malam. Siti Hasmah berpakaian gaun, duduk di atas pelamin seorang diri dan direnjis oleh ahli-ahli keluarga. Semua baju persandingan Siti Hasmah dibelinya sendiri kerana ketika itu beliau telah pun bekerja, manakala ayahnya sudah bersara. Persiapan bilik pengantin yang berwarna merah hati bertekat emas pula diupah dengan bantuan Siti Hasmah. Pada malam kedua, beliau berpakaian saree dan diraikan dengan upacara berenjis oleh rakan-rakan sejawat dari Hospital Besar Kuala Lumpur.



Anggun berseri
dalam pakaian gaul.

Bagi berinai besar pula, pengantin perempuan berpakaian Melayu tradisional bersanggul lintang dan berbaju merah serta barang kemas emas dan berlian. Siti Hasmah masih ingat betapa berat kepalanya menahan sanggul lintang itu. Rambutnya yang panjang dililit dengan batang pisang supaya mudah dicucuk dengan cucuk sanggul tinggi daripada emas. Siti Hasmah teringat juga bagaimana abangnya, Allahyarham Tun Ismail, bertanya sama ada sanggul itu berat dan meminta Mak Andam supaya tidak membiarkan Siti Hasmah duduk lama sangat di atas



Pengantin lelaki turut merenjis
pengantin perempuan semasa malam berinai.



Berpakaian tradisional lengkap dengan sanggul lintang.



Pengantin lelaki menyarungkan cincin selepas upacara akad nikah.

pelamin. Pada malam berinai besar, pengantin lelaki hadir sama tetapi mereka tidak bersanding. Mahathir, berpakaian Melayu tradisional lengkap dengan tanjak dan keris, menaiki pelamin dahulu dan direnjis oleh ahli-ahli keluarga. Setelah selesai, beliau meninggalkan pelamin. Tiba giliran Siti Hasmah menaiki pelamin dan direnjis oleh pihak pengantin lelaki serta tetamu-tetamu yang hadir. Pada hari Sabtu, 4 Ogos, istiadat yang penting sekali, iaitu akad nikah, dijalankan oleh Mufti Selangor di rumah ibu bapa Siti Hasmah. Seperti tradisi Melayu lama, pengantin perempuan tidak diperlukan ada bersama pengantin lelaki pada waktu akad nikah dijalankan. Istiadat nikah diakhiri dengan pengantin lelaki menyarungkan cincin pada jari pengantin perempuan di bilik tidur pengantin.

Dalam kesibukan menjalani hari perkahwinan ini, pada pagi Sabtu 4 Ogos, Siti Hasmah telah dipanggil untuk menghadiri temu duga jawatan kerajaan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Pada masa itu, seorang wanita yang telah berkahwin tidak akan diberi jawatan tetap tetapi harus memilih sama ada untuk menerima gaji bulanan atau kontrak setiap tiga tahun, Siti Hasmah memilih kontrak tiga tahun.

Istiadat perkahwinan yang penuh tradisi itu berakhir dengan majlis bersanding dan jamuan pada hari Ahad 5 Ogos. Majlis diserikan dengan keberangkatan DYMM Sultan Selangor serta ahli keluarga dan sahabat handai termasuk rakan-rakan sejawat dari Hospital Besar Kuala Lumpur.



Mahathir dan Siti Hasmah di atas pelamin pada hari persandingan di rumah pengantin perempuan, No. 5, Jalan Kemuning, Kuala Lumpur.



Pasangan pengantin bersalaman dengan DYIM Sultan Selangor.

Istiadat perkahwinan ini bersambung dengan upacara bertandang ke rumah keluarga Mahathir di Seberang Perak, Alor Star, Kedah pada 10 Ogos 1956. Rombongan Siti Hasmah dari Kuala Lumpur diikuti oleh ramai ahli keluarga Siti Hasmah kecuali ibu bapanya. Di rumah Mahathir, istiadat dan sambutan yang diadakan tidak kurang meriah dan hebatnya. Pelamin telah tersedia dihias indah oleh kaum keluarga Mahathir. Bilik pengantin di Alor Star dihias dengan kain berwarna hijau, yang dibeli oleh Siti Hasmah di Kuala Lumpur dengan kiriman wang daripada Mahathir. Pada mulanya Mahathir kelihatan terperanjat dan agak keberatan untuk bersanding sekali lagi. Namun, atas pujukan ibunya, beliau akur. Yang menariknya, mengikut adat Kedah, selepas bersanding pengantin dikehendaki duduk di dalam bilik sahaja, manakala tetamu masuk ke bilik pengantin untuk bersalam. Ini berlaku sepanjang hari dan disambung pada hari keesokannya. Dalam majlis kenduri kahwin pada masa itu, hidangan nasi disediakan sepanjang hari kepada semua tetamu yang datang, tidak kira masa.

Perkahwinan ini yang membuktikan jalinan dua insan yang sama-sama profesional dan sama-sama mengharungi pahit manis bidang perubatan dan dunia politik, kekal teguh dan masih kukuh hingga kini yang sudah menjangkau 42 tahun lamanya.

Selepas berkahwin, Siti Hasmah berpindah ke Alor Star mengikut suaminya, dan di sana beliau bertugas sebagai **Lady Medical Officer** di Hospital Besar Alor Star, iaitu nama jawatan bagi pegawai perubatan wanita di masa itu. Di sinilah berlakunya titik permulaan kerjaya beliau yang bersejarah dalam bidang kesihatan luar bandar.

Sebagai pegawai perubatan, sebahagian tugas Siti Hasmah termasuk berkhidmat di unit pesakit luar, wad bersalin, unit perubatan, dan unit penyakit kanak-kanak. Tugas Siti Hasmah juga melibatkan perkhidmatan luar bandar, yang ketika itu merupakan perkhidmatan yang sangat

Bidan dan jururawat bersampan menyeberangi sungai untuk memberi perkhidmatan kesihatan, Kubang Pasu, 1967.



penting. Ini adalah kerana dari tahun 1955 sehingga tahun 1965, Kementerian Kesihatan telah menumpukan perhatian kepada peningkatan cara hidup dan kesihatan keluarga di seluruh pelusuk negara, termasuk kawasan-kawasan desa dan pedalaman. Program-program ini termasuk program pembasmian kemiskinan, buta huruf, program jaya diri, rancangan membasmi malaria, tibi, polio, puru, dan kusta. Untuk menjayakan program-program ini, Kementerian telah menghantar para doktor, termasuk Siti Hasmah, ke kampung-kampung bukan sahaja untuk perubatan, tetapi juga untuk menyebarkan maklumat dan penerangan tentang kepentingan perubatan dan kesihatan keluarga. Beliau mengimbas kembali tentang bagaimana seorang doktor pada zaman itu terpaksa menaiki sampan mengharungi sungai untuk pergi ke kampung-kampung yang memerlukan bantuan perubatan. "Bukannya seperti sekarang, perkhidmatan luar bandar lebih mudah daripada dahulu," tambahnya.



Siti Hasmah memeriksa bayi di klinik semasa bertugas sebagai Pegawai Kesihatan di Pusat Kesihatan, Jitra.

Semua pegawai perubatan diperlukan bermula dengan tugas di bahagian pesakit luar, untuk pengalaman menghadapi pelbagai jenis penyakit dan pelbagai tingkah laku pesakit. Menurut Siti Hasmah, "Di bahagian inilah perwatakan seorang doktor diuji, sama ada mereka cekap, sabar, cekal, dan sebagainya, kerana dalam sehari, beratus-ratus pesakit akan membanjiri bahagian unit ini, terutama pada permulaan minggu atau selepas cuti am." Beliau menjalankan tanggungjawabnya dengan penuh minat kerana memang menjadi hasratnya untuk membantu mereka yang memerlukan pertolongan. Untuk meningkatkan keberkesanan dalam menjalankan tugasnya di Kedah, Siti Hasmah belajar bertutur mengikut loghat Kedah. Sebagai orang bandar yang terpaksa berpindah ke kampung, banyak perkara dan adat resam masyarakat Melayu Kedah yang perlu dipelajari dan dihayati olehnya. Dalam hal ini, orang yang banyak membantu Siti Hasmah menyesuaikan diri menghadapi situasi ini ialah Hajah Fatimah, seorang *Sister*, yang lebih dikenali sebagai 'Mak Haji'.

Siti Hasmah masih teringat bagaimana gembiranya masa menerima gaji pertama sebagai pegawai perubatan, iaitu sebanyak \$730 sebulan, sampai berlunjur beliau mengira wang itu! Sebelum itu gajinya sebagai doktor pelatih hanya \$400 sebulan dengan ditambah \$1 supaya layak memasuki skim EPF bagi semua pegawai kerajaan bergaji kecil. (Nota: \$ – Ringgit Malaysia sebelum merdeka).

Semasa di bahagian pesakit luar, Siti Hasmah diarah mengunjungi wad kanak-kanak dan wad perubatan perempuan. Menurut beliau, "Satu peristiwa yang sungguh menyayat hati ialah bagaimana ramai pesakit perempuan mengalami lembik kaki akibat pantang larang dalam pemakanan selepas bersalin." Pesakit-pesakit ini berumur dalam lingkungan 19–35 tahun dan beranak satu hingga lapan kali. "Kesemuanya mengamalkan pantang larang dengan tekun hingga menghidap penyakit '*peripheral neuritis*' atau lumpuh kaki akibat kekurangan vitamin B₁ dan zat-zat lain," tambah beliau. Rawatan yang diberikan ialah suntikan vitamin B₁, besi dan kalsium, dan makanan seimbang. Mereka juga dilatih cara berjalan semula seolah-olah melatih anak kecil berjalan sendiri. Mengikut Siti Hasmah, "Penyakit kaki lembik ini tidak ketara pada ibu yang bersalin anak sulung jika si ibu sihat dan menjaga pemakanannya sewaktu hamil. Dalam hal ini, walaupun ibu mengamalkan pantang larang sewaktu nifas dan kembali kepada pemakanan

seimbang selepas 44 hari, ibu itu tidak akan mengalami penyakit itu. Namun demikian, menurut beliau, "Ibu yang bersalin sulung yang sihat sewaktu hamil tetapi berpantang setiap kali selepas bersalin akan juga diserang penyakit ini."

Pada awal tahun 1960, Siti Hasmah dipindahkan ke Wad Bersalin dan Wad Ginekologi di mana beliau mendapat latihan dan pengalaman dalam bidang penjagaan ibu-ibu khususnya dan wanita amnya, dalam lingkungan umur kesuburan mereka. Di sini barulah Siti Hasmah mengetahui betapa sukarnya merawat dan mengatasi masalah-masalah wanita yang begitu berpegang teguh kepada kepercayaan, adat resam serta ajaran agama yang menjadi teras pemikiran mereka pada masa itu. Ini ditambah pula dengan kekurangan pengetahuan, penjagaan dan rawatan asas sejak awal di kalangan orang-orang kampung. Beliau berpendapat bahawa pelbagai faktor telah menyumbang kepada keadaan ini, iaitu ketiadaan infrastruktur kesihatan, kemudahan perhubungan dan pengangkutan, pendidikan, kakitangan kesihatan yang terlatih, pengaruh bidan, dan bomoh kampung.

Satu perkara yang amat penting juga ialah betapa perlunya perubahan sikap semua pihak agar dapat menerima rancangan kesihatan, jagaan serta rawatan ibu-ibu dan kanak-kanak secara moden. "Alhamdulillah, keadaan itu kini terkawal setelah bidan-bidan kampung diberi latihan menjaga ibu bersalin secara moden dan berkesan," kata Siti Hasmah. Oleh sebab bidan-bidan kampung begitu kuat menganjurkan amalan pantang larang pemakanan, latihan ditumpukan kepada mereka agar mereka dapat memahami betapa perlunya pemakanan seimbang dan kesan buruk pantang larang itu. Dengan ini, adat resam yang negatif akan dapat dihapuskan sama sekali.

Di Wad Kanak-kanak pula, penyakit yang sering dialami oleh kanak-kanak ialah penyakit cacing dan pemakanan tidak seimbang; ini mengakibatkan kanak-kanak yang menghidapinya pucat, kurus, dan tidak bertenaga. Penyakit kanak-kanak lain yang juga berleluasa adalah seperti difteria, batuk kokol (*whooping cough*), tibi, dan kancing gigi. Penyakit malaria juga amat ketara. Kata Siti Hasmah, "Yang malangnya, bukan semua kanak-kanak dibawa ke hospital untuk dirawat. Biasanya, kanak-kanak ini hanya akan dibawa apabila keadaannya sudah semakin teruk dan apabila sudah tiada jalan lain. Apabila si pesakit itu meninggal dunia, pihak hospital dituduh bertanggungjawab terhadap kematian itu."

Pada ketika itu, bidan-bidan kampung memberikan jagaan atau rawatan awal kepada ibu-ibu dan apabila keadaan bertambah buruk, barulah mereka berkejar ke hospital. Antara beberapa masalah yang biasa dialami pesakit ialah tumpah darah sebelum/selepas bersalin, uri tersangkut, pecah rahim kerana kelahiran tersangkut atau songsang, penyakit eklampsia (tekanan darah tinggi), dan bengkak kaki. Yang menyedihkan ialah ada kalanya ibu dan anak tidak dapat diselamatkan dan ada kalanya hanya ibu sahaja yang terselamat.

Walaupun tugas dan tanggungjawab semasa bertugas di Wad Bersalin dan Wad Ginekologi amat berat, beliau menganggap ini sebagai suatu cara menimba pengalaman dan membuat persediaan untuk bertugas di luar bandar kelak. Bagi doktor, jika ada kecemasan selepas pukul 1.00 pagi, mereka terpaksa juga bekerja, terutama bagi ibu-ibu yang memerlukan pembedahan. Ini bererti tugasnya tidak akan berakhir sehingga keesokan pagi.

Selain kenangan kerjayanya dari tahun 1956–60, satu-satunya kenangan yang tidak mudah luput dari ingatan Siti Hasmah ialah semasa Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, iaitu bagaimana perasaannya ketika kemerdekaan negara diumumkan. “Di Alor Star, sambutan Hari Kemerdekaan dirayakan dengan meriah sekali,” cerita Siti Hasmah. Sempena hari yang bersejarah itu, beliau membawa anak sulungnya yang baru lahir pada 9 Jun, ke Sungai Petani untuk melihat lampu-lampu yang dipasang dengan banyaknya. Ketika menyaksikan bendera Tanah Melayu naik dan Union Jack diturunkan, beliau berasa sungguh gembira, bangga, dan megah serta bersyukur. Beliau terus berdoa semoga Allah memberkati usaha pemimpin-pemimpin kita yang telah memperoleh kemerdekaan tanpa sebarang pertumpahan darah.

Kerjaya Siti Hasmah melalui beberapa peringkat. Dari tahun 1958 hingga 1964, Siti Hasmah bekerja di hospital dan telah dilantik sebagai **Pemangku Penguasa Perubatan** yang pertama. Beliau juga menyandang jawatan **Pengetua Sekolah Latihan Kesihatan Luar Bandar**, Jitra. Yang menarik ialah pada masa itu biasanya kakitangan wanita yang telah bersuami akan ditempatkan dalam jawatan sementara dan peluang kenaikan pangkat amatlah susah. Juga, pada masa itu, kadar gaji tidak sama antara kaum wanita dengan kaum lelaki. Dalam suasana ketidakseimbangan gaji dan jawatan ini, beliau bagaimanapun dapat menyandang jawatan ini.



Kelas demonstrasi pemakanan anjuran Sekolah Latihan Kesihatan Luar Bandar, Jitra, Kedah.

Beramah-tamah di
majlis tamat kursus
di Sekolah Latihan
Kesihatan Luar
Bandar, Jitra,
1968.





Majlis minum teh meraihan tamat Kursus Penyelia Kesihatan Umum dan Bidan,
Sekolah Latihan Kesihatan Luar Bandar, Jitra, 1968.

Pada tahun 1965 Siti Hasmah berpindah tugas dari perkhidmatan hospital ke bidang kesihatan awam, apabila beliau dilantik sebagai **Pegawai Kesihatan Kedah Utara** yang meliputi daerah-daerah Kota Setar, Yan, dan Padang Terap. Tanggungjawab beliau merangkumi penjagaan kesihatan ibu dan anak, merinyu kesihatan dan pengawas-pengawasnya dan juga Rancangan Kebangsaan yang menyeluruh seperti Rancangan Pembasmian Malaria, Pengawalan Tibi dan Kusta, Perancangan Keluarga, Program Integrasi Kesihatan Luar Bandar dan Projek Amalan Makanan Seimbang. Daripada tahun 1966 hingga 1974, beliau bertugas di kawasan Kubang Pasu dan Langkawi. Kubang Pasu kemudiannya menjadi kawasan pilihan raya politik Mahathir. Pada tahun 1974, beliau dilantik sebagai Pegawai Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak Negeri Kedah.

Pelbagai kemajuan berlaku dalam bidang kesihatan di negeri Kedah semasa beliau berkhidmat di sana. Dari tahun 1966 dan seterusnya, Kerajaan telah memperkenalkan program Perancangan Keluarga dan menganjurkan program peningkatan perkhidmatan dan latihan anggota kesihatan awam. Di Kedah, program ini dilaksanakan dengan menubuhkan program Jururawat Desa yang dimulakan di Jitra. Usaha ini kemudiannya disusuli dengan pembukaan jaringan jalan, penubuhan pusat-pusat kesihatan, klinik-klinik bidan, dan klinik jururawat desa di seluruh negara. Selain itu, program lain yang tidak kurang pentingnya ialah program menurunkan kadar kematian di kalangan ibu-ibu hamil dan bersalin serta kematian di kalangan kanak-kanak melalui kempen kesedaran amalan pemakanan, jadual imunisasi, dan sebagainya. Hasilnya begitu memberangsangkan seperti yang dicerminkan oleh penurunan kadar kematian.

Untuk menjayakan program-program tersebut, antara tugas-tugas pegawai kesihatan dan pasukannya ialah menjelajahi kampung-kampung untuk menjalankan pemeriksaan dan menasihati penduduk-penduduk kampung. Pasukan kesihatan ini bekerjasama erat dengan Pegawai-pegawai Daerah dan jabatan-jabatan kerajaan lain yang terbabit dengan mengadakan pertandingan kebersihan memilih kampung contoh.

Dalam mengharungi profesion perubatan, banyak pengalaman dan peristiwa yang telah ditempa oleh Siti Hasmah yang antaranya masih segar dalam ingatan hingga kini. Satu daripadanya ialah pada tahun 1965 sewaktu berlakunya wabak penyakit taun, ramai pegawai perubatan terpaksa

bertungkus-lumus bertugas memerangi dan mengawal penyakit itu. Dalam suasana kelam-kabut akibat kesesakan pesakit-pesakit yang ingin menerima rawatan, timbul kesedaran di kalangan pegawai-pegawai kesihatan terhadap betapa ceteknya sikap rakyat luar bandar terhadap aspek kebersihan dan kesihatan. Mereka mendapati bahawa ramai antara pesakit-pesakit ini membuang air kecil dan air besar di merata-rata tempat. "Pengalaman inilah yang telah merangsangkan kami memperkenalkan penggunaan sistem sanitari yang dinamakan *Jitra Bowl* atau Tandas Jitra," cerita Dr. Raja Ahmad Nordin, selaku Ketua Kesihatan Negeri Kedah pada masa itu. Melalui konsep ini, rakyat luar bandar disaran menggunakan tandas yang digali dalam tanah. Sistem ini kemudiannya diperkenalkan ke seluruh negara.

Siti Hasmah masih terkenang bagaimana gigihnya orang-orang kampung menyumbangkan tenaga untuk bekerjasama menjayakan program-program kerajaan. Beliau menceritakan, "Persediaan untuk mengadakan Tandas Jitra, telaga pam yang sempurna, saluran air yang teratur dan halaman



Gotong-royong menyediakan Tandas Jitra.



Siti Hasmah, Pegawai Kesihatan Kubang Pasu dan Pengetua Sekolah Latihan Kesihatan Luar Bandar, Jitra bersama Pegawai dan Inspektor Kesihatan, Pelatih Jururawat dan Pengawas Kesihatan.

yang bersih menjadi suatu acara gotong-royong." Tambah beliau, "Setiap pertandingan merupakan majlis yang dinanti-nantikan dan orang-orang kampung akan mencetuskan pelbagai idea yang tersendiri untuk membersihkan dan mencantikkan kampung halaman masing-masing." Beliau menambah lagi, "Alhamdulillah, dengan semangat yang gigih dan kerjasama pegawai-pegawai kesihatan dengan orang-orang kampung, program kerajaan membina kemudahan kesihatan telah berjaya menukarkan persekitaran kampung dan penduduknya kepada suasana hidup yang lebih sihat."

Dahulunya perkhidmatan kesihatan kerajaan terdiri daripada tiga peringkat, iaitu Pusat Kesihatan Besar (PKB), Pusat Kesihatan Kecil (PKK), serta Rumah Bidan dan Klinik (RBK). Tetapi kini,

perkhidmatan itu telah ditukarkan kepada dua peringkat, iaitu dengan menaikkan taraf PKK kepada PKB dan RBK dijadikan Klinik Desa.

Semasa Siti Hasmah bertugas di daerah Kubang Pasu, beliau telah dilantik sebagai Pengetua Sekolah Latihan Kesihatan Luar Bandar (SLKLB), Jitra, iaitu sekolah yang julung kali diwujudkan oleh WHO selepas perang di Tanah Melayu. Di sekolah ini, latihan diadakan bagi pegawai-pegawai bahagian rendah seperti bidan dan pengawas kesihatan serta latihan-latihan amali bagi doktor, jururawat dan merinyu kesihatan. Di bawah skim ini, ratusan kakitangan kesihatan telah berjaya dilatih melalui SLKLB, Jitra, dan sekolah kedua dibina di Rembau, Negeri Sembilan. Pegawai-pegawai kesihatan ini kemudiannya ditempatkan di kawasan luar bandar di seluruh negara. Menurut Siti Hasmah, "Mereka ini merupakan tulang belakang bagi rancangan kesihatan luar bandar. Bersama-sama dengan pegawai-pegawai kanan kesihatan, kadar kematian dan penyakit di kalangan masyarakat desa telah dapat dikurangkan."

Selain itu, Siti Hasmah masih ingat bagaimana beliau terpaksa memberi nasihat dan penjelasan kepada sepasang suami isteri tentang konsep perancangan keluarga. Pada mulanya beliau sendiri berasa kekok, tetapi memikirkan ini sebahagian tugasnya, beliau meneruskan penjelasan tersebut. Beliau tersenyum apabila mengingatkan bagaimana pasangan itu tersipu-sipu selepas mendengar penjelasannya. Satu lagi pengalaman yang menarik perhatiannya ialah antara peserta-peserta yang keluar untuk mendengar ceramah umum yang diadakan mengenai perancangan keluarga; kebanyakannya peserta perempuan. Kaum lelaki jarang datang untuk mendengar ceramah, seolah-olah perkara ini hanya melibatkan kaum wanita sahaja.

Kerjaya Siti Hasmah juga telah mendedahkan beliau kepada keadaan kemiskinan dan kedaifan yang wujud di kalangan penduduk luar bandar. Pada masa itu, baru beliau sedar betapa berleluasanya keadaan buta huruf, kejahilan, dan ketidakprihatinan terhadap kesihatan dan kebersihan di kalangan masyarakat luar bandar. Melihat keadaan ini, tersemailah semangat dan iltizam untuk membantu mereka, terutama kaum wanita. Dari titik permulaan ini, Siti Hasmah mendapat motivasi untuk bekerja kuat demi kepentingan dan peningkatan taraf ekonomi dan pelajaran masyarakat luar bandar. Pendedahan bertahun-tahun lamanya terhadap kemiskinan

penduduk luar bandar ini juga menimbulkan keazaman beliau untuk mencapai matlamat itu. Hingga hari ini, Siti Hasmah tidak berasa penat memperjuangkan hak-hak penduduk luar bandar, terutama kaum wanita.

Pada bulan Februari 1974, Siti Hasmah dilantik sebagai Pegawai Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak Negeri Kedah, yang pertama kali diwujudkan untuk mengendalikan dan mengawasi semua rancangan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak. Ini meliputi peringkat ibu hamil hingga selepas bersalin, perkhidmatan pergigian, perancangan keluarga, amalan pemakanan bayi dan kanak-kanak, dan pendidikan kesihatan am.

Siti Hasmah menerangkan, "Latihan diberikan kepada bidan-bidan kampung supaya dapat bekerjasama dengan kerajaan, manakala pengetahuan bidan-bidan kerajaan dipertingkatkan supaya dapat diserapkan ke jawatan jururawat desa, yang bertanggungjawab ke atas penjagaan kesihatan kanak-kanak kecil dan program imunisasinya."

Semasa menyandang jawatan Pegawai Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak Negeri Kedah, beliau hanya sempat menyandang jawatan ini selama sembilan bulan sahaja kerana beliau terpaksa berhijrah ke Kuala Lumpur, berikutan pelantikan suaminya sebagai Menteri Pendidikan. Ketika itu, beliau berasa amat sedih kerana terpaksa meninggalkan rakan sejawat dan sahabat handai yang telah lama dikenali. Bagaimanapun, setelah Mahathir menjadi Ahli Parlimen bagi kawasan Jitra, yang memerlukannya mengikuti Mahathir ketika berkempen, beliau berkesempatan membaharui jalinan mesra dengan rakan-rakan yang telah ditinggalkan itu.

Siti Hasmah meninggalkan Kedah dengan pelbagai kenangan manis. Antaranya ialah bagaimana beliau diterima dengan baik oleh rakan sejawat dan pesakit-pesakit, walaupun beliau bukan 'anak Kedah'. Selain itu, sikap berbudi bahasa orang-orang kampung yang dirawatinya yang memberi pelbagai hadiah kecil kepadanya begitu mengharukannya. Beliau juga teringat bagaimana pada setiap tahun penuntut-penuntut perubatan yang mengikuti latihan di luar bandar mengakhiri latihan dengan mengadakan jamuan kecil untuk penduduk-penduduk kampung dan doktor-doktor di sana.

Semasa bertugas di Kedah, Siti Hasmah melalui dua titik perubahan yang besar. Pertama ialah apabila Mahathir membuat keputusan meninggalkan jawatannya dalam perkhidmatan kerajaan untuk menjadi doktor swasta dan membuka klinik sendiri. Beliau berasa bimbang dan sangsi kerana memikirkan Mahathir akan mengorbankan jawatan dalam kerajaannya yang pendapatannya lebih terjamin. "Malah ketika itu, kami tidak mempunyai modal yang besar untuk membuka klinik," cerita Siti Hasmah. Beliau sebenarnya bimbang kalau-kalau usaha ini tidak berjaya. Namun, apabila Mahathir telah membuat keputusan, beliau tetap memberi sokongan yang sepenuhnya.

Kejutan kedua ialah sewaktu Mahathir membuat keputusan untuk menceburi dunia politik, yang akhirnya melibatkan dirinya sendiri bersama-sama berkempen. Bagaimanapun, kehadiran beliau semasa berkempen didapati tidak berfaedah kerana apabila orang kampung mengetahui bahawa isteri Dr. Mahathir itu seorang doktor, mereka lebih berminat untuk mendapatkan rawatan beliau daripada kempen yang dijalankan. Dengan itu, mereka memutuskan supaya sama ada stetoskop ditinggalkan di rumah, ataupun Siti Hasmah tidak menyertai kempen!

Di Kuala Lumpur, beliau bertugas di Institut Kesihatan Umum (IKU), Bangsar, Kuala Lumpur selama lima tahun. Di institut ini, Siti Hasmah terlibat dalam bidang pentadbiran dan pengajaran. Beliau bertugas di unit kesihatan ibu dan kanak-kanak, bahagian latihan jururawat dalam bidang kesihatan awam dan menjalankan siri latihan dalaman untuk Kementerian Kesihatan di peringkat negeri. Apabila kontrak beliau tamat pada tahun 1979, beliau mengambil keputusan mengakhiri perkhidmatannya dalam bidang perubatan untuk menumpukan sepenuh masa kepada tanggungjawabnya sebagai seorang isteri dan ibu.

Oleh sebab pengalamannya dalam bidang kesihatan ibu dan kanak-kanak di luar bandar, sumbangan Siti Hasmah terhadap aktiviti-aktiviti di Institut Kesihatan Umum ini sangat berfaedah dan bermanfaat. Banyak program yang dirancang untuk kesihatan awam di luar bandar mendapat kejayaan. Bersama-sama rakan sejawat yang lain, Siti Hasmah membina bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran serta manual bagi program-program latihan yang dikendalikan oleh institut itu, yang sebahagiannya hingga kini masih digunakan oleh Kementerian Kesihatan.



Institut Kesihatan Umum dahulu dan sekarang

Dahulu



Sekarang




Siti Hasmah mendengar penjelasan tentang perkembangan dan kemajuan Institut Kesihatan Umum.

Sebagai pensyarah, Siti Hasmah amat berdedikasi dan tidak pernah menolak tugas walaupun pada ketika itu beliau isteri seorang Menteri. Malah, rakan-rakan sejawat beliau di institut itu berasa selesa bekerja dengan Siti Hasmah.

Antara program lain yang dikendalikan oleh IKU yang melibatkan Siti Hasmah ialah latihan kesihatan awam untuk jururawat bertauliah selama setahun. Sejarar dengan rancangan kerajaan menubuhkan suatu hierarki anggota pendidik kesihatan, jururawat-jururawat yang terlatih ini kemudiannya dihantar balik ke pusat-pusat kesihatan luar bandar untuk melatih bidan-bidan. Mereka juga dikehendaki menyampaikan maklumat mengenai kesihatan kanak-kanak dan ibu, melibatkan diri dalam program imunisasi, kesihatan di sekolah-sekolah dan lain-lain. Bidan-bidan itu pula kemudiannya akan dilatih semula sebagai jururawat desa. Institut Kesihatan Umum juga membantu Badan Perancangan Keluarga melatih doktor-doktor mengenai perancangan keluarga setiap lima tahun. Semua program ini bertindak memantapkan lagi latihan pelbagai lapisan anggota kesihatan.



Melawat gerai pameran.



Menerima penerangan tentang komputer.

Mengikut Siti Hasmah, "Latihan pendidikan kesihatan merupakan suatu bidang yang penting untuk semua anggota kesihatan." Bagi beliau, tumpuan harus diberikan kepada aspek pantang larang, adat resam, dan kepercayaan masyarakat majmuk. Beliau menjelaskan, "Ada adat-adat kampung yang berbahaya jika diamalkan dan perlu diketepikan. Bagaimanapun, penerangan yang diberikan oleh jururawat kesihatan umum perlu melalui cara atau pendekatan yang tidak menyinggungkan perasaan masyarakat kampung. Yang pentingnya, jika mereka faham, mereka akan menerima teguran dan nasihat jururawat dengan baik."

Semasa bertugas, Siti Hasmah mudah bercampur dengan rakan-rakan lain. Malah beliau sering menegaskan bahawa beliau lebih suka dipanggil dengan nama 'Kak Hasmah' sahaja tanpa gelaran dan sebagainya. Satu peristiwa yang tidak mudah dilupai oleh rakan-rakan beliau ialah ketika mereka sedang mengadakan majlis jamuan pada akhir kursus latihan untuk jururawat. Apabila beliau menyatakan bahawa suaminya akan datang, para jururawat berasa sungguh gembira dan mengalu-alukan kedatangannya. Sejurus kemudian Mahathir tiba dan beliau disambut dengan gembira dan para peserta kursus mengambil kesempatan untuk bergambar kenangan dengannya. Mereka dapati Siti Hasmah dan Mahathir mudah mesra dan begitu disenangi ramai. Walaupun sewaktu bertugas di institut ini, beliau isteri Menteri dan kemudiannya isteri Timbalan Perdana Menteri, Siti Hasmah selalu menjemput rakan-rakannya ke rumah, terutama semasa Hari Raya.

Pada tahun 1979, apabila kontrak Siti Hasmah tamat, beliau mengambil keputusan tidak memohon pembaharuan kontrak agar dapat terus bersara dari perkhidmatan di IKU memandangkan tanggungjawabnya sebagai isteri menteri menuntut banyak masa dan tenaga. "Walaupun jadual boleh diatur semula, namun hati kecil saya berasa tidak sedap kerana terpaksa kerap kali keluar, yang boleh menyebabkan tugas tergendala," Siti Hasmah menambah. Beliau berasa lebih baik berehat sahaja di rumah bersama-sama keluarga. Beliau menambah, "Walaupun demikian, selama enam bulan sahaja saya berehat. Saya kemudiannya memohon kerja sebagai Pensyarah Sambilan di Fakulti Pergigian, Universiti Malaya."

Selama satu tahun setengah di situ, beliau berasa amat gembira kerana dapat mengharungi banyak kenangan manis bersama-sama siswa siswi tahun akhir. Beliau memberi kuliah mengenai

kesihatan ibu dan anak. Antara kenangan manis yang diingatnya ialah semasa membawa para penuntut membuat lawatan kerja lapangan ke Telok Datok, Banting. Lawatan ini diakhiri dengan berkelah di Morib, di mana beliau dengan semua para penuntut bernyanyi bersama-sama dengan iringan petikan gitar. Menurut beliau, "Masa inilah yang paling manis, iaitu ketika mengakhiri kerjaya sebagai seorang doktor wanita."

Sepanjang kerjayanya, boleh dikatakan bahawa Siti Hasmah tidak menjalani apa-apa latihan formal pada tahap pascaijazah. Apa yang dipelajari hanyalah pengalaman *hands-on* di bawah latihan doktor-doktor pakar, terutama Dr. Sidhu, Dr. Biswas, dan Dr. Thomas Ng. Semasa bertugas di Kedah, kebanyakan pengalaman beliau dalam bidang obstetrik dan ginekologi diperoleh semasa menjalani latihan di bawah bimbingan Dr. Biswas. "Walaupun Dr. Biswas seorang yang tegas, dorongan dan teguran beliau merupakan perangsang dalam melaksanakan tugas saya sebagai doktor, khususnya dalam bidang kelahiran anak. Beliau juga banyak memberi tunjuk ajar dalam menjalankan pembedahan *Caesarean*." Pertama kali Siti Hasmah dikehendaki membantu Dr. Biswas ialah ketika berhadapan dengan kes seorang ibu yang sedang mengalami pendarahan uri. "Pada mulanya saya berasa takut. Tetapi atas desakan Dr. Biswas, saya meneruskan tugas saya walaupun mengalir air mata. Selepas pengalaman itu, saya berasa lebih yakin ketika berhadapan dengan keadaan yang sama," beliau menambah.

Dalam bidang Kesihatan Awam, Siti Hasmah hanya pergi ke luar negara untuk menghadiri kursus sebanyak dua kali sahaja, sekali ke Filipina untuk kursus Pendidikan Kesihatan dan yang kedua ke Universiti Michigan, Ann Arbor, Amerika Syarikat untuk menjalani latihan dua minggu bagi Program Rancangan Keluarga yang hendak dilancarkan secara besar-besaran di Malaysia. Beliau juga terlibat dalam beberapa program antara negara-negara di Asia Tenggara seperti Filipina, Thailand, Indonesia, dan Korea, yang bersama-sama terlibat dalam pertukaran dan perkongsian pengalaman bidang kesihatan awam.

Apabila ditanya tentang kesan pengalamannya sebagai doktor wanita, Siti Hasmah berpendapat bahawa yang pentingnya tiada diskriminasi ditujukan kepada beliau. Malah sebagai seorang doktor wanita, beliau mendapat layanan dan penghormatan daripada semua rakan dan pesakit, sama seperti yang diberikan kepada doktor lelaki.



Merasmikan Majlis Sambutan Hari Q dan Ulang Tahun ke-30 Institut Kesihatan Umum.

Menjawab soalan apakah beliau berasa kesal kerana tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke tahap pakar dalam sesuatu bidang tertentu, Siti Hasmah menjelaskan bahawa keluarga dan anak-anak sentiasa merupakan orang-orang utama dalam hidupnya. Haluan kerjayanya dibuat atas pilihannya sendiri. Siti Hasmah menganggap bahawa kerjaya profesional dan tanggungjawabnya sebagai ibu dan isteri adalah sama penting. "Saya mempunyai kerjaya dan saya seharusnya memberikan tumpuan yang sepenuhnya, sedaya upaya saya, terhadap apa yang diwajibkan oleh tugas saya. Memanglah ada kalanya ini tidak mudah dilaksanakan tetapi, pada hemat saya, yang penting ialah kebolehan mengimbangkan masa dan mengenal pasti keutamaan untuk sesuatu ketika itu," tegas beliau. "Saya tetap memberi sokongan sepenuhnya kepada suami saya, terutama dalam pergolakan beliau di dunia politik dan juga pada awalnya apabila beliau membuat keputusan membuka kliniknya sendiri."

Sewaktu membuat rumusan tentang kesan kerjayanya, Siti Hasmah menjelaskan, "Hasil-hasil kerjaya saya yang telah dicapai bersama kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf kesihatan rakyat luar bandar telah dapat saya lihat. Ini memberi saya kepuasan apabila melihat betapa berbezanya taraf kesihatan dan kesejahteraan rakyat luar bandar masa ini berbanding dengan masa lampau. Dalam hati kecil saya, saya bersyukur saya dapat bersama-sama memainkan peranan dalam arus yang membawa perubahan ini."

Kepada,

Pegawai + Kakitangan
Jabatan Kesihatan Negeri
Alor Setar

PERHARGAAN SAYA

Mengucapkan satinggi-tinggi terima kasih atas pertolongan, panduan, kerjasama yang penuh dan persaudaraan baik yang di beri kepada saya dan keluarga saya semasa saya berada di Alor Setar dan Jitra, Kedah.

Kenangan-kenangan manis ini tidak dapat saya nilaikan dan inilah yang saya akan bawa ke Kuala Lumpur pada 1.11.1974.

Selamat tinggal dan terima kasih.

Moga-moga Allah curahi Kebahagiaan, Kesehatan dan Kegembiraan kepada tuan/puan sekeluarga. Amin.

Daripada:


Dr. Siti Hasmah binte Hj. Mohd. Ali
S.M.K., P.C.K.

Pondok Maharizan,
Batu 6½ Titi Gajah,
Kota Setar, Kedah.

10.10.1974.

Surat penghargaan daripada Siti Hasmah sebelum berpindah ke Kuala Lumpur.





Isteri Mithali


**Di sisi setiap
suami yang berjaya ialah
seorang isteri**

PERIBAHASA Melayu ada mengatakan, 'Kalau mahu mencari isteri, pinang dahulu ibu bapanya'. Dalam kes Siti Hasmah, mungkin Mahathir tidak berkesempatan 'meminang' keluarga Siti Hasmah. Tetapi oleh sebab Tuan Haji Mohd. Ali dengan Puan Hajah Siti Khadijah telah melaksanakan amanah Tuhan dengan mendidik anak mereka, Siti Hasmah, secara sempurna, maka Mahathir tidak mendapati sebarang cacat cela dalam perilaku isteri yang dikasihinya itu. Lebih dari itu, Mahathir senang sekali dengan isterinya yang pandai menjaga maruah dan martabat suami dengan mengelak diri daripada sebarang fitnah atau pandangan serong orang ramai.

Peranan Siti Hasmah sebagai isteri hanya boleh difahami dengan meninjau peribadi dan watak beliau. Siti Hasmah mempunyai perwatakan yang lemah lembut, ceria, periang, sentiasa tersenyum, dan jarang sekali menunjukkan kesugulan, walaupun dalam keadaan yang tidak begitu menyenangkan.

Bagi Siti Hasmah, perwatakannya memang begitu sejak kecil lagi. Beliau sendiri mengakui bahawa latar belakang keluarganya yang besar banyak mempengaruhi beliau, yang sentiasa bersedia menerima orang di sekelilingnya, walau bagaimana sekalipun perangai mereka. Siti Hasmah sangat mudah bergaul dengan orang ramai, baik tokoh diplomatik, ketua negara, mahupun wanita di kampung. Pendek kata, di mana sahaja beliau berada untuk menjalankan tugasnya sebagai isteri yang diperlukan oleh suami, maka Siti Hasmah boleh menyesuaikan diri dan bergaul dengan mudah.

Latar belakang keluarganya telah membiasakan beliau berkongsi dan menerima pandangan orang lain serta memupuk sikap bertolak ansur. Sikap toleransi yang telah tersemai dalam keluarga



Siti Hasmah dan Mahatir berbaris berbaris menunggu giliran untuk mengundi.

Haji Mohd. Ali merupakan aset penting yang membekalkan beliau dengan persediaan lengkap untuk menjadi isteri seorang Perdana Menteri, walaupun Siti Hasmah sendiri tidak pernah bermimpi akan mengisi kedudukan tersebut. Wawasan beliau ketika baru berkahwin ialah mereka berdua akan kekal sebagai pasangan doktor, merawat pesakit, mendidik anak-anak mereka dengan warisan yang dibekalkan oleh ibu dan ayah daripada kedua-dua pihak. Kedua-dua mereka ini sungguh berdedikasi dalam profesion, dan tugas merawat orang sakit menjadi keutamaan dalam jadual harian mereka. Takdir menentukan Mahathir tidak berpuas hati dengan mengubat dan merawat orang sakit sahaja. Beliau seterusnya mengorak langkah untuk cuba memperbaiki kehidupan masyarakat dan negara Malaysia, kerana ingin melihatnya mara ke dalam satu era pembangunan yang pesat. Sememangnya wawasan Mahathir lebih jauh daripada wawasan Siti Hasmah, dan menjurus ke arah membimbing Malaysia ke mercu negara maju. Sambil mendampingi suami tercinta dalam mengharungi liku-liku hidup orang politik, Siti Hasmah berkongsi wawasan dengan Mahathir sebagai isteri yang taat dan patuh. Sepanjang perjuangan Mahathir, isterinya sentiasa di sampingnya, sama ada secara fizikal mahupun dari segi moral. Sebagai seorang pegawai kerajaan, Siti Hasmah mengakui pada mulanya beliau tidak begitu melibatkan diri dengan segala kempen politik suaminya, tetapi akhirnya beliau turut sama turun ke padang. Jelas beliau, "Sebab geram akan taktik parti pembangkang."

Menjadi isteri Perdana Menteri bukanlah satu peranan yang mudah kerana cakupan pergaulan tersangat luas, yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, dalam negara mahupun luar negara. Tambahan pula, Mahathir bukan calang-calang ketua negara; agenda beliau tidak terbatas di



Mengunjungi 'Bapa Kemerdekaan', Tunku Abdul Rahman.

Malaysia sahaja, bahkan meliputi seluruh rantau ini dan dunia amnya. Kadangkala, ucapan dan pandangan beliau juga menjadi isu kontroversi. Sebagai isteri tokoh pemimpin yang sedemikian, sudah tentu sekali Siti Hasmah menerima bahang panas kesan daripada episod-episod yang bergolak di sekeliling suaminya. Perjuangan politik dalam era Mahathir menjadi Perdana Menteri sangatlah berbeza dengan zaman sebelumnya. Pelbagai isu yang ditimbulkan dari dalam dan luar parti menjadi pencabar kepada pemimpin. Siti Hasmah, yang tidak sepi daripada bahana pergolakan hebat politik yang menjadi darah daging suaminya, juga menjadi tumpuan kritis orang ramai dalam semua aspek, dari hujung rambut ke hujung kaki.

Menurut Mahathir, isterinya seorang yang emosional, manakala beliau sendiri pula berpegang kepada prinsip segalanya mesti logikal. Oleh itu, perbezaan pendirian masing-masing ini sudah tentunya, sekali-sekala, menimbulkan pergeseran, namun tidak begitu ketara dan diketahui umum, hanya antara mereka berdua sahaja. Komen Mahathir tentang isterinya yang emosional merupakan satu stereotaip terhadap kaum wanita. Mahathir sendiri pun pernah beberapa kali meluahkan



Siti Hasmah dengan Putera Ranariddh dari Kemboja.



Sentiasa di sisi suami.

kekuatan masing-masing. Hakikat ini perlu diterima secara keseluruhan oleh pasangannya agar dapat mengekalkan keseimbangan dan seterusnya mewujudkan kesefahaman dan sikap toleransi.

Siti Hasmah mempunyai disiplin diri yang tinggi tetapi tidak kaku. Apabila rancak berbual dengannya, kemersaannya dapat dirasakan dan batasan rasmi yang wujud mulai menjadi tipis. Seorang tokoh akademik yang berhubung rapat dengan beliau pernah berkata, "Datin Seri seorang yang sangat peramah dan tidak sombong, kadangkala dalam perbincangan kita terlupa bahawa dia isteri Perdana Menteri." Demikianlah gambaran yang dapat disimpulkan oleh ahli-ahli profesional yang kenal rapat dengannya. Disiplin diri yang dimilikinya, mengikut Siti Hasmah, berasal daripada didikan keluarga, terutama ayahnya, yang pernah merotan beliau, walaupun beliau merupakan anak kesayangan. Beliau sering kali mengatakan bahawa beliau 'agak nakal juga'

emosinya di khalayak ramai, iaitu tentang isu Bosnia. Di suatu majlis Baca Puisi, beliau telah membacakan sajaknya yang bertajuk 'Perjuangan yang Belum Selesai' dengan penuh emosi sehingga menitiskan air mata. Sejurus kemudian, Siti Hasmah, tanpa segan silu naik ke pentas untuk memberikan sokongan moral kepada suaminya yang tersayang, diikuti dengan tepukan gemuruh para hadirin yang turut terharu menghayati apa yang diluarkannya itu. Walaupun terdapat perbezaan pendapat dan prinsip antara mereka berdua, namun ini perkara lumrah dalam kehidupan sebagai pasangan suami isteri, dan dalam hal ini, tiada pengecualian bagi pasangan perdana ini. Setiap insan ada kelemahan dan



Inilah yang dikatakan saling membantu.

semasa kecil. Pengakuan yang dibuatnya ini mencerminkan sikap ketulusan dan keterbukaannya. Oleh sebab sifatnya yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia, kurang sekali terdengar desas-desus berkenaan dirinya. Beliau disegani dan dihormati bukan sahaja kerana beliau isteri Perdana Menteri, tetapi lebih dari itu, kerana perilakunya yang mulia, tanpa meninggi diri atau memilih darjat dan pangkat. Bagi beliau, sifatnya yang sentiasa tersenyum melayan karenah orang sekelilingnya merupakan sesuatu yang semula jadi, dan bukan sesuatu yang dibuat-buat. Sifat beliau yang suka bergaul dengan sesiapa sahaja sejak kecil lagi telah banyak membantu menjayakan peranannya sebagai isteri Perdana Menteri. Mahathir sendiri menyetujui kenyataan bahawa, bertentangan dengan sifat beliau sendiri yang agak pemalu, sifat isterinya yang mudah mesra sememangnya turut membantu kerjaya politik beliau. Bolehlah dikatakan bahawa sifat-sifat ceria Siti Hasmah merupakan pelengkap dalam hubungan mereka berdua.

Ketika Mahathir baru dilantik Timbalan Perdana Menteri, seorang wartawan (Remedios Rullan, NST Mac 1976) yang menemu bual Siti Hasmah, sambil memerhatikan cara beliau bergaul dengan pelajarnya (ketika itu beliau bertugas di Institut Kesihatan Awam di Kuala Lumpur), menyimpulkan perwatakan Siti Hasmah, seperti yang berikut, "... a total lack of vanity in her husband's position, along with a quiet firmness and unaffected friendliness." Rumusan yang dibuat oleh penulis berkenaan mungkin terlalu awal untuk mengukur perubahan pada sikap beliau pada masa itu kerana lazimnya manusia akan bertukar corak setelah status mereka meningkat. Namun bagi Siti Hasmah, hingga kini beliau tetap dengan perwatakannya yang peramah, mesra dan sederhana. Laporan temu bual yang terbaharu oleh wartawan **The Star** (4 Mac 1996, Section 2)

membuktikan kenyataan ini. Ketika ditanya bagaimana beliau mahu diingati, dengan spontan beliau menjawab, "Sebagai nenek kepada tujuh orang cucu." Itulah jawapan seorang insan yang berhemah tinggi dan tidak bongkak akan kedudukan sebagai seorang isteri pembesar negara. Beliau seolah-olah tidak kisah akan segala sumbangan dan kejayaan yang dicapainya sebagai seorang doktor wanita Melayu yang terawal selepas Dr. Salmah Ismail.

Sejak kecil, Siti Hasmah telah diasuh mengamalkan sifat yang bijak dalam mengimbangi keperibadian duniawi dan rohani. Beliau dan adik-beradiknya diasuh dengan dua set nilai – tradisional dan moden. Sewaktu kecil, walaupun beliau bersekolah Inggeris yang dikendalikan oleh kumpulan mubaligh Kristian, tetapi ajaran dan didikan agama Islam tetap menjadi teras dalam pendidikan keluarganya. Jika difikirkan, sememangnya keluarga Siti Hasmah sebuah keluarga yang berfikiran moden kerana sanggup menghantar anak-anak perempuan mereka belajar di sekolah Inggeris semasa masyarakat tempatan masih agak jahil akan betapa pentingnya pendidikan sekular. Inilah antara keistimewaan keluarga Siti Hasmah. Sementara itu, emak, ayah, dan neneknya sentiasa memberi didikan agama dan menerapkan nilai-nilai tradisi kepada anak cucu mereka. Asuhan yang sedemikian telah berjaya melahirkan insan yang berupaya memilih, mengimbangi, dan menerima pakai ciri-ciri adat resam dan nilai moden yang baik. Proses yang dimulakan oleh nenek, emak, dan ayahnya seterusnya diwariskan kepada anak cucunya pula.

Sebagai seorang doktor, Siti Hasmah memang amat sibuk dengan tugasnya; tambahan pula, beliau melahirkan anak setahun satu. Namun, beliau tetap memberi keutamaan kepada suami dan anak-anaknya. Nilai-nilai murni yang dijana kepada beliau sejak kecil, diteruskan dalam keluarga sendiri. Walaupun kita tidak dapat memerhatikan dengan lebih dekat cara pergaulan keluarga perdana ini, tetapi daripada perbualan mereka anak-beranak, kita dapat menangkap kemesraan yang terjalin erat.

Siti Hasmah juga mengakui zaman awal perkahwinan mereka di Kedah sungguh manis, maklumlah baru mendirikan rumah tangga. Tambahan pula, sebagai pasangan suami isteri yang menyanggah profesion doktor dalam tahun 50-an, keluarga mereka tidak merupakan keluarga biasa. Kehidupan mereka lebih daripada selesa. Walaupun suami isteri sibuk dengan tugas masing-

masing, hubungan antara pasangan ini sungguh rapat. Anak-anak mereka diasuh dengan disiplin dan dalam suasana demokrasi yang dipimpin. Sesuatu isu itu dibincang bersama dan anak-anak juga mempunyai suara. Salah satu contohnya ialah dalam memilih nama rumah kesayangan mereka di Kedah, iaitu Pondok Maharizan. Nama ini diambil daripada ringkasan nama kesemua ahli keluarga. Satu lagi contoh ialah apabila Siti Hasmah mencadangkan nama anak mereka diakhiri dengan huruf 'h' kerana pangkalnya telah dimulakan dengan huruf 'M'. Anak-anak mereka, Marina dan Melinda membantah. Mahathir, dengan mesra tetapi tegas, menudingkan telunjuk ke arah suara yang membantah sambil berkata, "Mummy, ada suara bantahan." Daripada insiden-insiden ini, kita dapat mengesahkan hubungan kemesraan yang terjalin antara mereka hingga kini tetap erat, walaupun ada beberapa garisan protokol yang mungkin membataskannya.

Unsur-unsur demokrasi dalam rumah tangga mereka terus kelihatan hingga ke zaman dewasa anak-anak mereka. Setakat ini semua anak-anak yang telah berkahwin memilih sendiri pasangan masing-masing. Ketika diajukan soalan kepada Siti Hasmah kenapa mereka berdua tidak memilih menantu dari kalangan anak-anak sahabat, beliau menjawab, "Kami tidak tahu bagaimana nak

'Rumahku Syurgaku'

— Siti Hasmah sekeluarga di hadapan

Pondok Maharizan
di Alor Star.



buat." Menurut beliau, semua kawan baik anak-anak mereka dianggap sebagai adik-beradik. Walaupun beliau teringin juga menerima menantu dari kalangan anak-anak sahabat, tetapi mana-mana menantu pilihan anak-anak mereka akan diterima juga dengan baik. Pilihan pasangan hidup yang dibuat oleh anak-anak mereka jelas sekali menunjukkan bahawa Siti Hasmah dan Mahathir tidak mengira darjat, pangkat, keturunan mahupun bangsa. Apa yang penting ialah perilaku dan perwatakan menantu.

Siti Hasmah mengakui bahawa sebagai sebuah keluarga perdana, anak-anak mereka juga mengalami beberapa kesulitan. Antaranya, mereka tidak bebas bergaul dengan kawan dari kalangan orang awam kerana orang awam tidak dibenarkan keluar masuk sesuka hati ke pekarangan kediaman rasmi. Maka setelah anak-anak dewasa, Siti Hasmah dan Mahathir telah membenarkan anak-anak mereka tinggal berasingan. Siti Hasmah telah menceritakan bagaimana Mahathir telah menulis surat kepada semua anak-anak mereka untuk memberi kebenaran tersebut dengan hati yang berat sekali. Tetapi pada masa yang sama mereka sedar, demi kebaikan anak-anak, langkah ini perlu supaya kawan-kawan berasa selesa bergaul dengan anak-anak mereka itu. Walau bagaimanapun, semua anak mereka tidak terpisah jauh kerana mereka tinggal berdekatan dan cucu-cucu pula selalu datang berjumpa nenek dan datuk kesayangan. Itulah antara masa yang sangat menyeronokkan pasangan suami isteri ini.

Bukan sahaja Siti Hasmah menjadi ibu yang pengasih kepada anak-anaknya, bahkan terbukti beliau boleh membawa peranan sebagai isteri Perdana Menteri dan dihormati oleh sesiapa yang mengenalinya. Sebenarnya, keperibadian isterinya sebagai seorang insan yang budiman merupakan aset yang paling berguna bagi Mahathir, terutama dalam mengharungi ranjau politik dari dalam mahupun luar negara. Walaupun Mahathir agak tidak begitu selesa untuk mengesahkannya, namun beliau mengakui bahawa sifat Siti Hasmah yang sentiasa menyokong sememangnya amat dihargai oleh beliau.

Ketika diajukan soalan apakah perkara mengenai Mahathir yang menarik minat beliau, sambil tersenyum lebar Siti Hasmah menyatakan, "Dia sungguh penyayang, *charming*, sungguh bijak tetapi *possessive*." Selain itu, Siti Hasmah juga menghargai sikap Mahathir yang tegas pendirian,



Melancarkan buku berkenaan 'hero'nya.

taat setia, dan sangat tertib dalam melakukan tugas. Sebaliknya, Mahathir agak keberatan untuk menyatakan ciri perwatakan Siti Hasmah yang memikat hati beliau. Mungkin disebabkan sifat beliau yang pemalu atau sebagai seorang yang berpegang teguh kepada nilai-nilai timur, beliau berasa kaku untuk mengatakan penghargaannya terhadap isteri, terutama secara terbuka. Mungkin juga ada sesuatu yang enggan diperkatakan oleh beliau tentang isterinya. Namun, yang dapat dicungkil ialah beliau pernah merungut tentang isterinya yang selalu 'lewat' untuk temu janji. Pada mula-mula dahulu, mereka sering juga berselisih faham tentang perkara ini, tetapi kini Mahathir mengakui, "Sudah jadi lali pula." Semanganya Mahathir begitu cerewet tentang menepati waktu, berbanding dengan Siti Hasmah yang agak longgar dalam hal ini. Jika dirumuskan, dapat dikatakan bahawa Mahathir agak tegas orangnya, manakala Siti Hasmah pula lembut sifatnya. Mungkin inilah *yin* dan *yang* dalam hidup mereka berdua. Faktor perbezaan ini mungkin juga dipengaruhi oleh peranan masing-masing, dengan Mahathir sebagai orang politik yang mempunyai pendirian lebih pragmatis dan *calculative*. Beliau lebih suka memendamkan perasaan dan ini diluarkannya melalui kenyataannya yang berikut, "Dalam arena politik, kita



Jago-jago,
jangan cucuk
jari saya!

tidak boleh terlalu terbuka, nanti susah; mungkin kawan jadi lawan, atau sebaliknya." Berbanding dengan beliau, Siti Hasmah merupakan seorang yang lebih bersifat terbuka, beremosi dan *passionate*, terutama dalam sesuatu hal yang dekat dengan hatinya. Namun, di sebalik perbezaan ini, tidak dapat dinafikan bahawa hubungan pasangan perdana sebagai suami isteri begitu intim sekali.

Mengenai imej wanita pula, Siti Hasmah banyak berpegang pada nilai-nilai timur yang merupakan pedoman beliau dalam menjalani kehidupan bersama Mahathir. Baginya, sifat lemah lembut wanita timur yang sentiasa mengutamakan kepentingan suami harus dikekalkan, tanpa menjadikannya alasan sebagai penghalang bagi wanita untuk maju dalam pelajaran dan kerjaya. Ini adalah kerana wanita yang berdisiplin mampu mengagihkan masanya untuk kerjaya dan keluarga. Dalam hal ini, beliau dengan Mahathir mempunyai banyak persamaan, iaitu kehidupan yang berdisiplin dan teratur walaupun kerjaya mereka sungguh mencabar. Siti Hasmah sendiri hanya berkahwin ketika berumur 30 tahun, setelah lulus dengan ijazah perubatan, kerana itu merupakan kehendak ayahnya. Sebagai anak yang salih, beliau patuh dan telah menumpukan perhatian kepada pelajaran hingga berjaya. Dalam tahun-tahun 50-an, seorang gadis yang berkahwin dalam lingkungan umur demikian tentulah dianggap 'anak dara tua', tetapi bagi keluarga istimewa



“Siapa cepat dia menang”
— Pasangan bahagia sedang bermain cangkak.

ini, soal wanita lewat kahwin bukan menjadi satu isu. Kerjaya lebih dipentingkan. Ini jelas mencorakkan pandangan beliau khususnya, dan keluarga Haji Mohd. Ali dengan Hajah Khadijah amnya, terhadap kedudukan dan peranan wanita selaku isteri, ibu dan tenaga kerja dalam pembangunan ekonomi negara.

Hubungan Siti Hasmah dengan Mahathir sebagai suami isteri memang amat intim. Apabila ditanya sama ada beliau mempunyai penasihat khas untuk pakaian dan barang kemas yang dipakai, Siti Hasmah dengan spontan menyatakan, “Suami saya.” Menurut orang yang kenal rapat dengan mereka, Mahathir memang mempunyai pengetahuan yang luas dalam hal-hal seni dan kraftangan. Misalnya, antara hasrat Mahathir ialah menonjolkan seni kraf tempatan ke pentas



Sesuai untuk Che' Det!

dunia dengan menggabungkan teknologi moden supaya tahap pengeluaran boleh dipertingkatkan. Selain itu, beliau juga boleh bermain alat muzik seperti saksafon dan pandai bertukang (dengan bahan kayu) serta memasak. Tidak menghairankan jika beliau juga pandai memilih pakaian yang sesuai untuk isterinya. Seterusnya Siti Hasmah menceritakan bahawa Mahathir juga berdisiplin dalam menjaga kadar makanan mereka supaya tidak berlebihan. Kalau berat badannya meningkat, Mahathir akan mengingatkannya. Kesederhanaan raut badan pasangan ini walaupun sudah berumur, adalah hasil disiplin pemakanan, bersenam dan juga menjaga selera antara satu sama lain. Siti Hasmah juga dikatakan menjaga makanan Mahathir, terutama selepas beliau menjalani pembedahan dalam tahun 1989.

Hubungan antara Mahathir dengan Siti Hasmah terjalin erat bukan kerana mereka sehaluan dalam semua hal. Sebenarnya ada unsur-unsur yang saling melengkapi, kesefahaman dan tolak ansur antara mereka. Secara terus terang dan jujur, Mahathir menyatakan, "Kita tidak akan dapat cari orang yang *perfect*. Kita mesti menerima kebaikan bersama kelemahannya."



Mendapat sokongan dalam kegiatan BAKTI.

Siti Hasmah juga amat prihatin dan sensitif orangnya, terutama terhadap mereka yang kurang bernasib baik. Beliau menceritakan bagaimana ketika zaman Jepun yang telah membantut persekolahannya, emaknya telah melatih beliau dalam urusan rumah tangga. Tidak ada tugas dan kerja yang terlalu rendah untuk dilakukan oleh seseorang walau apa pun pangkatnya. Hasilnya Siti Hasmah bersedia menyingsing lengan baju untuk memasak dan membuat kerja dapur pada bila-bila masa diperlukan.

Menurut seorang wartawan yang membuat liputan semasa Mahathir menjadi Timbalan Perdana Menteri dan menyambut Hari Raya di Alor Star (Remedios Rullan, NST 21 Mac 1976), beliau memerhatikan bagaimana Siti Hasmah turut serta bersama wanita lain menyediakan makanan untuk tetamu, manakala Mahathir pula sibuk melayan dan makan bersama tetamu. Setelah selesai semua tetamu makan, barulah Siti Hasmah kelihatan menyenduk nasi dan menjamah makanan bersama wanita-wanita lain yang membantu memasak. Ini sekali lagi menonjolkan sikapnya yang mengamalkan nilai-nilai tradisi di mana suami melayan tetamu, isteri di dapur menyediakan makanan untuk tetamu. Walaupun Siti Hasmah isteri Timbalan Perdana Menteri pada masa itu, namun beliau tetap berpegang pada peranan bahawa isteri perlu mengendalikan dapur untuk menyediakan makanan dan bukan melayan tamu atau mengerah dan mengarah tenaga pembantu. Hakikat bahawa beliau seorang doktor yang bertauliah, seperti suaminya, dan isteri kepada Timbalan Perdana Menteri, tidak membuat beliau berasa asing daripada orang biasa atau mengetepikan amalan tradisi. Begitulah sikap rendah diri dan luhurnya budi pekerti beliau.



Berbangga dengan kejayaan isteri.

Walaupun Siti Hasmah banyak menghayati nilai tradisi dalam hubungannya dengan suami, namun beliau juga banyak mengamalkan nilai-nilai yang sangat moden. Misalnya, pendirian beliau yang sentiasa memperjuangkan nasib isteri pertama atau wanita kurang bernasib baik. Semasa kecil, bukan sahaja Siti Hasmah dilatih bekerjasama membuat kerja rumah, walaupun keluarganya mempunyai dua orang pembantu rumah, bahkan kedua-dua orang pembantu yang digaji diberi layanan sama seperti ahli keluarga sendiri. Ini telah menampakkan keprihatinan keluarganya yang sejak mula mengamalkan keadilan hak asasi manusia, tanpa sebarang cogan kata. Mungkin juga beliau telah peka bersabit nasib wanita sebelum Dekad Wanita diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1975.

Latar belakang asuhan yang sedemikian telah melentur Siti Hasmah menjadi seorang yang prihatin pada orang yang susah dan sentiasa ingin membela nasib mereka. Ini ialah kualiti perwatakan yang sangat penting bagi seorang isteri Perdana Menteri, khususnya bagi negara yang sedang membangun. Sememangnya peranan isteri seorang *public figure* sangat kritikal bagi menjamin kedudukan suaminya. Perwatakannya yang peramah, mudah bertolak ansur, dan tidak angkuh banyak menyokong ketokohan suaminya. Masyarakat juga akan menyanjung seorang lelaki yang mempunyai isteri sedemikian kerana lelaki demikian dianggap seorang yang pandai memilih isteri.

Menyingkap sejarah Siti Hasmah, sejak dari dahulu lagi perangnya tidak banyak berubah. Beliau sentiasa sederhana dalam serba-serbi, tidak banyak karenah dan memaparkan satu imej kesederhanaan, tertib, dan kemas bergaya. Pakaian wanita pertama biasanya memang menjadi perhatian wanita khususnya, dan rakyat amnya dan kadangkala boleh menjadi penentu fesyen, seperti yang diperagakan oleh Jacqueline Kennedy dan Imelda Marcos. Siti Hasmah tidak mengikut *trend* begini, sebaliknya beliau sentiasa berpakaian tradisional, berbaju kurung dan kebaya yang menjadi kebanggaan beliau sebagai jati diri masyarakat Malaysia. Pakaian beliau mungkin bersulam dan bermanik tetapi tidak keterlaluan. Seterusnya Siti Hasmah membuat satu dasar yang tidak bertulis, iaitu wanita Malaysia, tidak kira keturunan, yang pergi ke luar negara atas urusan rasmi, hendaklah memakai pakaian kebangsaan (batik kurung atau kebaya). Lambang ini mempunyai impak yang sangat berkesan sebagai identiti wanita Malaysia kerana daya tarikkannya yang



Sentiasa berpakaian tradisional.

separuh rasmi, siang mahupun malam. Pilihan dan cara beliau menghias diri ini tepat dan sesuai dengan keperibadiannya kerana hiasan seperti mutiara sebenarnya menyerikan lagi air muka beliau dan tidak menampakkan keterlaluan. Secara keseluruhannya Siti Hasmah memang tidak pernah berlebihan dalam pemakaian barang kemas, sama ada semasa lawatan dalam negeri, luar negeri, mahupun ketika menghadiri jamuan. Pakaian beliau yang kemas, bergaya, dan sederhana menghindarkan beliau dan suaminya daripada sebarang fitnah. Beliau pernah berkata, "Barang kemas saya hanya mutiara, tak banyak intan berlian."

Ketika menghadiri Forum Wanita Sedunia di Beijing dalam tahun 1995, beliau pernah ditanya oleh wartawan asing sama ada beliau bersaing dengan suaminya kerana berada dalam bidang yang

tersendiri, terutama dari sudut pandangan masyarakat luar negeri. Selain itu, pakaian ini dapat mengeratkan lagi hubungan etnik wanita Malaysia. Sekarang ini pakaian kurung dan kebaya telah pun diterima sebagai pakaian kebangsaan dan digemari oleh semua lapisan masyarakat serta dipakai dalam upacara rasmi atau di pejabat. Siti Hasmah mengatakan bahawa walaupun pakaian kebaya memang pakaian wanita Selangor, tetapi beliau juga suka memakai baju kurung kerana baju itu selesa.

Dari segi pemakaian barang kemas pula, beliau lebih suka penampilan yang sederhana dan gemar memakai mutiara kerana mudah disesuaikan dengan apa juga upacara, rasmi atau

sama (sebagai doktor perubatan). Bagi Siti Hasmah soal persaingan antara dirinya dengan Mahathir tidak timbul sama sekali kerana Siti Hasmah seorang doktor kerajaan, manakala Mahathir pula membuka klinik sendiri. Lebih dari itu, Siti Hasmah berpegang pada prinsip bahawa suami isteri tidak sepatutnya bersaing, sebaliknya hendaklah saling membantu. Berdasarkan prinsip inilah Siti Hasmah memang tidak mahu menyertai politik walaupun latar belakang beliau mungkin sesuai bagi tujuan tersebut. Ketika ditanya pula sama ada beliau dapat mempengaruhi Mahathir dalam dasar negara, dengan mudah Siti Hasmah mengatakan bahawa mereka tidak membincangkan hal politik, "Lagi sedikit saya tahu, lebih baik untuk kami berdua." Tetapi apabila didesak sedikit dengan soalan, masakan tidak ada *pillow talk*, beliau menyatakan "*Pillow talk* tu ada. Misalnya, saya tanya dia betulkah hendak ada rombakan kabinet?" Dengan selamba Mahathir menjawab, "Saya sudah nafikannya kepada media." Menurut Siti Hasmah lagi, "Biasanya tentang hal politik, Mahathir akan mendiamkan diri sahaja kalau ditanya sesuatu dan tidak mahu memberikan sebarang komen." Itulah antara rahsia kerukunan hidup mereka; hal pejabat tidak dibawa ke rumah, dan begitulah juga sebaliknya. Walau bagaimanapun, Mokhzani berpendapat tentu sekali ibunya ada pengaruh ke atas bapanya. Pandangan ibu boleh memberikan kelembutan kepada sesuatu perkara penting yang akan dikemukakan. Maklumlah Mahathir, menurut anaknya, kurang arif dalam hal hubungan *interpersonal* sebab Mahathir diakui sebagai seorang yang pemalu sifatnya.

Dalam hidupnya bersama Mahathir, Siti Hasmah terpaksa banyak membuat penyelesaian dan pengorbanan, dari hal tempat tinggal hinggalah kepada kerjaya. Sebaik sahaja selepas berkahwin, mereka pindah ke Kedah. "Mahathir anak bongsu; saya sangat prihatin akan hal itu. Ini anak emas orang yang saya kah-



Saat-saat kegemilangan yang dikongsi bersama.



Saya memang pandai masak Cik Mah!

wini," ujar beliau. Sepanjang bersama Mahathir, banyak sekali penyesuaian perlu dibuat dan sering kali beliau yang mengalah. Antara kejutan yang ketara ialah apabila Mahathir bertekad meninggalkan profesion perubatannya dan menceburi bidang politik sepenuh masa. Sebelum ini, Siti Hasmah tidak pernah bermimpi Mahathir akan berhenti daripada menjadi doktor. Namun apabila suaminya mula memegang jawatan dalam politik, beliau dengan mudah menerima perubahan itu kerana beliau sudah nampak minat dan ketokohan Mahathir dalam politik sejak di universiti lagi. Walaupun tiada perbincangan antara Siti Hasmah dengan Mahathir tentang hasratnya menyertai politik sepenuh masa, tetapi beliau sedar perkara itu mungkin akan berlaku juga. Malah ketika Mahathir meninggalkan perkhidmatan kerajaan dan membuka klinik sendiri, Siti Hasmah berasa sangat risau dan cemas terhadap kemungkinan yang akan berlaku ke atas keluarga mereka. Beliau menceritakan bahawa beliau menangis memikirkan nasib ketika itu. Maklumlah, pada masa itu, orang Melayu lebih selesa dengan kerja makan gaji kerana itu dianggap lebih terjamin. Namun ketabahan dan saling mempercayai di antara suami isteri ini mengatasi segalanya.

Jika diperhatikan wajah mereka berdua ketika bersama, kelihatan bahawa memang sudah ter-meterai rasa kasih sayang yang tidak berbelah bagi dan ikatan kemesraan yang abadi. Kemantapan kasih terjana sebab wujud kesefahaman dan kepercayaan antara mereka. Siti Hasmah mengatakan Mahathir mempunyai satu sikap yang sangat terpuji, iaitu taat setia yang tidak berbelah bagi, yang diamalkan bukan sahaja dalam rumah tangga, bahkan juga dalam bidang politik. Berdasarkan sikapnya inilah Siti Hasmah boleh memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada Mahathir. Beliau mengakui memang banyak dugaan yang cuba menjerat Mahathir semasa mereka di Kedah dan juga di Kuala Lumpur. Tetapi Mahathir pandai mengelakkan diri, dan satu caranya ialah dengan membawa isterinya ke mana sahaja beliau pergi. Maka itulah mereka berdua seperti belangkas. Kalau ada isteri di samping suami, maka dalang-dalang pun ke tepi, dan suami pun akan berfikir banyak kali sebelum menyambut sebarang rezeki.

Salah satu lagi prinsip yang dipegang kukuh oleh mereka ialah menyelesaikan segala krisis sebelum melarat. Dengan cara begitu, suasana yang berjerebu akan mudah dijernihkan semula sebelum bacaan indeks pencemaran mencapai paras bahaya dan sesuatu isu yang merunsingkan tidak berlarutan, sebaliknya kasih berpanjangan. Begitulah antara strategi yang diamalkan oleh pasangan merpati dua sejoli ini, yang kelihatan terbang ke sana ke sini berpasangan dengan mesra sekali.

Dalam banyak perkara, Siti Hasmah suka merendahkan diri dan sering mengatakan bahawa beliau bernasib baik mempunyai sifat yang mudah menyesuaikan diri dengan apa juga keadaan. Sebenarnya bukan beliau sahaja yang bernasib baik, tetapi lebih-lebih lagi suaminya, kerana sifatnya itu merupakan aset yang sangat bernilai bagi seorang suami yang mempunyai *high profile*. Maka itu dengan ikhlas Siti Hasmah menyatakan "Ada isteri di belakang setiap lelaki yang berjaya." Kenyataan ini sangat menarik kerana beliau menggunakan istilah 'isteri' dan bukan 'wanita'. Dengan sendirinya Siti Hasmah telah meletakkan prinsip agama dan nilai adat timur dalam konteks keluarga. Baginya, isterilah yang bertungkus-lumus membantu kejayaan suami, bukannya sebarang wanita. Kenyataan ini juga mencerminkan pengalaman beliau sendiri, iaitu bagaimana Mahathir banyak mendapat bantuan dan sokongan daripadanya untuk berjaya. Siti Hasmah merupakan teman setia yang sentiasa mendampingi suami dalam naik turun kerjaya



Sentiasa bergaya.

politiknya. Pandangan Siti Hasmah bersabit peranan isteri dan bukan wanita di belakang lelaki, seperti yang diungkapkannya, membayangkan pendirian beliau bersabit hak, peranan, dan nasib para isteri. Tetapi bagi Mahathir pula, ketika ditanya oleh seorang wartawan (Robin Adshead) tentang wanita di belakang kejayaan suami, beliau telah menafikan adanya wanita di belakangnya. Menurut beliau, wanita itu (Siti Hasmah) sentiasa **di sampingnya**, bukan di belakang. Soal sama ada Siti Hasmah di belakang atau di samping, cuma berbeza dari segi persepsi. Bagi Mahathir, isterinya yang tersayang sentiasa di sampingnya dalam mengharungi apa juga masalah. Siti Hasmah pula berpegang pada nilai timur, iaitu isteri rendah setakuk daripada taraf suami. Nampaknya cara langkah protokol yang memerlukan Siti Hasmah, sebagai isteri, berjalan beberapa tapak di belakang suami, merupakan juga tataatur kehidupan mereka.

Berdasarkan temu bual dengan wartawan **The Star**, sebagai seorang isteri yang sama taraf pendidikan dengan suaminya, agak aneh apabila Siti Hasmah mengatakan mereka tidak membincangkan penglibatan suami dalam politik. "Kami tidak pernah berbincang tentang politik. Dia tidak pernah ada masa untuk bercerita dengan saya tetapi saya sedar bahawa dia meminati bidang politik dan bahawa dia mahu bertanding jawatan yang sesuai." Begitulah taatnya Siti Hasmah sebagai isteri. Ketika ditanya tentang masa depan mereka sekeluarga pula, beliau berkata, "Saya tahu dia akan bersara pada suatu masa, tetapi terpulang kepada dialah untuk memberitahu saya bila masanya." Siti Hasmah tidak mendesak suaminya melakukan atau tidak melakukan sesuatu. Segalanya terpulang kepada Mahathir. Itulah isteri mithali.

Jarang sekali Siti Hasmah tidak bersama suaminya. Malah dalam suatu temu bual yang menimbulkan berita Perdana Menteri dikatakan mempunyai isteri kedua, Mahathir menangkis dengan mengatakan, "Cubalah bayangkan saya yang sentiasa membawa isteri saya ke mana-mana macam belangkas di dalam atau di luar negara, dituduh pula berkahwin lain dan mempunyai anak." Siti Hasmah meyakini pernyataan Mahathir itu dan sebab itu beliau mengamalkan peranan isteri yang sebenar, iaitu sentiasa bersama suaminya. Daripada perbualan dengan beberapa isteri para Menteri, Siti Hasmah juga telah menasihatkan isteri para Menteri dan Timbalan Menteri supaya mengikut suami masing-masing dalam lawatan mereka. Menurut Siti Hasmah, ini merupakan satu cara untuk mengelakkan fitnah, bukan soal mengongkong suami. Beliau juga dikatakan sangat prihatin akan isteri yang dimadukan oleh suami yang telah berjaya dalam hidup mereka. Bagi isteri pertama yang telah dimadukan, Siti Hasmah menyarankan supaya mereka jangan mengundur diri. Menurut seorang isteri menteri yang ditemu bual, Siti Hasmah sangat bersimpati dengan beliau dan cuba menasihatkan beliau supaya jangan menarik diri dari kegiatan awam. Siti Hasmah mahu keadilan diberikan kepada isteri dan keluarga pertama yang telah bertungkus-lumus membantu suami mencapai kejayaan. Cara beliau memberi nasihat tidak pula merumitkan masalah. Siti Hasmah ingin memastikan isteri dan keluarga pertama tidak kerugian atau diabaikan. Hak mereka harus dipertahankan.

Ada seni kata lagu P. Ramlee yang berbunyi, "*Alangkan gigi dan lidah lagi tergigit, inikan pula suami isteri.*" Bumi mana tidak ditimpa hujan. Begitulah adat orang berumah tangga, pasti akan

melalui pelbagai ranjau hidup. Pasangan Siti Hasmah dengan Mahathir tetap menempuh itu semua. Yang penting ialah bagaimana Siti Hasmah menghadapi semua dugaan hidup di samping suami yang dikasihi. Salah satu insiden yang paling pahit ialah ketika Mahathir disingkirkan dari UMNO. Siti Hasmah sedia maklum betapa komited Mahathir dengan UMNO dan betapa hebat tamparan yang diterimanya, tetapi beliau tetap menerima hakikat itu dengan penuh tabah. Sebagai isteri yang setia, beliau berusaha menyejukkan keadaan dan mencari sesuatu hikmah daripada insiden tersebut. Bahkan beliau merasakan insiden itu sebagai satu rahmat.

Sebabnya ialah berikutan penyingkiran selama tiga tahun (1969–1972) itu, mereka telah berkesempatan tinggal di rumah mereka yang baru siap, iaitu 'Pondok Maharizan'. Beliau menyatakan betapa gembiranya hidup bersama sekeluarga di sebuah rumah yang dibina atas rekaan Mahathir sendiri. Rumah itu merupakan kebanggaan mereka sekeluarga. Menurut beliau, anak-anaknya merungut apabila rumah itu hendak dijual kerana di rumah itulah mereka membesar dan tentu sekali banyak meninggalkan kenangan manis semasa mereka kecil. Di rumah itu jugalah Mahathir menulis buku *The Malay Dilemma*, yang kini menjadi rujukan



Angin menderu di Table Mountain, Cape Town, 1995.
Amboi sejuaknya!

utama bagi mereka yang ingin mengetahui pemikiran Mahathir bersabit bangsa Melayu dan masalah orang Melayu.

Sewaktu bercakap tentang perkahwinan mereka, Siti Hasmah menjelaskan, "Bahagia. Tentu sekali kami tidak kesal berkahwin sudah 42 tahun lamanya. Entah bagaimana kami boleh bertahan selama itu. Saya bersyukur ke hadrat Allah kerana menjodohkan kami. Sudah jodoh," kata beliau. Tetapi, mengikut beliau, untuk menjayakan sesebuah perkahwinan, kita mestilah berusaha keras. Pasangan mana-mana suami isteri perlu saling mempercayai, boleh merendah diri, sabar, saling memaafkan, dan menghargai sumbangan antara satu sama lain. Seandainya mereka dalam perkhidmatan yang sama, seperti kedua-duanya dalam perkhidmatan kerajaan, Siti Hasmah menyarankan agar mereka tidak bersaing. Isteri hendaklah menjadi rakan kongsi dan penyokong suaminya, bukan sebagai saingannya.

Siti Hasmah seorang isteri yang mudah bersyukur dan menerima apa yang berlaku. Sifat kesyukurannya terdijelaskan semasa anak bongsunya cuma memperoleh satu A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Beliau begitu gembira sekali, manakala kebanyakan ibu lain berasa hampa kalau ini terjadi kepada anak mereka. Juga semasa Mahathir membuat keputusan untuk menyertai politik, Siti Hasmah bukan sahaja merestuininya tetapi turut membantu dengan apa juga daya yang boleh, kerana beliau sedar memang itu matlamat suaminya walaupun mereka sudah mampu hidup senang dan mewah tanpa perlu bertungkus-lumus memikirkan masalah negara. Menurut Siti Hasmah, beliau kurang melibatkan diri dalam politik kerana berpendapat campur tangan isteri dalam politik boleh membawa pelbagai masalah. Walaupun pernah dicalonkan sebagai Ketua Wanita Bahagian Kubang Pasu, Siti Hasmah memilih untuk kekal dengan kerjaya sebagai doktor perubatan sehinggalah apabila beliau terpaksa melepaskannya kerana terlalu sibuk dengan tugas rasmi sebagai isteri Timbalan Perdana Menteri. Ini juga merupakan satu pengorbanan beliau selaku isteri.

Walaupun Siti Hasmah seorang yang lemah lembut, namun dalam beberapa hal, beliau merupakan seorang yang tegas tanpa kompromi. Misalnya, tentang penganiayaan terhadap wanita dan ketidakadilan suami ke atas isteri. Ketika diwawancara oleh **The Star** bersabit poligami dan sama

ada beliau sanggup menerima masuk isteri kedua para menteri ke dalam BAKTI, beliau mengatakannya, "Agak sukar hendak menerima masuk isteri kedua atau ketiga jika yang pertama itu teman rapat dan telah pun menjadi ahli BAKTI. Dalam BAKTI, kami hanya memperakukan isteri pertama. Peraturan ini juga terserap dalam undang-undang dan peraturan badminton kami." Mengikut beliau, sebagai satu cara melindungi hak isteri pertama, perlembagaan BAKTI telah dipinda pada tahun 1994 bagi memperuntukkan hanya isteri pertama dibenarkan menjadi ahli BAKTI.

Satu contoh insiden yang menunjukkan sikap tegas beliau dalam hal ini ialah seperti yang berlaku ke atas adiknya sendiri, Dato' Ahmad Razali, yang ketika itu menjadi Menteri Besar Selangor. Ketika itu ada usaha untuk menubuhkan Balkis, iaitu persatuan isteri-isteri ADUN Selangor, yang merupakan ilham Siti Hasmah dengan tujuan meningkatkan imej Selangor. Balkis ialah BAKTI di peringkat negeri. Tetapi masalah timbul ketika pemilihan Pengerusi Balkis, kerana Menteri Besar mempunyai dua orang isteri. Isteri yang pertama tidak suka diketengahkan hingga menolak jawatan Pengerusi Balkis. Oleh itu, jawatankuasa yang membantu dalam penubuhan Balkis terpaksa merujuk kepada isterinya yang kedua, tetapi hal ini tidak disetujui oleh Siti Hasmah yang sungguh marah dan tidak mahu menerima cadangan tersebut. Namun akhirnya oleh sebab tidak ada cara lain untuk meneruskan penubuhan Balkis yang telah sampai ke jalan buntu, beliau terpaksa mengalah.

Sikap Siti Hasmah dalam soal isteri pertama dan isteri yang lain-lain wujud bukanlah kerana beliau menafikan poligami, cuma beliau tidak mahu isteri dan keluarga pertama teraniaya seperti yang banyak berlaku dalam masyarakat Melayu. Petikan temu bual beliau dengan *The Star* berbunyi, "Bagaimanakah mereka (yakni laki-laki) dapat bertanggungjawab kepada keluarga pertama sekiranya keluarga-keluarga lain turut muncul?" Sebenarnya Siti Hasmah bersetuju dengan amalan poligami atas alasan-alasan tertentu, misalnya ketidakupayaan isteri pertama melahirkan anak apabila dibuktikan oleh pemeriksaan doktor.

Selain melindungi hak isteri pertama yang telah bertahun-tahun berkorban untuk suami, Siti Hasmah juga sangat prihatin terhadap anak-anak yang akan menjadi mangsa dalam sesuatu

pergolakan rumah tangga. Bagi beliau, keharmonian keluarga sangat pokok dalam hidup bermasyarakat. Keluarga sangat penting dan isteri harus memainkan peranan utama dalam mendidik anak-anak terutama semasa mereka kecil. Beliau berasa kesal kerana tidak dapat memberikan tumpuan yang lebih kepada anak-anaknya sendiri semasa mereka kecil. "Saya tidak berkesempatan melambai kepada mereka sewaktu mereka bertolak ke sekolah, dan tidak berkesempatan menunggu mereka tatkala pulang dari sekolah." Sekarang dua orang anak yang masih kecil amat bertuah kerana beliau sudah mempunyai masa sedikit.



Bercuti di luar negeri bersama suami tersayang.

Beliau telah menceritakan betapa cucunya, anak Melinda, sangat tertib dan berdisiplin, kerana ibunya seorang isteri sepenuh masa. Beliau juga menceritakan bagaimana anak sulungnya, Marina, telah menumpukan sepenuh masa di rumah selama dua tahun untuk membesarkan anaknya, Ineza, sebelum bergerak aktif dalam pertubuhan sukarela. Semasa itu suami Marina bertugas di Jepun. Kadangkala Marina sendiri merasakan satu keganjilan kerana ibunya merupakan wanita yang bekerja dalam tahun 50-an dan 60-an, manakala beliau (Marina) pula menjadi suri rumah sepenuh masa.



Berpegang tangan, berganding bahu.

Siti Hasmah mahu wanita pandai menyeimbangkan masa antara kerjaya dengan keluarga. Beliau berpendapat wanita sepatutnya bekerja tetapi hendaklah pandai mengimbangkan masa supaya suami dan anak-anak tidak diketepikan. Antara kata-kata beliau tentang perkara ini ialah, "Saya tetap merasakan bahawa wanita seharusnya bekerja sekiranya mereka berupaya mendapatkan pembantu rumah yang boleh diharapkan, dan pada masa yang sama, berupaya mengaturkan masa agar mereka mempunyai masa bersama anak-anak mereka." Siti Hasmah mencerminkan hasrat dan nilai yang dikongsi oleh ramai wanita Malaysia, iaitu wanita inginkan perkahwinan yang berjaya, hidup berkeluarga, dan juga kerjaya. Ini akan hanya boleh dicapai jika ada persefahaman, suami yang bertanggung jawab, bertimbang rasa dan peka dengan soal hubungan antara suami isteri.



Berdiri di barisan belakang (dari kiri ke kanan) — Mirzan, Tara, Mahathir, Wan Mohd. Adli, Mokhzani, Mukhriz

Di barisan depan (dari kiri ke kanan — Maizura, Ineza, Jane, Marina, Siti Hasmah, Meera Alyanna, Melinda, Mastisa, Norzieta, Anisha Edlene, Zehan Edreano



Ibu Penyayang

**Anak-anak hendaklah diberi kebebasan,
tetapi dipimpin supaya mereka dapat
belajar memikul tanggungjawab dan
bebas memilih antara yang baik dengan
yang buruk – Siti Hasmah, 1997**

SITI Hasmah mungkin telah mencatat pelbagai kejayaan dalam kerjayanya, iaitu sebagai seorang doktor perubatan, dan pernah diperkatakan dan dinilai oleh beberapa penulis sebagai *a lady of many firsts*. Tetapi sebagai ibu, yang paling sesuai untuk menilainya ialah anaknya sendiri. Ajaran Islam menekankan bahawa anak ialah amanah Allah; maka berdasarkan pencapaian anak-anak mereka, Siti Hasmah dan Mahathir telah melaksanakan amanah itu dengan baik. Anak diibaratkan kain putih, ibu bapalah yang men-corakkan warnanya.

Temu bual dengan anak-anak Siti Hasmah memberikan gambaran corak yang telah diwarnakan itu. Dari segi tutur bahasa, tingkah laku, dan perwatakan mereka, terserlah hasil didikan dan asuhan yang sempurna. Contohnya, Marina, walaupun anak sulung, penampilannya sangat bersahaja, baik dari segi pakaian mahupun percakapan, dan tidak pernah angkuh dengan hakikat bahawa beliau ialah anak Perdana Menteri. Begitu juga dengan adik-beradiknya yang lain. Dalam konteks ini, anugerah yang diberikan kepada Siti Hasmah sebagai *Loving Mother of the Year* oleh Projek Anak Penyayang (NST 29 Ogos 1991) amat tepat berdasarkan sifat dan teladannya sebagai seorang ibu yang sangat penyayang.



Meraikan hari jadi Marina.



Meraikan hari jadi Mokhzani.



Meraikan hari jadi Mukhriz.

Memang kebanyakan wanita merupakan ibu yang penyayang, namun bagi Siti Hasmah, kasih sayang yang tidak bertepi tetapi dilingkari pelbagai protokol tetap tidak menjejaskan hubungan mereka anak-beranak. Anak-anaknya pula menyayangi beliau sebagai ibu, mengagumi beliau sebagai wanita yang berjaya dan boleh mengharapkan beliau sebagai penyokong pada kala mereka memerlukannya. Siti Hasmah juga boleh menjadi rakan kawan berbincang bagi anak-anaknya, tidak kira anak lelaki atau perempuan; ini menunjukkan tidak wujudnya jurang generasi antara mereka. Beliau memupuk kasih sayang dengan penuh kemesraan. Beliau jarang meleterikan anak-anaknya. Anak-anaknya menceritakan, "Dia tidak payah menyuarakannya, kami akan tahu bila dia tidak menyukai sesuatu." Mengikut Mokhzani, antara perkara yang sangat tidak disukai ibunya ialah berbohong, manakala Siti Hasmah sendiri mengatakan satu lagi perkara yang tidak disenangi ialah orang yang mengada-ngada. Lantaran itu, anak-anaknya tidak berkelakuan menjolok mata.



Siti Hasmah dan Mahathir bersama Marina dan Mirzan.

Menurut menantu-menantunya, Siti Hasmah tidak cerewet; mereka bebas menguruskan rumah tangga masing-masing, tanpa campur tangan ibu mertua. Mengikut isteri Mukhriz, Norzieta, pada awalnya memanglah beliau berasa agak gementar bertemu dengan bakal ibu mertuanya, tetapi setelah mengenalinya lebih rapat, beliau mendapati Siti Hasmah sama seperti ibunya sendiri; ramah, penyayang dan tidak banyak karenah. Kadangkala apabila mereka sekeluarga berkumpul dengan anak-cucu untuk makan bersama, Siti Hasmah lebih suka diam sahaja sambil memerhati dan menghayati suasana, kerana kehadiran mereka merupakan saat-saat yang cukup mengembirakannya.



Di tengah-tengah kesibukan tugas, Siti Hasmah dan Mahathir sempat makan bersama anak-anak.

Ibu kepada tujuh orang anak ini boleh dianggap sebagai ibu contoh oleh semua ibu yang mempunyai kerjaya. Beliau bijak membahagikan masa sehingga semua anaknya yang ditemu bual mengatakan mereka tidak pernah terasa diabaikan. Sejak kecil lagi mereka sedar dan menerima hakikat bahawa ibu mereka sibuk, namun mereka berasa bangga dengan pencapaian dan sumbangan yang telah dicurahkan. Berkat asuhan yang baik, Siti Hasmah, sebagai ibu, telah membesarkan anak-anak yang tidak menyalahgunakan kebebasan. Marina, dalam salah satu ruangan dalam akhbar *The Star*, menceritakan beliau pernah menjadi seorang *punk* dengan pakaian gaya *punk* semasa belajar di London. Namun, beliau tidak pernah melampaui garisan walaupun ketika itu, iaitu pada tahun 60-an dan 70-an, para belia di Barat sudah rancak dengan budaya liar. Ini menunjukkan, walaupun pelbagai godaan ada di sekeliling, hanya asuhan yang betul dan bukan kongkongan yang ketat dari kecil yang boleh menjadi pelindung, terutama apabila berjauhan dari ibu bapa. Sebenarnya keluarga mereka boleh dijadikan keluarga contoh kerana dalam kesibukan, pasangan Siti Hasmah dan Mahathir ini masih berjaya melentur anak-anak yang berdisiplin dalam acuan demokrasi, liberal tetapi terkawal, moden tetapi menghayati peradaban tradisional, lemah lembut tetapi tegas.

Rahsia kejayaan Siti Hasmah sebagai isteri, ibu, dan tokoh profesional yang boleh dibanggakan ialah kebijaksanaan beliau menimbang dan mengimbang antara kasih sayang dengan disiplin, kerjaya dengan rumah tangga. Anak kandung bongsunya, Mukhriz, mengelaskan bahawa walaupun beliau menganggap dirinya anak manja ibunya, tetapi mereka semua tahu ada garisan larangan dan peraturan yang tidak boleh dicerobohi atau dilanggari. Contohnya ialah yang bersabit hal sekolah. Siti Hasmah bukan sahaja memantau dengan teliti perkembangan persekolahan anak-anaknya tetapi juga gerak laku mereka. Walaupun sibuk bekerja, di sebelah petang atau malam Siti Hasmah tetap meluangkan masa bagi memastikan segala kerja sekolah anak-anaknya disiapkan. Beliau juga menjinak-jinakkan anak-anaknya dengan sifat suka membaca, hingga amalan membaca telah sebatih dalam keluarga mereka. Sepanjang ingatan mereka, ibu bapa mereka memang suka dan rajin membaca dan menjadi contoh kepada mereka yang masih kecil. Mungkin juga pada zaman itu daya tarikan televisyen dan bentuk hiburan lain tidak begitu ketara; namun kesannya, anak-anak mereka terikut-ikut dengan sifat suka membaca. Semasa anak-anaknya kecil, Siti Hasmah selalu membacakan buku kepada mereka sebelum tidur dan keesokannya pula membincangkan cerita yang dibacakan.

Amalan ini telah mencambahkan sikap ingin tahu, merangsangkan berfikir cara kritis selain memupuk sikap cinta kepada ilmu pengetahuan. Bagaimanapun, selain membaca, Mokhzani mengakui beliau lebih cenderung dengan kegiatan luar seperti memancing, berenang, dan juga bermain di sawah padi.

Satu lagi kegemaran keluarga ini ialah bermain alat muzik hingga setiap seorang ahlinya boleh bermain paling kurang satu alat muzik. Menurut anak-anak perdana ini, suasana muzik



Siti Hasmah bersama anak-anak bercuti ke luar negara.

mbolehkan mereka merapatkan hubungan antara ahli keluarga dan mewujudkan *bonding* dalam iklim yang ceria. Muzik yang tidak mengenal batasan itu merapatkan jurang antara ibu bapa dengan anak-anak dalam keluarga ini.

Daripada gambaran yang terlukis, dapat dirasakan betapa intimnya hubungan antara mereka. Kelembutan muzik menjadi santapan seni, ilmu menjadi penjana minda yang cergas disulami dengan senda gurauan penyeri hidup berkeluarga. Selain muzik, mereka juga digalakkan bersukan seperti bermain badminton. Ini menjadikan anak-anak Siti Hasmah serba boleh dan seimbang dari segi penglibatan dan perwatakan mereka. Hasilnya mereka nampak begitu sederhana dan bersahaja dalam segala gerak laku dan tertib pekerti.

Namun satu istilah yang tercetus daripada semua anak-anaknya ialah disiplin. Mereka juga dididik dengan disiplin seperti yang telah dilalui oleh ibu bapa mereka dahulu, hingga mereka tidak menjadi anak manja. Disiplin berbelanja juga sangat ditekankan hingga mereka tidak merasakan keluarga mereka mewah. Mukhriz pernah dimarahi bapanya kerana menempah dua pasang sut dari kedai tukang jahit bapanya. Mahathir memarahi anak bongsunya itu dengan



Siti Hasmah,
Marina, dan
Melinda.

menggunakan klise, 'Wang tidak tumbuh di atas pokok'. Seterusnya beliau memberikan kuliah panjang tentang perbelanjaan dan tanggungjawab, sambil berpesan, "Kalau mahu hidup senang, kenalah berusaha gigih dan jangan sekali-kali berbelanja secara berlebihan." Mukhriz, yang ketika itu berumur 12 tahun, terpinga-pinga untuk cuba memahami selok-belok mikroekonomi. Semasa peristiwa ini berlaku, Mukhriz menceritakan bagaimana kakaknya, Marina, telah cuba membela beliau dan menyuarakan bantahan kepada bapanya atas alasan anak kecil yang buat kali pertama menempah sut tidak akan tahu konsep mahal. Tetapi Mahathir tetap dengan pendiriannya dan dua pasang sut yang bernilai RM2000 terpaksa dipulangkan. Begitulah cara keluarga ini melatih anak-anak supaya bertanggungjawab. Peristiwa ini juga mencerminkan bagaimana kuatnya *bonding* antara adik-beradik. Marina membela adiknya yang dianggap patut diberi peluang dan dimaafkan apabila membuat kesilapan. Sifat ingin membela golongan yang lemah dan terpinggir terus menjadi tenaga penggerak bagi Marina yang aktif dalam organisasi bukan kerajaan yang diceburinya, seperti membela nasib mangsa AIDS.

Selain itu, amalan gaya hidup sederhana yang menjadi teras keluarga mereka dapat dilihat, misalnya, melalui penjelasan Marina, "Kami dibesarkan dengan tekanan supaya tidak menunjukkan. Kami tidak pernah dimaklumkan bahawa kami keluarga mewah. Bagi saya yang penting ialah kami membesar dengan penuh kesedaran bahawa kami tidak dengan senang boleh mendapat apa-apa benda yang kami mahu. *We had to earn them all.*"

Dengan meneliti anak-anak menantu mereka, dapat dilihat, wujudnya kesinambungan nilai-nilai teras yang dipupuk sejak kecil. Hubungan mereka adik-beradik sangat rapat, begitu juga antara suami isteri. Dua daripada anak lelaki yang ditemu bual bersama isteri mereka menunjukkan kemesraan dengan isteri sebagai seorang rakan. Isteri Mirzan sangat bersahaja membuat kerjanya di pejabat suaminya tanpa mengganggu tugas suami. Pandangan Mirzan terhadap isterinya, "*Jane is the best thing that happened to me.*" membawa seribu maksud dan merupakan suatu penghormatan seorang suami terhadap isteri tersayang dan teman setia seperjuangan. Cara pergaulan anak-anak mereka dengan isteri masing-masing mencerminkan keintiman hubungan ibu bapa mereka sendiri. Kesemua anak-anak pasangan ini mengakui bahawa hubungan antara ibu dan bapa mereka sangat rapat dan banyak mempengaruhi kehidupan rumah tangga mereka sendiri.

Siti Hasmah yakin anak-anak hendaklah diberikan kebebasan, tetapi dipimpin, supaya mereka dapat belajar memikul tanggungjawab dan bebas memilih antara yang baik dengan yang buruk. Mahathir pula selalu menegaskan bahawa, "Kebebasan dan tanggungjawab harus dipikul bersama, bukan kebebasan sewenang-wenangnya." Anak sulung mereka, Marina, juga berpendapat demikian. Beliau menceritakan bagaimana sejak kecil mereka adik-beradik telah dilatih oleh ibu bapa, yang ketika itu amat sibuk dengan kerjaya, supaya berdikari sambil memikul tanggungjawab. Walaupun tidak selalu dapat bersama, tetapi keluarga ini mementingkan interaksi yang berkualiti, seperti bermain alat muzik, bercerita, dan bertukar pandangan. Mereka digalakkan bersuara, mengeluarkan pendapat secara logikal, tetapi tidak dibenarkan melawan atau bersikap biadab. Maksudnya, kebebasan yang diberikan adalah dalam acuan nilai timur, iaitu anak tidak melawan ibu bapa atau meninggikan suara apabila berhadapan dengan mereka. Dalam keadaan dunia moden yang serba menggugat, apatah lagi jika ibu bapa sibuk dengan kerjaya masing-masing, tidak mungkin ibu bapa dapat menyenarai lengkap segala peraturan hidup untuk anak-anak. Bagi Siti Hasmah dan Mahathir, yang penting ialah nilai-nilai teras itu diterapkan secara halus dan dengan penuh kasih sayang. Pemangkinan nilai-nilai teras yang telah ditanam sejak kecil itu telah memandu anak-anak mereka dalam mengharung dunia mereka. Anak-anak mereka kemudiannya dilepaskan dengan penuh kepercayaan sambil diiringi doa semoga mereka berupaya membuat keputusan yang baik. Strategi begini sangat sesuai, terutama bagi ibu yang sibuk dengan kerjayanya. Marina sangat setuju dengan kaedah ini dan mengatakan, "Sebenarnya ia menjadikan kami semua berdikari, dan ini amat baik."

Namun bagi Siti Hasmah pula, beliau berasa bersalah kerana tidak dapat menghabiskan masa yang lebih banyak dengan anak-anaknya, misalnya semasa mereka belajar dan semasa menghadapi peperiksaan di luar negeri. Perasaan demikian sering dirasai oleh ibu-ibu yang berkerjaya. Ini menunjukkan sifat-sifat tradisional yang menyelipiti sanubari Siti Hasmah. Jika boleh, beliau mahu sentiasa bersama-sama anak-anaknya, melayan mereka dengan penuh kemesraan. Kata Marina, "Emak saya berpendapat dia seorang yang tradisional." Misalnya, Siti Hasmah menyatakan beliau sering mendengar berita bagaimana ada ibu-ibu yang pergi tinggal bersama anak mereka di luar negeri ketika menghadapi peperiksaan. Kalau diikutkan hati, Siti Hasmah ingin melakukan hal yang sama dengan anak-anaknya. Menurut beliau, "Banyak ibu bapa yang

mempunyai anak belajar di luar negeri akan bergegas ke sana untuk bersama-sama dengannya pada waktu peperiksaan, untuk memasak dan menjaga rumah supaya anak-anak boleh menumpukan sepenuh perhatian dan masa kepada peperiksaan mereka. Tetapi oleh sebab tanggungjawab kerja saya, anak-anak saya terpaksa menjaga diri sendiri." Keluhan beliau ini disambut oleh Marina dengan senyuman kerana baginya hal ini hanya satu fantasi ibunya. Mengikut Marina, ibunya tidak biasa memasak dan mencuci, jadi tidak ada apa yang boleh dibuatnya sekiranya dia turut bersama-sama mereka di luar negeri. Mungkin kerana kesibukan tugas, Siti Hasmah jarang berpeluang membuat kerja rumah yang ingin dilaku-



Tahniah Inoku sayang!

kan, seperti memasak untuk keluarga. Beliau berasa kesal kerana tidak dapat memberikan tumpuan yang lebih kepada anak-anaknya semasa mereka kecil. Cetusan keluhan ini membayangkan bagaimana beliau masih ingin memainkan peranan sebagai ibu tradisional yang sentiasa berada di sisi anak-anaknya, menyediakan keperluan mereka dan oleh sebab keadaan tidak mengizinkan, beliau berasa bersalah.

Boleh dirumuskan bahawa bidang sosialisasi anak-anak ialah portfolio Siti Hasmah. Mungkin inilah agaknya yang dimaksudkan oleh Mirzan bahawa hal harian mereka ialah bidang ibunya, bukan bapa. Kes-kes yang berat pula diuruskan oleh bapa. Jelas wujud kerjasama yang timbal-menimbal antara Siti Hasmah dengan Mahathir, dengan Siti Hasmah bertindak selaku tukang disiplin dalam urusan harian, manakala Mahathir diterima sebagai ketua disiplin. Kalau anak perlu dirotan, maka Mahathir yang akan melakukannya. Semua anak lelaki mereka mengakui pernah kena rotan oleh bapa semasa mereka kecil kerana melanggar perintah tetap. Mengikut mereka, Mokhzani yang paling nakal dan paling banyak kena rotan. Anak lelaki kedua ini akur dengan rumusan itu. Mungkin kecenderungannya terhadap kegiatan luar, seperti memancing dan mengharung sawah padi, menjadi punca mengapa beliau selalu melanggar disiplin. Sebagai ibu, Siti Hasmah cuba mengatasinya dengan menyalurkan kecenderungan Mokhzani untuk kegiatan luar dengan membawa beliau bermain badminton atau membantu dalam urusan tugas beliau di luar bandar. Cara ini membolehkan Siti Hasmah mengawal kegiatan anaknya secara positif tanpa mengkritik.

Dalam kaedah mendidik anak-anak semasa zaman 60-an dan 70-an itu, memang ada ibu bapa yang percaya dengan pepatah Melayu, 'Sayangkan anak tangan-tangankan'. Bagaimanapun, bidang kuasa ibu dan ayah benar-benar difahami oleh semua anak-anak mereka. Sewaktu mengimbas masa kecilnya, Marina, anak sulung dan buah hati mereka, berasa ibunya terlalu tegas. Mengikut Marina, ketika dia masih bersekolah ibunya tidak begitu popular (dengannya) kerana "Ada sahaja yang tak kena". Seorang ibu selalu mendapat tanggapan demikian daripada anak remaja kerana sering berhadapan dengan karenah anak setiap hari. Tetapi bagi Mukhriz pula, beliau tidak berasa demikian, bahkan mengakui sangat rapat dan boleh berbincang apa sahaja dengan ibunya. Reaksi kontra begini mungkin disebabkan Marina sebagai anak gadis, memerlukan lebih kawalan, memandangkan tatususila tahun 60-an dahulu yang tidak membenarkan anak gadis sebebaskan kini. Tambahan pula, mereka tinggal di Alor Star, sebuah pekan kecil ketika itu dan berdekatan pula dengan keluarga Mahathir. Sebagai ibu, tentulah Siti Hasmah risau sebab bagi segala kesilapan anak, terutama anak gadis, si ibulah yang kerap dipersalahkan oleh keluarga dan masyarakat. Kadangkala, anak-anak berasa lebih rapat dengan bapa kerana bapa tidak setiap hari mengarah dan menegur perlakuan mereka.



Bersama dengan Melinda.

Mukhriz pula, sebagai anak bongsu, sering berada bersama ibu dan dengan itu bersifat agak lebih manja. Beliau masih kecil ketika Mahathir menjawat jawatan tinggi dalam kerajaan. Ketika kakak dan abangnya Mirzan melanjutkan pelajaran di luar negeri, beliau masih mengekori ibunya ke sana sini. Sebagai anak lelaki pula, mungkin juga beliau diberikan banyak kelonggaran berbanding dengan Marina.

Namun begitu, dalam hal persekolahan dan pelajaran, unsur pilih kasih ini tidak diamalkan oleh Siti Hasmah. Semua anaknya mengakui bahawa dalam hal ini, ibu mereka mendisiplinkan mereka dengan begitu ketat, tanpa membezakan sama ada anak lelaki atau perempuan. Pada waktu itu, mungkin mereka berasa kurang senang dan takut dengan disiplin ibu mereka, tetapi ganjaran yang dicapai hasil daripada disiplin itu telah membuahkan hasil.

Beliau memberikan anak-anaknya kebebasan tetapi dalam keadaan yang terkawal. Satu contoh kebebasan yang diberikan ialah dalam soal memilih bidang pengkhususan pekerjaan. Bagi kebanyakan keluarga, kalau kedua-dua ibu bapa menceburi bidang perubatan, pasti sekurang-kurangnya seorang daripada anak mereka akan mengikut jejak orang tuanya. Tetapi bagi Siti Hasmah, anak-anaknya diberi peluang membuat pilihan masing-masing. Mereka ditanya, "Kenapakah tiada seorang pun daripada mereka memilih bidang perubatan? Tidakkah ada desakan daripada ibu bapa?" Sambil tersenyum Mukhriz menjawab, "Sayalah harapan mereka. Tetapi saya anak manja. Saya tidak begitu cemerlang dalam pelajaran di sekolah." Mengikuti beliau, ibu bapanya amat risau mengenai pelajarannya kerana ketika beliau sedang mengharungi alam persekolahan, kedua-dua ibu bapanya pula terlalu sibuk. Mokhzani pula, dengan terus terang, mengatakan bahawa beliau tidak berkelayakan menceburi bidang perubatan. Namun begitu, walaupun beliau tidak mempunyai ijazah perubatan, beliau kini memiliki Hospital Pantai. Ketika mengulas perkara ini dengan panjang, Mukhriz mengatakan walaupun profesion bapanya ialah perubatan, tetapi beliau juga seorang usahawan sejak muda lagi. Mahathir memang berminat dalam perniagaan sejak zaman mudanya, bermula dengan membuka gerai pisang goreng panas di Pekan Rabu, Alor Star. Urutan daripada logik ini memberikan legitimasi kepada semua anak lelaki keluarga perdana untuk berkecimpung dalam dunia perniagaan. Hanya Marina yang lebih menonjol dalam kegiatan NGO berbanding dengan perniagaannya.

Dalam kesibukannya, Siti Hasmah berasa begitu bimbang memikirkan nasib anak-anaknya kerana pada hematnya sendiri, beliau tidak dapat mengawal sepenuhnya kegiatan mereka. Hidup sebagai anak perdana bukanlah mudah kerana harapan orang awam terlalu tinggi. Namun begitu, Siti Hasmah tidak menggunakan pendekatan memarahi anaknya atau memberi kuliah panjang, tetapi sebaliknya memberi dorongan dan rangsangan kepada mereka supaya berjaya dalam

pelajaran, seperti yang telah dibuktikan oleh ayah dan emaknya. Dengan asuhan kasih sayang yang tegas, dua orang anak lelakinya yang sebelum itu tidak begitu cemerlang, akhirnya telah berjaya dalam pengkhususan masing-masing. Mokhzani, yang tidak dapat menamatkan kursus kejuruteraannya di England, telah didorong untuk memulakan pelajaran di Amerika Syarikat pula dengan syarat mesti mencuba hingga berjaya. Mukhriz pula diyakinkan untuk mengikuti sistem pendidikan Jepun yang lebih mencabar. Pada peringkat awal pendidikan mereka, kedua-dua adik-beradik ini telah berjaya diterima masuk meneruskan pengajian ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Pengkalan Chepa, Kelantan. Ketika di MRSM, Mokhzani menjadi penabung adiknya, Mukhriz, yang kini terpaksa meninggalkan sifat kemanjaannya berkepit dengan ibu, untuk mengharungi suasana persekolahan secara bersendirian. Namun, sistem pendidikan MRSM, yang ketika itu menekankan pendidikan membina manusia serba boleh, telah berjaya melentur kedua-dua adik-beradik ini ke arah kejayaan dalam kehidupan mereka.

Sebenarnya proses pemupukan minat anak-anak dalam bidang perniagaan telah bermula sejak kecil, melalui lawatan-lawatan yang dilakukan ke kilang-kilang pembuatan kecil dan sederhana. Pendekatan melalui lawatan sambil belajar yang digunakan oleh Siti Hasmah dan Mahathir untuk menjinakkan mereka dengan menanamkan nilai-nilai tertentu tanpa berceloteh setiap hari terbukti



Sedang berbual dengan Mokhzani.

sangat berkesan. Pendekatan ini digunakan untuk mencuba memperkenalkan kepada mereka sesuatu perkara dengan cara yang menarik. Dengan itu, minat mereka akan terpupuk lalu tercetus rasa ingin tahu yang sememangnya wujud di kalangan anak-anak.

Mengikut Mukhriz, walaupun mereka terlibat secara aktif dalam perniagaan, nilai asuhan ibu masih kuat dan tetap kukuh sebagai pengimbang dunia perniagaan. Menurut beliau lagi, "Pengaruh ibu saya membantu saya menempatkan cita-cita saya dalam perspektif yang sebenarnya. Saya tidak harus melibatkan diri dalam perniagaan semata-mata kerana wang." Sebagai bukti, kita dapat melihat bagaimana setiap anak memilih kecenderungan kokurikulum masing-masing, iaitu Mirzan terlibat aktif selaku Presiden Asian Youth Orchestra, Mokhzani pula ialah Presiden Asian Squash Federation, sukan yang sangat digemari beliau, dan Mukhriz ialah Presiden ANSARA, yang memperlihatkan pengaruh pendidikan di MRSM. Kesemua yakin bahawa seseorang itu mestilah menyumbang balik kepada masyarakat dan ini boleh dilakukan melalui bidang pilihan masing-masing.

Siti Hasmah dan Mahathir juga mendidik anak-anak mereka melalui kaedah teladan. Melihat bagaimana keluarga perdana ini diasuh, tidak dapat dinafikan wujud kemungkinan pelbagai dasar yang telah diutarakan oleh Mahathir untuk negara sebenarnya ialah prinsip pokok yang diamalkan dalam keluarganya. Maka, apabila beliau menyarankan cogan kata **Kepimpinan Melalui Teladan** untuk negara, beliau sebenarnya telah berjaya mengamalkan prinsip tersebut dalam keluarganya. Mahathir dan Siti Hasmah sebenarnya berpegang pada prinsip '**mengotakan kata**'. Beberapa contoh diperturunkan bersabit kepimpinan melalui teladan yang dimaksudkan ini.

Dalam ucapannya, Mahathir selalu menekankan disiplin, kerja kuat dan percaya pada diri sebagai syarat untuk negara mencapai kejayaan, malah jika ini diamalkan semua cita-cita boleh dicapai. Maka anak-anaknya telah terlebih dahulu diterapkan dengan nilai kuat berusaha. Semua anaknya mengaku mereka dikehendaki bekerja keras dalam pelajaran dan apa juga bidang kerjaya yang dipilih, jika mahu berjaya dalam hidup. Walaupun ibu bapa mereka daripada kalangan orang yang berjaya, itu bukanlah jaminan masa depan. Mokhzani dan Mukhriz dihantar ke MRSM untuk mendapat latihan akademik dan bina insan yang sangat ditekankan oleh MRSM pada ketika itu.

Menurut Mukhriz, semasa di MRSM beliau dapat merasakan proses pembentukan dirinya untuk menjadi seorang yang serba boleh, matang berfikir dan lebih bersedia menghadapi segala cabaran. Siti Hasmah dan Mahathir tidak terus menghantar semua anak mereka belajar ke luar negeri



Mukhriz dan isterinya, Norzieta.

walaupun mereka tentu sekali mampu berbuat demikian. Mereka sebaliknya yakin sistem pendidikan negara boleh memberikan mutu pendidikan dan penjaanaan insan yang kamil bagi anak-anak mereka. Bahkan selepas diasuh oleh MRSM, Mukhriz berasa tabah dan sedia dijadikan bahan ujian untuk dihantar ke Jepun pada 1982, iaitu setahun selepas Mahathir mengiystiharkan dasar **Pandang ke Timur**. Anak remaja yang baru berusia 17 tahun ini kemudiannya didorong bekerja dengan Bank of Tokyo di Kuala Lumpur. Bahkan semasa di Jepun, Mukhriz terpaksa belajar pada siang hari dan bekerja pada waktu malam. Mengikut sistem organisasi Jepun, seseorang ketua itu harus belajar dari bawah dan ini dialami oleh Mukhriz tanpa rasa kesal. Nyatalah latihan MRSM yang diterimanya begitu berkesan, lantaran diberi kepercayaan menjadi Presiden ANSARA, iaitu Gabungan Persatuan Pelajar-pelajar Lepasan MRSM se-Malaysia. Pilihan ibu bapanya menghantar dua orang anak lelaki ke MRSM juga menunjukkan kepercayaan Siti Hasmah dan Mahathir kepada sistem pendidikan negara, dan ini menepati contoh dasar **Kepimpinan Melalui Teladan** yang dilaungkan oleh Mahathir.

Satu lagi amalan baik yang diajar melalui teladan ialah kesetiaan dalam pergaulan, terutamanya dengan ahli keluarga mahupun sahabat. Hubungan erat dan saling menghormati antara Siti

Hasmah dengan Mahathir dicontohi oleh anak-anak yang telah berkahwin. Semua anak mereka mengagumi keeratan hubungan ibu bapa mereka dan ingin mencontohinya. Marina merumuskan: "Hubungan antara mereka memang sangat rapat dan sesungguhnya mereka saling mengasihi. Dan ini telah menurun kepada kami. Mereka berdua ialah contoh perkahwinan yang sempurna, satu perkongsian yang bererti."

Kesetiaan dalam hubungan keluarga juga diperlihatkan dengan Siti Hasmah sendiri memberikan sokongan padu dan taat setia yang tiada tolok bandingnya kepada suami. Bagi Siti Hasmah, kesetiaan beliau tiada sempadan. Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, Siti Hasmah mempunyai iman yang kukuh dalam menghadapi cabaran, bahkan dapat mencari hikmah dalam sebarang pancaroba hidup dengan Mahathir. Ketika isu kesetiaan dalam perkahwinan diajukan kepada Mukhriz; dengan nada serius sambil ketawa, beliau menegaskan, "Kalau nak mati, cubalah main kayu tiga. Apa lagi kahwin lagi satu." Di sini Mukhriz telah meluahkan pendirian ibunya tentang soal poligami, seperti yang telah dihuraikan terdahulu.


Bagi Mukhriz pula, isterinya, Norzieta, mengambil keputusan berhenti bekerja dan menjadi suri rumah sepenuh masa untuk bersama-sama dengan anak yang masih kecil. Beliau berasa senang sekali tinggal di rumah melayan anak tunggalnya. Memandangkan Mukhriz terlalu sibuk, mereka tidak mahu anak mereka membesar dengan pengasuh sahaja. Mungkin semasa mereka kecil dahulu, keadaannya agak berbeza, di mana semasa tahun 50-an dan 60-an, Alor Star merupakan pekan kecil dan tidak ada kesibukan lalu lintas seperti Kuala Lumpur sekarang. Pada masa itu, walaupun Siti Hasmah sibuk bertugas, beliau boleh sampai ke rumah dengan cepat untuk bersama anak-anak pada petang hari. Maka itulah anak-anak Siti Hasmah tidak berasa terabai semasa mereka kecil.

Dalam pemilihan pasangan hidup, anak-anak lelaki mereka jelas terpengaruh dengan perwatakan ibu mereka. Salah satu tanda penghargaan anak lelaki terhadap ibu mereka ialah dalam pemilihan isteri. Mokhzani dan Mukhriz mengakui mungkin juga mereka dapat melihat ciri-ciri perwatakan ibu mereka dalam pilihan masing-masing, seperti penyabar, lemah lembut serta selalu senyum.

Menurut anak-anaknya, mereka banyak dipengaruhi oleh bapa dari segi cara berfikir, iaitu dengan cara logikal dan rasional. Marina pernah berkata, "Daripada bapa saya, saya telah mewarisi sifat perlu logikal, ingin melakukan sesuatu dan tidak senang mengaku kalah walaupun sesuatu itu dikatakan sukar, terutama apabila tidak ada alasan yang munasabah." Daripada kata-kata ini, terserlah bibit-bibit cogan kata **Malaysia Boleh**, iaitu yang menekankan seorang itu boleh mencapai apa juga cita-cita jika berusaha gigih. Sebagai contoh, Mukhriz yang merungut tidak begitu pandai di sekolah sehingga merisaukan ibu bapanya, diasuh dan diberikan galakan dalam sistem pendidikan Jepun yang begitu mencabar sehingga beroleh kejayaan. Mokhzani pula, yang gagal di peringkat awal universiti di England, juga bangun semula dan berusaha hingga berjaya dalam sistem pendidikan Amerika Syarikat. Riwayat persekolahan mereka ini seolah-olah mengulangi kisah Siti Hasmah, yang mencuba lagi setelah gagal sekali. Jika beliau mendapat tuisyen daripada Mahathir dan sokongan moral keluarga, begitu jugalah dengan Mokhzani dan Mukhriz. Yang jelas ialah belaian kasih dan sokongan keluarga merupakan faktor yang sangat penting dalam mencapai kejayaan.

Walaupun bapa mereka diakui banyak mempengaruhi cara mereka berfikir, ibu pula diberikan kredit membina asas-asas nilai keluarga yang kukuh yang menjadi landasan untuk memangkinkan segala nilai lain dalam hidup mereka. Ibu juga dikatakan mempengaruhi mereka dari segi etika hubungan *interpersonal*. Ekoran didikan yang sedemikian, mereka menjadi orang yang berdisiplin, sopan dalam tutur kata, tidak membanggakan diri dan tidak suka menunjuk-nunjuk. Contohnya, Marina yang kini mempunyai *high profile* dengan kerja amal AIDS di dalam mahupun di luar negara, tetap dengan perilakunya yang sederhana, sama ada dari segi cara berpakaian atau tutur kata, meskipun kadangkala kata-katanya boleh memerahkan cuping telinga sesetengah orang yang mendengarnya.

Bagi Siti Hasmah, keluarga adalah segala-galanya. Sepanjang kerjaya pasangan Siti Hasmah dan Mahathir ini, ada dua insiden yang agak kritikal yang boleh dijadikan contoh bagi menggambarkan pendirian Siti Hasmah tentang prinsip 'Keluarga mengatasi perkiraan lain'. Salah satunya ialah ketika Mahathir sedang dicabar oleh Tengku Razaleigh dalam pemilihan jawatan Presiden UMNO 1987 dan Marina pula sedang menunggu saat kelahiran anak sulungnya di Jepun. Situasi



Mirzon


ini meletakkan Siti Hasmah dalam keadaan yang serba salah, sama ada mahu bersama Mahathir berkempen atau bersama anaknya, Marina. Sebagai seorang ibu dan doktor yang berpengalaman, beliau sedia maklum implikasi proses bersalin anak sulung. Memandangkan Marina memang mahukan ibunya (selain suami) berada bersamanya ketika bersalin, Siti Hasmah memilih untuk bersama-sama Marina mungkin kerana berpendapat kehilangan jawatan Presiden UMNO suaminya tidaklah seberat berbanding kehilangan anak atau cucu yang bakal lahir. Inilah yang dimaksudkan Marina bahawa walau bagaimana sibuk sekalipun, ibunya akan berada dengan mereka apabila keadaan memerlukan. Mengikuti Mahathir, pemergian Siti Hasmah ke Jepun merupakan keputusan bersama mereka berdua walaupun keadaan politik beliau tegang.

Bagaimanapun, keputusan beliau ini telah menyemarakkan api fitnah politik yang mengatakan bahawa beliau sebenarnya tidak bersetuju dengan keputusan Mahathir untuk bertanding. Namun Siti Hasmah tetap dengan pendiriannya untuk bersama-sama anaknya, Marina, walaupun

hatinya resah memikirkan keadaan suaminya yang berseorangan menghadapi pertarungan yang paling hebat dalam sejarah politiknya. Oleh itu, sebaik sahaja Marina selamat melahirkan Ineza, wanita ketiga dalam susur galur keluarga perdana ini, Siti Hasmah terus bergegas pulang ke tanah air dan menyusuri jejak kempen Mahathir. Menurut beliau, sebaik sahaja Marina selamat bersalin, beliau telah menelefon Mahathir yang ketika itu sedang berkempen di Kuching. Dalam suasana yang agak hingar-bingar itu, sambil berjabat tangan dengan para penyokongnya, Mahathir menyambut berita gembira bahawa beliau telah menjadi 'datuk', melalui telefon bimbitnya. Menurut Siti Hasmah, setibanya beliau di tanah air, beliau terus bersama dengan Mahathir berkempen. Di Hotel Hilton, ketika hendak berucap, Mahathir menarik tangan Siti Hasmah naik ke atas pentas dan menghebahkan cerita sebenar kenapa isterinya tidak dapat bersama beliau buat beberapa minggu. Insiden ini memberikan gambaran betapa kasihnya Siti Hasmah terhadap keluarganya.

Satu lagi insiden keluarga ialah ketika Marina membuat keputusan menuntut cerai daripada suami pertamanya. Marina mahu menuntut cerai sementara suaminya enggan berbuat demikian. Dalam hal ini, Siti Hasmah dan Mahathir berada di pihak yang berlainan, menyebabkan wujudnya dua puak dalam keluarga yang bertentangan pendapat: Marina dan ibunya di satu pihak, manakala Mahathir berada di pihak yang lagi satu. Mengikut Siti Hasmah, beliau juga mahu menyelamatkan perkahwinan Marina, tetapi Marina mengatakan bahawa beliau telah sampai ke jalan buntu. Sebagai seorang yang sangat berpegang teguh kepada keharmonian kekeluargaan, beliau berasa begitu tersepit, apatah lagi Mahathir pula di sebelah pihak yang berbeza. Itulah kali pertama mereka benar-benar bertentangan pendapat. Namun sebagai ibu, Siti Hasmah dapat membaca situasi yang dihadapi dengan jelas dan keputusan dibuat bukan kerana beliau kurang sayangkan menantu atau mahu perkahwinan anaknya berpecah-belah, tetapi sebagai ibu, beliau perlu di sisi anak sebagai penyokong setia. Insiden ini juga membuktikan bahawa di sebalik raut wajah yang sering tersenyum serta suara yang lembut itu, ada lapisan besi baja yang cekat dan tidak mudah berganjak setelah dia yakin itulah keputusan yang terbaik.

Walaupun kesibukan tugas sebagai seorang doktor dan sebagai isteri Perdana Menteri menyebabkan Siti Hasmah tidak berasa puas membelai anak-anaknya, namun beliau telah



Siti Hasmah sentiasa meluangkan masa untuk bersama dengan anak-anaknya, Maizura dan Mazhar.

dapat membina keluarga yang bahagia, damai dan berjaya dalam bidang pelajaran mahupun kerjaya. Memerhatikan gelagat anak-anaknya, cara perlakuan, pertuturan dan sopan santun mereka ketika berbual, terserlah kesan latihan dan didikan yang telah dicurahkan oleh ibu mereka.





Pendorong Usaha Kebajikan Dan Pergerakan Wanita

**"As the wife of the Prime Minister,
she is able to combine her considerable social conscience with the
clout to get things done" - Marina Mahathir, 1992**

*S*EBAGAI Wanita Pertama, Dato' Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah binti Hj. Mohd. Ali dijangka mengambil perhatian berat terhadap kemajuan wanita dan gerakan pertubuhan sukarela yang berkaitan dengan usaha meningkatkan kedudukan dan hal ehwal wanita. Hal ini sesungguhnya benar bagi Siti Hasmah. Tinjauan sepintas lalu akan menunjukkan bukan sahaja beliau amat prihatin terhadap hal ehwal wanita, tetapi secara peribadi beliau telah melibatkan diri dengan beberapa kegiatan yang secara langsung menyentuh kaum wanita dan kebajikan.



Melayan penghuni Rumah Warga Tua di Kajang.

Menurut Dato' Paduka Saleha binti Haji Mohd. Ali, bibit-bibit penglibatan Siti Hasmah dalam bidang kesukarelaan telah kelihatan sejak usia yang masih muda lagi. Dato' Paduka Saleha telah menceritakan hal ini dalam konteks tugas beliau (Dato' Paduka Saleha) sebagai Pegawai Kebajikan di Selangor. Salah satu tugas beliau adalah untuk menyambut jemaah haji yang pulang melalui kereta api dari Singapura. Setelah sekian lama di tanah suci dan mengharungi perjalanan dengan kapal laut yang penuh dengan cabaran, para jemaah haji berada dalam keadaan letih lesu. Siti Hasmah akan turut serta menyambut jemaah haji ini (secara sukarela), membantu melayani mereka, bertanya khabar dan berseloroh dengan mereka untuk menaikkan semangat mereka.

Minat beliau untuk membantu orang ramai, terutama wanita dan kanak-kanak, dapat dilaksanakan oleh beliau dengan jayanya kemudian, sewaktu bertugas sebagai Pegawai Kesihatan di Kedah. Tugas beliau tidak terhad kepada urusan di pejabat semata-mata tetapi juga memerlukan men-jelajah ke segenap ceruk negeri Kedah, ke tempat-tempat yang jarang dikunjungi pegawai-pegawai wanita lain, apatah lagi oleh seorang doktor muda yang berasal dari bandar Kuala

Lumpur. Pada masa itu, negeri Kedah, seperti negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu, belum lagi mempunyai sistem pengangkutan yang baik. Ada kalanya, Siti Hasmah terpaksa menggunakan perahu dan pelbagai jenis kenderaan lain untuk sampai ke destinasi. Begitu kuat penglibatan beliau dengan kebajikan masyarakat Kedah hingga beliau diterima sebagai 'anak Kedah', meskipun berasal dari Selangor.



Beramah mesra dengan adik Zulkarnain di Pusat Kanak-kanak Spastik di Petaling Jaya, 1980.

Sejak dari awal lagi, disebabkan latar belakang pendidikan dan latihan serta tempat bertugas, tumpuan beliau adalah terhadap wanita dan kesihatannya. Beliau telah banyak menulis dan membentangkan kertas kerja. Sebahagian daripada ini terbuka dalam **Wanita, Adat dan Kesihatan**, Jilid I dan II, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (1985). Kedua-dua buku ini memuatkan kumpulan kertas kerja dan ceramah yang dihasilkan setelah berkhidmat selama 18 tahun di Kedah (Jilid I) dan semasa bertugas di Institut Kesihatan Umum, Kuala Lumpur antara 1975–1978 (Jilid II).

Bidang yang dicakupi dalam buku ini menunjukkan minat Siti Hasmah dan memberi gambaran tentang keprihatinannya terhadap persoalan-persoalan wanita. Antara yang disentuh dalam Jilid I termasuk perancangan keluarga di kalangan masyarakat luar bandar, kesan adat dan agama ke atas sikap terhadap kesihatan, peranan jururawat dan bidan dalam konteks perancangan keluarga dan penjagaan ibu serta kanak-kanak, serta pantang larang dan adat resam wanita semasa mengandung dan selepas bersalin. Kata beliau sewaktu merujuk kepada 18 tahun berkhidmat di Kedah, "Banyak pengalaman dan pengetahuan berhubung dengan kesihatan dan hubungannya dengan wanita telah saya peroleh."

Dalam Jilid II, tumpuan beliau lebih meluas, meliputi antara lain, faktor-faktor sosioekonomi dan kebudayaan berkaitan dengan kehamilan, kelahiran dan waktu pantang, amalan tradisi semasa mengandung, bersalin dan selepas bersalin di kalangan ketiga-tiga kumpulan etnik di Malaysia, taman asuhan kanak-kanak, susu ibu dan penyusuan ibu, dan akibat merokok pada kesihatan. Sebagai catatan sampingan, buku **Wanita, Adat dan Kesihatan** ini telah memenangi Hadiah Bahasa bagi tahun 1986 anjuran Persatuan Linguistik Malaysia dan Public Bank, satu penghargaan dari segi keupayaan beliau mengungkapkan buah fikiran dalam bahasa Melayu yang betul dan baik.

Mengikut Dr. Raj Karim, Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN), secara amnya Siti Hasmah memberi perhatian kepada keadaan kehidupan wanita luar

bandar, khasnya aspek kemiskinan. Mungkin, mengikut Dr. Raj, ini disebabkan kaitan yang erat antara kemiskinan, kebersihan dan, kesihatan dengan akibat-akibatnya, yang memang wujud di kalangan masyarakat luar bandar.

Penglibatan Siti Hasmah dalam kerja-kerja sukarela sememangnya amat banyak. Menurut Dato' Dr. Nor Laily Abu Bakar, ketika berucap di majlis Siri Ceramah Tahunan Datin Seri Dr. Siti Hasmah (1981), yang dianjurkan oleh Persatuan Siswazah Wanita Malaysia, Datin Seri:

Menyertai projek
gotong royong
di Kampung Sungai Penchala.



"... telah menceburkan diri bergerak cergas di dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela, sungguhpun tugas dan tanggungjawabnya sebagai seorang doktor dan kemudiannya seorang Pentadbir Kesihatan Awam, di samping seorang isteri dan ibu serta pendidik amat berat."

Dato' Dr. Nor Lailly memuji kebijaksanaan Siti Hasmah sebab "pandai mengatur masanya kerana beliau masih sempat mendekati dirinya dengan masyarakat yang dicintai, di samping mempunyai juga masa untuk mengkaji dan menulis."

Senarai penglibatan Siti Hasmah dalam badan-badan sukarela amat panjang dan terdapat dalam Anugerah dan Penghormatan (selepas Bab 10). Sekadar menurunkan beberapa contoh, tatkala bertugas di Kedah beliau menjadi ahli seumur hidup Persatuan Perancang Keluarga Negeri Kedah (1962), pengerusi persatuan tersebut (1965–1972), Ahli Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Cawangan Kedah (1967) dan kemudian menjadi Pengerusi persatuan tersebut bagi tahun 1968–1974, dan Naib Presiden Pandu Puteri Kedah. Penyertaannya pada peringkat kebangsaan pula lebih luas daripada Persatuan Perubatan Malaysia, Lembaga Perancang Keluarga, Persatuan Orang-orang Buta, Pandu Puteri, Persatuan Siswazah Wanita Malaysia, hinggalah kepada Jawatankuasa Penasihat KARYANEKA.

Bersama
peserta ekspedisi
Persatuan
Pandu Puteri.



Dalam semua bidang yang disertaiya, sumbangan beliau dihargai dan disanjung. Mengikuti Puan Nik Faizah Nik Mustapha, bekas Ketua Pesuruhjaya Pandu Puteri Malaysia, sebagai Penaung, Siti Hasmah sentiasa memberi dorongan dan sokongan kerana beliau amat yakin dan bersetuju dengan dasar-dasar perjuangan Pandu Puteri. "Datin Seri tidak kedekut dari segi masa; beliau sentiasa menyokong mana-mana projek yang selari dengan minat dan keyakinan beliau," kata Nik Faizah lagi.

Dato' Dr. Nor Laily menyebut tentang bagaimana sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penasihat KARYANEKA. Siti Hasmah mencatat sejarah apabila beliau berjaya mengetuai satu rombongan rasmi kerajaan ke luar negeri yang ahli-ahlinya terdiri daripada hanya wanita, untuk mengkaji cara pelaksanaan projek-projek yang boleh menambahkan pendapatan. Ketekunan terhadap sesuatu projek atau isu sememangnya sifat asasi Siti Hasmah, apatah lagi dengan isu-isu yang berkaitan dengan hal ehwal wanita dan kanak-kanak. Sebagai contoh, Dato' Dr. Nor Laily masih ingat tentang minat dan sokongan beliau (Siti Hasmah) kepada projek Nury. Sebagai seorang ibu, beliau



Siti Hasmah sedang mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Karyaneka peringkat kebangsaan.

sentiasa mengambil berat terhadap pendidikan anak-anak, dari tahap awal (prasekolah) hinggalah ke peringkat tinggi. Beliau amat yakin dengan falsafah kanak-kanak yang mendapat didikan yang sempurna pada masa kecil akan membesar menjadi orang dewasa yang bertanggungjawab.

Siti Hasmah juga telah menjadi Penaung Persatuan Siswazah Wanita Malaysia. Pelantikan beliau dibuat kerana beliau merupakan antara siswazah wanita pertama negara kita. Sebagai menghargai naungan beliau, persatuan telah melancarkan siri ceramah tahunan bernama **Siri Ceramah Tahunan Datin Seri Dr. Siti Hasmah**. Beliau sendiri telah merasmikan pelancaran siri tersebut pada tahun 1981 yang dimulakan dengan syarahan oleh D.Y.M.M. Sultan Azlan Shah (pada ketika itu Hakim Besar Malaya) berjudul 'Undang-undang dan Wanita'.

Dalam ucapan beliau di majlis tersebut, Siti Hasmah telah menekankan jenis perjuangan yang harus dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita sukarela.

"Apa yang penting ialah kaum wanita diberi penjelasan dan penerangan di atas hak dan peranan mereka dan segala sumbangan dan kemahiran mereka perlu diterima dan diiktiraf oleh masyarakat."



Di majlis pelancaran Siri Ceramah Tahunan Datin Seri Dr. Siti Hasmah anjuran Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM), 1981.

Majlis Penyerahan
Cek daripada
PSWM kepada
Naib Canselor
Universiti Malaya
untuk Kursi
Dr. Siti Hasmah
Mohd. Ali.



Siri Ceramah Tahunan ini masih berterusan, dan di mana boleh, beliau menghadiri ceramah-ceramah tersebut. Kini Persatuan Siswazah Wanita Malaysia memberi penghormatan yang kedua, iaitu menubuhkan sebuah kursi di Universiti Malaya dengan nama '**Kursi Dr. Siti Hasmah Bt. Mohd. Ali**'. Kursi ini diwujudkan bagi menghormati sumbangan dan kejayaan wanita Malaysia dalam pendidikan dan penyelidikan, terutama dalam bidang sains dan teknologi, dan sekaligus memberi dorongan tambahan kepada mereka. Ini difikirkan relevan memandangkan betapa pesatnya dunia ilmu pengetahuan pada masa ini, terutama dalam bidang sains dan teknologi. Ini pula selaras dengan kepesatan dunia ilmiah itu sendiri, ditambah pula dengan hasrat negara untuk menghadapi cabaran alaf baharu serta memenuhi matlamat Wawasan 2020.

Kursi yang diwujudkan pada 1997 ini akan diisi oleh pakar dalam bidang teknologi yang baharu muncul seperti Biologi Molekul dan Bioteknologi, Bahan-bahan Maju, Mikroelektronik dan Teknologi Maklumat, Perubatan Tinggi dan Tenaga. Matlamat utama pemilihan bidang ini adalah untuk memberi fokus kepada penyelidikan dan pengajaran dalam bidang-bidang sains yang

baharu ini, yang seterusnya akan membantu ke arah pembangunan perindustrian di Malaysia. Kursi ini ditempatkan di Universiti Malaya kerana statusnya sebagai universiti pertama ditubuhkan di negara ini. Namun begitu, pemegang kursi tidak terhad kepada profesor wanita daripada universiti ini sahaja, malahan terbuka kepada universiti-universiti lain di Malaysia atau di luar negara. Dalam majlis penyerahan cek pertama kepada Universiti Malaya pada 20 September 1997, Timbalan Presiden Persatuan Siswazah Wanita Malaysia telah memberi penjelasan berikut bagi pemilihan nama Dr. Siti Hasmah untuk kursi tersebut:

"... sebagai tanda rasa hormat dan kagum kami terhadap beliau yang telah banyak berbakti kepada negara ini, terutama dalam bidang hal ehwal wanita dan kanak-kanak. Penamaan ini juga merupakan ucapan terima kasih yang amat dalam atas naungan beliau kepada persatuan kami."

Satu sumbangan besar Siti Hasmah dalam konteks kegiatan dalam NGO wanita adalah melalui BAKTI. Sebagai isteri Perdana Menteri, Siti Hasmah banyak menumpukan perhatian penuh kepada BAKTI dan mewarnai perkembangan badan tersebut seterusnya.

BAKTI, atau nama penuhnya Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri telah ditubuhkan pada 16 Mei 1977 atas inisiatif Y.A.Bhg. Toh Puan Suhaila Tan Sri Haji Noah sewaktu beliau menjadi isteri



Majlis Penyampaian Derma sempena Ulang Tahun BAKTI yang ke-15 pada 8 Julai 1992 di Sri Perdana.



Para pemain dan penyokong BAKTI di gelanggang badminton Dewan Negeri, Kuala Terengganu.

kepada Perdana Menteri yang ketiga, Allahyarham Y.A.B. Tun Hussein Onn. BAKTI ditadbirkan oleh sebuah Jawatankuasa Tadbir yang dipengerusikan oleh isteri Perdana Menteri, isteri Timbalan Perdana Menteri sebagai Naib Pengerusi dengan 14 orang Ahli Jawatankuasa Induk. Sebagai Yang Dipertua BAKTI, Siti Hasmah meneruskan semangat yang mendasari penubuhannya tetapi telah meluaskan bidang kegiatan untuk meliputi beberapa aspek baharu. Mengikut Y.A.Bhg. Toh Puan Aishah Ong, antara yang ditekankan oleh Siti Hasmah di kalangan ahli-ahli BAKTI ialah semangat kesetiakawanan dalam suasana berkenalan dan saling memahami dan menghormati.

BAKTI menyusun dan mengendalikan rancangan melalui lapan buah Jawatankuasa Kecil, bagi menangani perkara-perkara berikut: projek kebajikan, biasiswa, bencana alam, pendidikan, kebudayaan, sukan dan Pelita BAKTI. Kegiatan-kegiatan yang disusun mempunyai dua corak, iaitu untuk manfaat ahli-ahli BAKTI dan untuk manfaat masyarakat luar. Jawatankuasa Pendidikan, misalnya, mengendalikan ceramah dengan tujuan meningkatkan ilmu pengetahuan para ahli. Demikian juga dengan kegiatan Jawatankuasa Kebudayaan dan Jawatankuasa Sukan yang

Menerima Pingat
Emas Tun Fatimah
daripada DYMM
Seri Paduka
Baginda Raja
Permaisuri Agong,
Ogos 1985.



terkandung juga unsur-unsur keseronokan. Sebaliknya, kegiatan-kegiatan Jawatankuasa Kebajikan, Biasiswa dan Jawatankuasa Bencana Alam sudah semestinya ditujukan khusus kepada masyarakat sasaran tertentu.

Bagaimanakah Siti Hasmah sebagai seorang pemimpin? Ahli-ahli BAKTI sebulat suara dalam pujian mereka sambil mengatakan, "Seorang pemimpin yang berwawasan, yang bijak memujuk ahli-ahli persatuannya." Y. A. Bhg. Toh Puan Aishah, seorang ahli veteran BAKTI menambah, "Seorang pengurus yang penyayang, yang mengambil berat terhadap hal ehwal ahli-ahlinya." Semua bersetuju bahawa kegiatan-kegiatan yang dikendalikan oleh BAKTI merupakan cerminan minat Siti Hasmah, minat yang juga dihayati oleh ahli-ahli BAKTI lain, kerana telah disemai dan dipupuk oleh pemimpinnya. Bagaimanakah pula persepsi ahli-ahli BAKTI terhadap pencapaian

mereka di bawah pimpinan Siti Hasmah? Berikut ialah luahan Penulis Khas dalam **Pelita BAKTI** Jun 1992, keluaran khas sempena ulang tahun ke-15:

Bagaikan kuntuman bunga beraneka warna dan rupa. Kuntum-kuntum yang terlerai ini dijangankan menjadi satu padu dan erat, jambangan, dengan tampuk yang kukuh, sukar untuk dipisahkan dan tidak juga mudah berselerak jika dihembus angin.

Sesungguhnya, melalui BAKTI, terjalin kemesraan dan saling menghormati antara ahli-ahlinya dengan pelbagai ingatan manis yang dihayati melalui pelbagai kegiatan seperti pertandingan badminton, sesi nyanyian, lawatan sambil belajar, dan kerja-kerja amal.



Melawat sebuah masjid di Kuching.

Mengenai harapan beliau sendiri terhadap BAKTI, Siti Hasmah telah berkata, "Sempena ulang tahun ke-20 ini (1977–1997), saya berdoa dan berharap agar BAKTI, yang berasaskan tujuan memberi khidmat kebajikan dan amal kepada orang-orang yang memerlukannya, akan terus berbuat demikian. Ahli-ahlinya, yang terdiri daripada isteri-isteri pemimpin negara, perlu erat dalam usaha ini dan menjadi teladan bagi masyarakat umum."

Satu lagi bidang penglibatan beliau akhir-akhir ini ialah kepada PPSEAWA (**Persatuan Pan-Pacific and South East Asia Women's Association**). Sumbangan beliau adalah sebagai Penaung persatuan tersebut sejak diaktifkan kembali pada tahun 1984. Beliau telah memberi dorongan yang berterusan, dan pada persidangan antarabangsa yang terakhir di Kuala Lumpur (1997), telah menyampaikan salah satu daripada ucap utama.



Menerima poster kempen antidadah.



Bersama-sama Nancy Reagan di Persidangan Wanita-wanita Pertama mengenai Penyalahgunaan Dadah di Rumah Putih, Washington D. C., 1985

Penglibatan Siti Hasmah dalam hal ehwal wanita tidak terhad kepada dalam negara semata-mata. Pada awal dekad 90-an, selaras dengan penglibatan Malaysia dalam arena antarabangsa, Siti Hasmah juga turut diajak menjangkau ke alam yang lebih luas. Pada bulan April 1985, Siti Hasmah telah menerima undangan peribadi daripada Puan Nancy Reagan, isteri Presiden Amerika Syarikat pada ketika itu ke Persidangan Wanita-wanita Pertama Mengenai Penyalahgunaan Dadah di Washington. Beliau menghadiri persidangan tersebut dengan penuh kesedaran bahawa penyertaan Malaysia amat relevan kerana negara kita sedang memerangi masalah ini dengan gigihnya. Dalam satu temu bual yang disiarkan oleh akhbar **The New Straits Times** pada 26 Mei 1985, iaitu sekembalinya dari persidangan itu, beliau telah membuat beberapa cadangan untuk mengatasi masalah ini, antaranya:

- (i) menubuhkan satu gerakan yang terdiri daripada ibu bapa,
- (ii) meminta kerjasama daripada badan-badan sukarela dan badan-badan yang ditubuh khas untuk tujuan ini,
- (iii) meminta pihak media massa memainkan peranan yang lebih positif, dan
- (iv) mengajak seluruh masyarakat bersama-sama berganding bahu.



Siti Hasmah dengan peserta-peserta ASEAN Women's Programme selepas acara perasmian pada 15 April 1985.

Walaupun beliau telah menghadiri persidangan-persidangan antarabangsa untuk berbincang tentang beberapa aspek hal ehwal wanita, penglibatan beliau kini tertumpu khusus kepada meningkatkan taraf ekonomi wanita luar bandar. Mengikuti perangkaan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 55% wanita luar bandar di negara-negara sedang membangun terdiri daripada golongan miskin. Beberapa usaha dimulakan untuk menyelesaikan masalah ini. Salah satu daripadanya ialah mandat yang diberikan kepada **International Fund for Agricultural Development (IFAD)** untuk meningkatkan pengeluaran makanan, mengurangkan kelaparan, dan memerangi gejala pemakanan tak seimbang pada tahap dasarnya, iaitu kemiskinan di kalangan masyarakat luar bandar. Malaysia telah menjadi ahli IFAD.

Siti Hasmah terlibat secara langsung dengan kegiatan ini apabila Malaysia menerima jemputan untuk menganggotai kumpulan *core-group initiators* (CGI) bagi kawasan Asia-Pasifik. Siti Hasmah telah mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat pertama di Geneva pada tahun 1992, dan sejak itu telah bergiat cergas dalam program-program ini. Ini ditambah pula dengan hakikat bahawa beliau memegang tugas yang amat penting bukan sahaja sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Wilayah Asia-Pasifik (RSC-AP) tetapi juga mewakili Asia-Pasifik pada peringkat persidangan antarabangsa.

Jawatankuasa Pemandu Wilayah Asia Pasifik (**Regional Steering Committee on the Economic Advancement of Rural and Island Women in the Asia Pacific Region: RSC-AP**) telah ditubuhkan secara rasminya di Beijing pada 5 September 1995. Sejak itu, beberapa pertemuan dan program telah disusun. Sebagai contoh ialah mesyuarat kumpulan pakar untuk membincangkan rancangan tindakan bagi wanita di luar bandar dan kawasan kepulauan pada 1 April 1996 di Malaysia dan Seminar Mikrokredit di Iran pada 10 April 1997. Dalam ucapannya sebagai Pengerusi RSC-AP sewaktu mengalu-alukan peserta ke mesyuarat pakar-pakar di Malaysia untuk membincangkan rancangan tindakan bagi wanita luar bandar dan kawasan kepulauan, Siti Hasmah telah berkata bahawa usaha semua yang terlibat:

".... to represent the voice of the rural poor women and their families, and to pledge our commitment to help mobilise the political will and resources for the advancement of the rural women."

Dalam ucapan yang sama beliau juga menyenaraikan aspek-aspek yang akan ditumpukan perhatian oleh RSC-AP, iaitu:

supaya wanita luar bandar dan kawasan kepulauan diberi pengiktirafan dan dihargai sebagai peserta yang aktif dalam pembangunan;

mereka menerima manfaat daripada pembangunan;

mereka mendapat peluang yang sama dari segi memperoleh sumber. Ini dapat dicapai dengan senang jika wujud kepekaan gender di kalangan para perancang;

wanita luar bandar dan kawasan kepulauan dimasukkan dalam arus perdana pembangunan;

dan mereka dibekalkan dengan sumber-sumber yang akan mengembangkan potensi mereka, dan dengan demikian meningkatkan kualiti hidup keluarga mereka.

Nada yang sama mendapat tekanan dalam ucapan-ucapan beliau yang lain dalam konteks pertemuan RSC-AP dan juga di hadapan khalayak-khalayak lain. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemandu (ISC), Siti Hasmah telah diundang untuk berucap dalam sesi pleno di Sidang Kemuncak Mikrokredit di Washington D.C. (2–4 Februari 1997). Beliau menganggap undangan itu sebagai satu penghargaan daripada masyarakat antarabangsa terhadap usaha-usaha ISC dan Jawatankuasa Pemandu Wilayah Asia-Pasifik. Mengikuti Siti Hasmah, tatkala berucap di pertemuan tersebut, usaha beliau dan rakan-rakan lain adalah untuk bersama-sama dengan usaha lain.

Dunia luar tidak lupa akan sumbangan Siti Hasmah. Pujian-pujian melimpah ke atas dirinya dan beberapa buah universiti, dalam dan luar negara, telah menganugerahkan ijazah kehormat masing-masing. Pada tahun 1991, Universiti Kebangsaan Malaysia telah menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Sains Perubatan, diikuti dengan Ijazah-ijazah Kehormat oleh Indiana University, USA (1994), University of Victoria, Kanada (1994), dan Ijazah Doktor Kehormat Pendidikan oleh Universiti Malaya (1995). Antara 1995–1997, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi RSC-AP yang pertama di Beijing, dan telah dilantik semula sebagai Pengerusi RSC-AP untuk tiga tahun lagi, dalam mesyuarat RSC-AP di Kuala Lumpur pada bulan Oktober 1997. Dalam konteks ISC, beliau telah mengambil alih jawatan Pengerusi daripada Queen Noor dari Jordan untuk dua tahun. Jawatan ini tamat pada bulan Oktober 1998 dan tidak boleh dilantik semula kerana jawatan bagi Presiden dan Urus Setia dilantik secara bergilir-gilir mengikut wilayah.

Salah satu anugerah yang secara langsung berhubung dengan kegiatan beliau dalam konteks kebajikan wanita ialah anugerah oleh UNIFEM (United Nations Fund for Development and Advancement of Women) pada bulan September 1995. Anugerah itu diberikan kepada 12 orang wanita dari seluruh dunia kerana 'memperlihatkan iltizam terhadap wanita'. Antara penerima-penerima lain ialah Helvi Sipila, Setiausaha Agung Persidangan Wanita Sedunia yang pertama, Sodeko Ogata, Pesuruhjaya dari Jepun, dan Grace Machel dari African Women's Peace Network.

Dalam laporan akhbar *The New Straits Times*, wartawan Aishah Ali telah mengatakan bahawa Siti Hasmah menjadi pilihan UNIFEM kerana sumbangan beliau yang besar terhadap kesihatan wanita dan kanak-kanak dan juga dalam bidang kemiskinan luar bandar di Malaysia.



Menghadori Majlis Penyampaian Anugerah UNIFEM di Beijing, September 1995.

Demikian juga, dalam siaran akhbar Persidangan Wanita Sedunia ke-4 pada 6 September 1997, dalam laporan mengenai anugerah UNIFEM ini, berikut ialah antara perkara-perkara yang ditulis bertentangan nama Siti Hasmah:

"... The problem of indebtedness faced by many developing countries must be addressed so that they can finance development programmes, which must be guided by gender concerns. Unconditional development assistance should be provided to poverty stricken areas."

Anugerah UNIFEM ini disampaikan di Beijing, China, sempena Persidangan Wanita Sedunia ke-4 yang diadakan pada bulan September 1995. Kehadiran beliau di sana adalah sebagai Ketua Delegasi Malaysia ke persidangan tersebut. Sebagai Ketua Delegasi, Siti Hasmah telah berucap di sidang pleno mengenai 'Persamaan Hak, Pembangunan dan Keamanan: Masyarakat Penyayang'.

Beberapa hari selepas Siti Hasmah serta Wanita-wanita Pertama beberapa buah negara bersidang di Geneva pada tahun 1992 untuk membincangkan usaha memperjuangkan nasib wanita-wanita luar bandar yang miskin, akhbar **International Herald Tribune** telah menyiarkan sebuah makalah mengkritik secara sinis usaha ini. Sudah semestinya tindakan ini menyayat hati beliau kerana seolah-olah penulisnya mempersendakan sumbangan beliau dan rakan-rakan yang lain serta mempersoalkan keikhlasan mereka, pada hal beliau telah sekian lama membela nasib wanita dan kanak-kanak di negara ini.

Selanjutnya akhbar yang sama telah menyiarkan surat jawapan kepada makalah tersebut. Surat tersebut datangnyanya daripada anak sulung beliau, Marina, yang antara lain menjelaskan bahawa pandangan penulis makalah tersebut tidak tepat, kerana ibunya telah sekian lama berkhidmat kepada masyarakat desa, terutama kaum wanita dan kanak-kanak, iaitu sejak mula-mula bertugas dengan kerajaan, sebelum suaminya memegang jawatan tinggi.

To Dr Siti Hasmah



with warm regards
Cher Blair.

Siti Hasmah
di No 10
Downing
Street, London.
Di sebelah
kanan beliau
ialah tuan
rumah,
Puan Cheri
Blair.

Berikut ialah secebis daripada surat tersebut, dalam bahasa asalnya, yang bukan sahaja memberi gambaran kepada kita tentang tahap iltizam Siti Hasmah dalam perjuangan beliau membela nasib wanita, tetapi juga tentang sikap keluarganya terhadap kegiatan-kegiatan beliau dalam konteks kerja-kerja sukarela. Lebih penting, surat ini turut menggambarkan keeratan hubungan seorang anak dengan ibunya, yang tidak diwarnai oleh kedudukan istimewa yang ada pada mereka.

As the wife of the prime minister, she is able to combine her considerable social conscience with the clout to get things done. In doing so, she has carried out an enormous amount of work for a number of good causes. She shows that people in privileged positions are quite capable of feeling great concern for the underprivileged and using their positions to take positive action.





Pencinta Sukan Dan Seni

Sukan dan Seni Penjana Perpaduan – PSWM, 1998

*S*UKAN merupakan aktiviti yang melibatkan aspek gerakan dan kesihatan fizikal, manakala seni menyentuh dimensi mental dan rohaniah. Itulah pandangan dari kaca mata Siti Hasmah mengenai sukan dan seni. Siti Hasmah, sejak kecil, merupakan seorang wanita yang aktif dan penuh ceria. Ciri inilah yang kuat mengaitkan penglibatan beliau dalam kegiatan sukan. Didikan yang diterima daripada kedua-dua orang tuanya dengan tatasusila ketimuran pula berhubung rapat dengan minat mendalamnya terhadap seni. Kecenderungan dan minat ini mencerminkan keperibadian dan perwatakan beliau yang penuh disiplin dan ketegasan. Menurut Siti Hasmah, sukan memberikan ruang dan peluang bagi beliau membuat kerja-kerja amal kebajikan. Lantaran itu, banyak kerja kebajikan telah dicurahrkannya

melalui aktiviti sukan. Bagi seni pula, beliau mengibaratkannya sebagai cahaya indah yang sentiasa menyinari kehalusan jiwa dan budi yang tersemat di sanubari seseorang. Kehalusan perasaan demikianlah yang membuat Siti Hasmah peka dan prihatin kepada masyarakat di sekeliling beliau. Bak irama dan lagu, seni dan sukan tidak dapat dipisahkan daripada diri Siti Hasmah.

Siti Hasmah mula bergerak cergas dalam sukan semasa di sekolah rendah. Titik permulaannya ialah ketika beliau mengambil bahagian dalam acara lumba lari berganti-ganti semasa temasya sukan tahunan sekolahnya, dan yang paling indahnyalah pasukannya berjaya menjadi johan dalam acara tersebut. Tatkala mengimbas kembali kegiatan sukan di sekolah mengingatkan Siti Hasmah akan zaman kecilnya yang penuh nostalgia. Dengan matanya yang bersinar-sinar, Siti Hasmah merenung kembali penglibatan beliau dalam sukan sekolah pada zaman muda yang penuh kemanisan dan menyegarkan. Beliau masih ingat bagaimana penglibatannya yang aktif ini menyebabkan beliau dianggap sebagai seorang *tomboy*. Semasa di sekolah, Siti Hasmah mula menumpukan perhatian kepada sukan hoki, bola jaring, dan badminton. Berdasarkan minatnya yang mendalam, beliau telah meluahkan masa hampir setiap petang untuk menjalani latihan. Menurut kakaknya, Puan Jameah, Siti Hasmah gemar sungguh sukan bola jaring yang juga



Siti Hasmah dalam sukan lumba lari semasa di universiti.

disukai oleh kakak-kakaknya. "Kami anak-anak perempuan semuanya pandai menjarangkan bola," tambah Puan Jameah. Kedua-dua orang tuanya amat memahami perasaan dan kehendak puteri mereka ini. Malah mereka merupakan pendorong utama bagi Siti Hasmah bergiat cergas dalam sukan. Begitu juga dengan neneknya yang berfikiran terbuka, yang sentiasa memberikan galakan dengan penuh kasih sayang.

Siti Hasmah meneruskan aktiviti sukannya, terutama sukan hoki, hingga beliau memasuki kolej di Singapura. Malah penglibatan dan tumpuannya dalam sukan ini pernah menjadi punca kegelisahan Mahathir, yang merasakan kegiatan Siti Hasmah itu akan menjejaskan tumpuannya kepada pelajaran. Menurut Siti Hasmah, Mahathir mahukan beliau mengurangkan penglibatannya



Beliau juga
meminati hoki.


dalam sukan dan menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran dan juga hubungan persahabatan mereka berdua. Pada ketika itu, Mahathir ialah tutor Siti Hasmah.

Selain sukan hoki, badminton juga merupakan satu sukan yang memberi seribu kenangan kepada Siti Hasmah. Malah sepanjang pembabitn suaminya dalam politik, penglibatan Siti Hasmah dalam sukan ini secara beransur-ansur telah memenuhi ruang aktiviti sukannya dan secara tak langsung banyak memberi kesan yang mendalam terhadap aktiviti kebajikan beliau.

Minat dalam sukan badminton ini dipupuk secara tidak langsung semasa beliau aktif berdamping dengan masyarakat. Bertolak dari sini, beliau dapat melihat bahawa sukan badminton boleh dijadikan satu kerja amal yang berkesan. Kini minatnya yang mendalam terhadap sukan ini telah dapat disaksikan dan dirasai oleh segenap lapisan masyarakat Malaysia. Inilah antara sumbangan Siti Hasmah yang unik berbanding dengan isteri-isteri pemimpin negara lain.

Buat permulaan, beliau cuba menerapkan minat ini ke dalam badan amal yang diterajuinya, iaitu BAKTI. Sukan badminton diwujudkan dalam BAKTI sebagai satu acara senaman dan rekreasi bagi ahli-ahlinya. Mengikut Siti Hasmah, pada mulanya, ramai ahli yang berminat tetapi kurang arif tentang bagaimana hendak memulakan dan memajukan permainan ini. Untuk menggalakkan penyertaan ahli-ahli dalam permainan ini, BAKTI mengorak langkah menganjurkan pertandingan persahabatan dengan badan-badan lain di peringkat negeri. Oleh sebab ketika itu tidak ada badan-badan amal di peringkat negeri, usaha ini menjadi begitu sukar sedikit.

Namun setelah BAKTI mengemukakan cadangan ini kepada semua isteri Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri, badan amal yang terdiri daripada isteri pemimpin-pemimpin setiap negeri berjaya ditubuhkan. Melalui badan-badan ini, pasukan badminton telah dibentuk. Bagaimanapun, matlamatnya agak sukar dicapai kerana kebanyakan ahli-ahlinya sudah berumur lebih daripada 30 tahun dan tidak pernah bermain badminton. Namun dengan galakan daripada Y.A. Bhg. Toh Puan Suhaila yang menyumbangkan Piala Pusingan Toh Puan Suhaila selama 5 tahun, pertandingan pertama telah dianjurkan dengan jayanya oleh BAKTI di Kuala Lumpur. Oleh sebab semua pasukan tidak mempunyai ahli yang betul-betul cergas, setiap pasukan telah dibenarkan meng-



Menyertai pertandingan badminton anjuran BAKTI.

ambil dua orang suri rumah bukan ahli untuk bersama-sama menyertainya. Mengikut Siti Hasmah, kebanyakan suri rumah ini merupakan ahli PERKEP dan boleh bermain badminton dengan baik. Hingga tahun 1991, barulah diputuskan bahawa setiap pasukan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli sahaja.

Pertandingan diadakan setiap tahun kecuali pada tahun 1990 berikutan peristiwa di Sabah apabila Parti Bersatu Sabah bertindak keluar dari Barisan Nasional yang menyebabkan semua pasukan menarik diri kerana tidak mahu pergi ke Kota Kinabalu. "Ini adalah kerana pemain-pemain hendaklah terdiri daripada parti-parti Barisan Nasional sahaja," jelas Siti Hasmah.

Oleh sebab konsep dan tema pertandingan ini ialah 'Kemesraan melalui Kesukanan', pertandingan ini diadakan secara bergilir-gilir di kalangan negeri yang layak bertanding dan akan bertindak sebagai tuan rumah. BAKTI membantu pihak tuan rumah dengan memperuntukkan sejumlah RM10,000, manakala pihak badan amal negeri dan kerajaannya menguruskan perbelanjaan lain.

Setakat ini, 11 buah negeri telah menjadi tuan rumah. Pada tahun 1999, negeri Johor, melalui JUITA, bertindak sebagai tuan rumah diikuti dengan negeri Kedah, melalui BIDARA pada tahun 2000.

Piala pusingan telah bertukar ganti dan piala yang ada sekarang adalah sumbangan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan kini bergelar Piala Perdana Menteri. Badan-badan amal yang pernah memenangi pertandingan ini ialah BAKTI (Kuala Lumpur), Bunga Tanjung (Pulau Pinang), Balkam (Melaka), Baiduri (Perak), Balkis (Selangor), dan Bakisa (Sabah).

Kini, walaupun pertandingan badminton antara badan-badan amal ini sudah menjangkau usia 12 tahun, beberapa orang pemain penaja sejak 1985 masih lagi bermain. "Sungguhpun ahli-ahlinya silih bertukar ganti, namun semangat ahli-ahli veteran ini tetap tidak luntur dan masih ingin terus bermain. Malah ada antaranya yang telah bercucu tetapi masih tangkas dan berupaya membuat pukulan *smash* yang kencang. Begitulah semangat juang dan kecekalan yang ada di kalangan ahli-ahli badan-badan amal ini bagi menjayakan pertandingan ini," kata Siti Hasmah.

Pada asasnya, pertandingan ini mempunyai syarat-syaratnya yang tersendiri. Antaranya ialah presiden-presiden badan amal dimestikan menyertai pertandingan kecuali jika mendapat pengesahan doktor yang menyatakan bahawa dia tidak boleh bermain. Ini adalah kerana seringkali terdapatnya kes-kes penarikan diri dengan alasan-alasan yang biasa dan menyebabkan tempat presiden itu terpaksa digantikan dengan timbalannya atau ahli yang terkanan. Selain itu, peraturan yang tegas dan diakur oleh semua badan yang menyertai pertandingan ini ialah hanya isteri pertama sahaja yang layak bermain.

Media negara banyak menonjolkan penglibatan Siti Hasmah dalam aktiviti sukan terutama dalam sukan badminton. Setiap kali kejohanan badminton antarabangsa berlangsung di negara ini, beliau tidak pernah gagal untuk turut hadir bersama-sama peminat-peminat lain menyaksikan pertandingan dan bersorak seiringan memberi sokongan kepada jaguh-jaguh negara. Bagi Siti Hasmah, peluang keemasan ini pastinya tidak boleh dilepaskan. Wajahnya yang girang setiap kali pemain negara memungut mata kemenangan menggambarkan betapa beliau amat menghayati sukan ter-

sebut. Sesiapa yang mengikuti siaran langsung pertandingan akhir Piala Thomas pada tahun 1992 pasti masih dapat membayangkan betapa memuncaknya perasaan gembira dan bangga Siti Hasmah, hingga menitikkan air mata kegembiraan selepas pasangan bergu Cheah Soon Kit dan Soo Beng Kiang berjaya memastikan Piala Thomas dimiliki Malaysia! Turut mengharukan ialah ketika Siti Hasmah memeluk Rashid Sidek dengan begitu mesra dan penuh keriangian selepas Rashid memenangi salah satu perlawanan menentang pemain China. Reaksi ini, yang dapat dilihat oleh hampir setiap rakyat Malaysia melalui kaca televisyen, sekali imbas menggambarkan pelukan penghargaan dan penuh kasih sayang seorang ibu terhadap anak kesayangannya yang telah mencatat kejayaan yang cemerlang. Keprihatinan seorang ibu pada ketika itu amat ketara. Siti Hasmah merupakan seorang penyokong yang amat istimewa kerana berupaya memberi sokongan moral yang sangat bererti kepada semua pemain badminton yang mewakili Malaysia. Sebaliknya, pemain-pemain badminton negara pula amat menghargai sokongan dan minat Siti Hasmah itu dan membalasnya dengan berjuang sedaya upaya mereka.



Syabas! Kegembiraan spontan apabila Malaysia berjaya memenangi kejohanan Piala Thomas dengan mengalahkan Indonesia pada tahun 1992.

Rakyat menyayangi dan mengaguminya bukan hanya kerana kedudukannya sebagai isteri Perdana Menteri, tetapi juga kerana perhatian dan iltizam beliau yang mendalam terhadap sukan badminton. Sebagai penyokong kuat Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dan kini penaungnya, Siti Hasmah berusaha memastikan setiap program sukan badminton dirancang dengan terperinci, dengan segala perancangan terlaksana dengan licin dan jayanya.

Hasil kesungguhan dan iltizam Siti Hasmah, sukan ini telah berjaya menentang perubahan dan perkembangan besar berikutan terbentuknya Yayasan Badminton Malaysia (YBM), yang merupakan hasil inisiatif dan keazaman Siti Hasmah untuk melihat kemajuan sukan badminton negara. Yayasan ini, yang dinaungi oleh Siti Hasmah, berperanan menyediakan tabung khas bagi membantu program pembangunan pemain badminton negara melalui penyediaan latihan atau penganugerahan biasiswa kepada pemain yang berpotensi. Melalui YBM, jurulatih profesional badminton, baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, dapat disediakan bagi melatih para belia dan bakal-bakal juara. YBM juga merupakan sumber bantuan kebajikan pemain-pemain negara dan nadi bagi pusat kaunseling sukan badminton.

Selain itu, Siti Hasmah juga bertanggungjawab terhadap pembinaan Gelanggang Rakyat. Penubuhan gelanggang badminton yang sedemikian merupakan bukti kecintaan dan keazaman Siti Hasmah untuk meningkatkan sukan badminton ke peringkat yang lebih tinggi dan sebagai satu hadiah istimewa untuk semua rakyat Malaysia. Dengan kerjasama setiap wakil rakyat di seluruh negara, setiap kawasan luar bandar kini telah mampu mempunyai gelanggang badminton sendiri. Usaha ini memberi kesempatan kepada para peminat sukan ini melibatkan diri dan menggalakkan mereka, khususnya golongan belia, menjalani latihan dan mengasah bakat supaya mampu muncul sebagai jaguh atau juara sukan badminton. Langkah ini disusuli dengan memperkenalkan pertandingan-pertandingan di peringkat sekolah, pertubuhan, daerah, dan negeri yang menyediakan hadiah-hadiah yang lumayan. Ketika Siti Hasmah merasmikan Gelanggang Rakyat di Equestrian Club Bukit Kiara pada 13 Mei 1997, beliau bukan sahaja berjaya menarik sokongan daripada para wakil rakyat, malah daripada pihak-pihak swasta dan badan-badan korporat yang turut sama bersatu padu memajukan sukan badminton negara ini. Hasil penglibatan Siti Hasmah dalam sukan ini, segala program bagi meningkatkan mutu permainan sukan ini telah



Siti Hasmah tiba
untuk melancarkan Akademi
Badminton Malaysia.

Di Majlis Pelancaran
Yayasan Badminton Malaysia.





Bersenam robik bersama-sama ahli BAKTI.

dapat diatur dengan tersusun dan berkesan. Selain itu, beliau juga turut berusaha meluaskan minat terhadap sukan ini dengan memberi galakan kepada rakyat golongan istimewa untuk turut sama beraksi.

Menurut YB Dato' Dr. Abdullah Fadzil Che Wan, Presiden BAM dan Timbalan Menteri Pertahanan, Siti Hasmah memang layak memegang jawatan Presiden, malah jawatan itu telah dicadangkan untuk Siti Hasmah. Namun Siti Hasmah hanya mahu menerima jawatan sebagai Penaung BAM. Peranan ini telah dijalankan dengan amat berkesan hinggakan Malaysia dapat menyaksikan perubahan yang ketara terhadap sukan ini. "Beliau telah merevolusikan badminton," kata Dato' Dr. Abdullah Fadzil. Siti Hasmah telah memberi nafas baharu dan makna kepada sukan badminton di Malaysia.

Selain mereformasikan sukan badminton, Siti Hasmah juga memupuk semangat rakyat untuk mencintai sukan badminton dan secara tak langsung menanamkan sifat patriotisme terhadap negara. Beliau telah berjaya mengharumkan nama Malaysia melalui penglibatannya dalam sukan ini.

Satu lagi sukan yang pernah menjadi hobi Siti Hasmah ialah menunggang kuda. Namun penglibatannya hanyalah sebagai hobi dan untuk berkongsi minat dengan suaminya. Minat ini sebenarnya bermula apabila Mahathir telah dihadiahkan dua ekor kuda oleh bekas Presiden Pakistan, Jeneral Zia ul-Haq. Mengikuti Robin Adshead, "*Mahathir has been a keen horseman.*" Sebagai isteri yang amat menyayangi suaminya, Siti Hasmah akan sentiasa turut serta menunggang kuda bersama-sama Mahathir dan secara tak langsung memupuk minat terhadap hobi ini.

Sebagai seorang yang berbudi pekerti halus dan terdidik dengan adat ketimuran, Siti Hasmah amat menghayati seni, suatu bidang yang merangkumi pelbagai cabang seperti seni muzik, seni lukisan, seni kraftangan, dan seni asli Malaysia. Penglibatan Siti Hasmah dan keluarganya dalam seni muzik telah diperkatakan.

Hingga kini, Siti Hasmah masih mengikuti perkembangan seni muzik tanah air dan tidak akan melepaskan peluang untuk menyaksikan sebarang persembahan muzik, terutamanya yang memabitkan persembahan biola, piano, dan orkestra. Peranan Siti Hasmah sebagai penaung bagi Malaysian Youth Orchestra Foundation menjadi bukti minat beliau yang begitu mendalam terhadap seni ini. Malah penglibatannya ini telah menyemarakkan budaya menghayati seni, yang kini telah mula berkembang dan mendapat sambutan yang baik di kalangan anak-anak muda.

Selain seni muzik moden, Siti Hasmah juga meminati seni muzik tradisional, terutama alat-alat muzik tradisional seperti gambus dan rebana. Berkenaan bentuk seni lain yang diminatinya, Siti Hasmah berkata, "Saya suka melihat tarian-tarian yang berbentuk asli atau tradisional." Selain itu, beliau juga turut menyatakan minatnya terhadap tarian tradisional Barat seperti ballet dan drama opera. Kata beliau, "Saya tidak terlibat dengan mana-mana pihak tetapi akan suka menyaksikan pertunjukan yang dipersembahkan oleh Ramli Ibrahim dan kumpulannya, atau Azanin dengan tarian aslinya." Ramli Ibrahim seorang penari terkenal yang telah mempelopori tarian klasik India

manakala Azanin Ahmad seorang penggiat seni tarian klasik bercorak drama tari. Daripada kenyataannya itu, ternyata minat seni Siti Hasmah begitu luas. Beliau merumuskan, "Apa jua yang tidak keterlaluan mencampurkan unsur-unsur Barat ke dalam tradisi kita akan saya minati."

Darah seni yang mengalir dalam dirinya tetap menyematkan minat yang mendalam terhadap pelbagai cabang seni yang lain. Seni kraftangan, misalnya, sememang mendapat tempat di hati Siti Hasmah. Apatah lagi jika dihasilkan oleh golongan-golongan yang kurang berkeupayaan dan



Di majlis pelancaran album *Hitam Putih Kehidupan* dengan Sheila Majid.

Bermain piano merupakan hobi utama beliau.





Siti Hasmah sedang
bermain gamelan.

Meneliti hasil
kerja tangan
warisan Melayu.



warga tua. Beliau juga amat mengagumi hasil-hasil seni luar negara, seperti yang telah dilihatnya semasa melawat Bombay (sekarang Mumbai) bersama ahli Karyaneka pada tahun 1981. Antara kraftangan yang diminatinya ialah seni *handloom* dan tenunan yang dihasilkan oleh *Village Industries Commission of India*. Dalam lawatannya itu, beliau juga berpeluang menyaksikan bagaimana masyarakat Bombay menghasilkan barangan kraftangan seperti beg tangan, kasut, anak patung, manik-manik, rantai, anting-anting, dan cincin.



Memberikan sentuhan penyuduh ke atas lukisan Peace Mural.

Siti Hasmah juga meminati seni lukisan, terutama lukisan-lukisan warna air dan cat minyak, yang memberikan gambaran jiwa yang halus, penyayang, dan prihatin.

Dengan minatnya terhadap seni, tidak hairanlah jika Siti Hasmah merupakan seorang yang mengambil berat akan rupa diri. Walaupun beliau menyukai sesuatu yang *simple* atau ringkas, namun terserlah keanggunan dalam segala pakaian yang dikenakan. Cita rasa beliau ialah cerminan batinnya terutama dari segi pemilihan warna yang menggambarkan kehalusan jiwanya. Ini dapat dilihat dalam cara beliau mengenakan pakaian, selendang, dan aksesori-aksesori seperti barangan kemas, klip rambut, kasut, dan beg tangan semasa menghadiri majlis-majlis formal dan tidak formal. Pada umumnya, beliau akan mengenakan pakaian yang kemas dan anggun dalam warna lembut serta menarik. Antara warna-warna pakaian yang menjadi kegemarannya ialah biji kundang muda, biru hijau segar, dan merah jambu.



Meneliti kehalusan sulaman selendang.

Dari segi jenis pakaian, Siti Hasmah lebih meminati baju kurung dan kebarung. Ada kalanya beliau lebih suka mengenakan baju kebaya tanpa bunga yang dipadankan dengan kain batik lepas, dan kadangkala baju kurung tanpa bunga yang dipadankan dengan kain songket. Baginya, apa jua jenis kain dan pakaian adalah menarik asalkan kemas dan sederhana. Siti Hasmah juga bijak mengenakan selendang yang bersesuaian dengan pakaian, terutama dengan pakaian baju kurung batik sutera dan kebaya labuh yang bercirikan tradisi lama. Selendang memang merupakan antara aksesori yang penting. Keanggunannya mengenakan selendang telah mendapat tempat dalam fesyen tanah air. Tudung kepala pula akan

dipakai apabila menghadiri majlis-majlis yang bercorak keagamaan, menziarahi rumah orang meninggal, menghadiri majlis kenduri arwah, dan sebagainya.

Dari segi barang kemas, mutiara menjadi pilihan Siti Hasmah kerana mempunyai reka bentuk yang mudah dan sesuai untuk pelbagai pakaian. Pilihan rantai dan anting-anting mutiara memperlihatkan perwatakan beliau yang penuh ketelitian dan tampak anggun. Malah dalam senario fesyen tempatan, Siti Hasmah merupakan orang yang bertanggungjawab mengetengahkan penggunaan mutiara sebagai aksesori hiasan. Namun demikian, barang perhiasan daripada emas dan berlian juga menjadi kegemarannya, biasanya yang mempunyai reka bentuk yang sederhana tetapi menarik. Siti Hasmah juga gemar memakai perhiasan untuk kepala seperti klip rambut yang reka bentuk dan warnanya berpadanan dengan pakaian. Tidak ketinggalan, beliau turut memberi perhatian kepada kasut dan beg tangan yang bersesuaian dengan acara yang dihadiri.

Secara keseluruhannya, Siti Hasmah lebih cenderung menampilkan diri secara sederhana tetapi anggun dengan mengenakan pakaian dan perhiasan yang sesuai dengan majlis dan tempat.





Wawasan Dan Wajah

Saya tidak yakin globalisasi akan memberi keuntungan kepada semua negara dalam dunia. Selagi ada negara-negara yang berlagak sombong terhadap negara membangun dan miskin, selagi itulah tidak akan ada keseimbangan, keadilan, dan keamanan – Siti Hasmah, 1998

DALAM siri temu bual dengan Siti Hasmah untuk penulisan biografi ini, beliau telah mengeluarkan beberapa pendapat tentang isu wanita dan isu semasa di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat antarabangsa. Pendapat-pendapat beliau ini sekali lagi menggariskan bahawa beliau bukan sahaja seorang yang berfikiran tajam dan matang, malah mempunyai empati dan kesedaran yang mendalam terhadap perkara-perkara yang berlaku di sekitar beliau. Untuk mendapat gambaran sepintas lalu, berikut diperturunkan beberapa pendapat dan pandangan tersebut secara ringkas.

Harapan dan Wawasan Terhadap Alaf Mendatang

Siti Hasmah berharap agar semua undang-undang yang melindungi wanita dan kanak-kanak dilaksanakan dengan lincin dan sepenuhnya, termasuk yang berkaitan dengan undang-undang syariah.

Beliau juga berharap agar wanita lebih celik dan lengkap dengan pelbagai ilmu yang membolehkan mereka masuk ke alaf baharu dengan penuh keyakinan dan kebolehan. Semoga tidak wujud lagi perbezaan jantina di semua peringkat jawatan, dengan wanita dan lelaki bekerjasama erat.

Selanjutnya harapan beliau ialah agar kanak-kanak, remaja dan belia menolak semua gejala buruk seperti merokok, minum arak, menyalahgunakan dadah, dan buang anak serta sedar bahawa cabaran alaf baharu terletak di atas bahu mereka sendiri. Merekalah yang akan bertanggungjawab untuk menentukan kejayaan dan kebahagiaan negara.

Tentang hak wanita di Malaysia dan di peringkat global, pendapat Siti Hasmah adalah hak-hak itu, pada amnya, perlu sama dan dipertingkatkan.

Isu Dunia Semasa

Siti Hasmah tidak yakin globalisasi akan membawa keuntungan kepada semua negara dalam dunia. Selagi ada negara-negara yang berlagak sombong dan menunjukkan kuasa mereka dengan ugutan atau mengatur serangan senyap melalui cara-cara lain dari peperangan senjata terhadap negara membangun dan miskin, selagi itulah tidak akan ada keseimbangan, keadilan, dan keamanan.

Beliau juga melahirkan rasa bimbang dengan kata dua kuasa-kuasa besar terhadap isu-isu yang melanda negara-negara di Timur Tengah, Bosnia Herzegovina dan negara-negara Islam tertentu. "Kenapakah istilah pengganas hanya dikaitkan dengan umat Islam sahaja?" tanya beliau. "walhal ada juga pengganas di Ireland Utara, di Eropah dan di Amerika Syarikat. Kenapa pengganas-pengganas dari negara-negara Barat ini tidak dipanggil Pengganas Kristian, Katolik dan Protestant, atau sebagainya?"

Siti Hasmah juga berasa geram apabila kuasa-kuasa besar mengenakan tindakan terhadap negara-negara Islam dengan tujuan untuk menjatuhkan pemimpin negara-negara tersebut, tanpa memikirkan kesan buruk yang akan menimpa kaum wanita dan kanak-kanak. Seolah-olah membunuh mereka secara perlahan-lahan itu tidak salah.

Isu Wanita

Taraf dan hak wanita dalam Islam

Mengikut Siti Hasmah, dalam agenda pertubuhan Organisation of Islamic Conference (OIC) terdapat resolusi berkaitan dengan hak wanita, perlindungan mereka dan undang-undang mengenai wanita Islam. Ramai ahli OIC bersetuju bahawa wanita Islam perlu diberi kebebasan atau kelonggaran dalam kehidupan mereka, tetapi ada juga negara-negara yang masih mengenakan tekanan ke atas kaum wanitanya dan tidak bersetuju dengan resolusi ini. Sebaliknya, Iran yang dianggap amat antiwanita, menunjukkan kesediaan untuk memberi kebebasan kepada wanita Iran dalam proses pembangunan negara seperti yang berlaku di Malaysia.

Malangnya, jelas Siti Hasmah lagi, ramai orang luar menganggap dan mengaitkan cara berpakaian dengan kebebasan. Memakai cadur hitam, mantou dan bertudung kepala ialah pakaian tradisional wanita Iran. Sekarang pun, pakaian mantou dan tudung hitam sudah bertukar kepada warna-warna yang lain. Pakaian ini tidak menghalang wanita Iran menjadi intelek dan berkecimpung dalam semua bidang seperti kita di Malaysia – berjawatan dalam politik, menjadi ahli kabinet, aktif dalam perniagaan, sukan, dan lain-lain.

Mengikut Siti Hasmah, wanita di Malaysia bertuah, tetapi beliau berpesan supaya tidak mengambil kesempatan dan menjadi angkuh atau menyalahgunakan kebebasan yang dikecapi kini. Bagi beliau kesederhanaan amatlah baik.

Wanita dan Kerjaya: Keseimbangan

Mengikut Siti Hasmah wanita di Malaysia membuat pilihan sendiri untuk bekerja. Ada juga yang terpaksa bersusah payah untuk mendapat peluang ini, umpamanya pengorbanan ibu bapa bagi membiayai pendidikan hingga mendapat ijazah tinggi. Wanita yang berkelayakan tidak harus melepaskan peluang untuk bekerja dan menyumbang khidmat tenaga kepada negara. Mengikut

Siti Hasmah lagi, dalam negara yang sedang membangun, tenaga wanita yang berkebolehan diperlukan memandangkan hampir separuh jumlah rakyat Malaysia terdiri daripada wanita. Oleh itu, wanita digalakkan bekerja untuk kebaikan diri mereka sendiri, keluarga, dan negara. Sebahagian besar wanita perlu bekerja untuk kepentingan ekonomi keluarga mereka sendiri.

Wanita, Kesihatan dan Peragaan Diri

Siti Hasmah turut memberi pandangan beliau terhadap beberapa aspek teknologi baharu dalam konteks wanita dan kecantikan.

Hormones Replacement Treatment (HRT)

Tentang hal ini, Siti Hasmah berpendapat bahawa wanita yang telah melewati umur 45 tahun dan memasuki alam *menopause* perlu mengambil HRT untuk mengelakkan osteoporosis, penyakit-penyakit kardiovaskular dan gejala *menopause*. Pakar-pakar ginekologi menasihati wanita-wanita yang mendekati atau mengalami *menopause* supaya mengamalkan HRT sekiranya tiada sejarah keluarga yang berpenyakit kanser, dan sekiranya diri sendiri sihat serta disahkan negatif bagi ujian mamografi dan *PAP smear*. Beliau mengingatkan supaya wanita yang mengamalkan HRT perlu mendapat jagaan daripada pakar sakit puan. Ramai wanita yang sudah *menopause* enggan mengamalkan HRT kerana kedatangan haid akan bermula balik, tetapi ada ubat yang tidak membawa kesan sebegini. Bagi wanita Islam yang sudah lama *menopause* dan bebas berpuasa, bersembahyang dan berumrah tanpa haid, akan lebih baik lagi jika mereka mengamalkan jenis ubat HRT yang tidak memulakan haid.

Pembedahan kosmetik

Bagi kanak-kanak dan orang dewasa (lelaki dan perempuan) yang cacat muka atau anggota secara semula jadi atau kerana kecederaan dan lain-lain. Siti Hasmah berpendapat bahawa pembedahan plastik tentu sekali akan mendatangkan kesan, sama ada dari segi fizikal mahupun mental. Bagi wanita yang sengaja melakukan pembedahan untuk membaiki rupa bentuk muka dan badan pula, nasihat beliau ialah supaya berhati-hati. Seringkali didapati pembedahan kosmetik perlu diulangi ataupun hasilnya tidak seperti yang diharapkan, selain risiko atau bahaya yang akan dialami sewaktu pembedahan, dan kesan sampingannya pada masa hadapan.

Rawatan kecantikan

Liposuction, tummy-tacking, face-lift, pada pandangan Siti Hasmah, lebih banyak kesan buruknya daripada yang baik. "Berhati-hatilah semasa makan dan minum. Amalan bersenam dan cara hidup sederhana lebih berfaedah dalam jangka panjang," kata beliau.

Pakaian yang sesuai

Bagi Siti Hasmah pakaian yang selesa amat penting. Pakaian hendaklah sesuai dengan keadaan atau majlis yang akan dihadiri. Pakaian biarlah kemas dan sederhana, sesuai bagi semua jenis majlis.

Siti Hasmah berpegang pada pakaian baju kurung dan kebaya untuk majlis-majlis rasmi. Memakai pakaian Malaysia merupakan peraturan tersedia bagi isteri-isteri pemimpin yang menghadiri majlis rasmi dalam dan luar negara. Batik Malaysia yang berbentuk baju kurung atau kebaya, mengikut beliau, telah dikenali dan dipuji oleh orang asing di mana-mana jua. Pakaian inilah yang digalakkan oleh beliau.

Institusi Perkahwinan

Siti Hasmah berpegang teguh dengan institusi perkahwinan yang sedia ada. Keluarga, mengikut beliau, terdiri daripada ibu bapa yang telah berkahwin secara sah serta anak-anak yang lahir daripada perkahwinan tersebut. Perkahwinan hendaklah dibina atas kasih sayang dan kebahagiaan. Beliau menolak konsep hidup bersama tanpa berkahwin dan kelahiran anak di luar nikah. "Dalam zaman moden ini yang penuh dengan kemajuan dan kecanggihan," kata beliau, "kita harus mara ke hadapan dalam suasana hidup berkeluarga yang aman dan bahagia, dan tidak perlu melangkah ke belakang, ke arah cara hidup yang primitif dan tidak berundang-undang."

Rakan Kongsi dalam Perkahwinan

Siti Hasmah mengingatkan pasangan yang akan mendirikan rumah tangga supaya sedar tentang hakikat ini. Perkahwinan ialah satu perkongsian, dan dalam perkongsian ini perlu pengorbanan.

Pesanan kepada Pasangan yang Baru Berkahwin

Bagi Siti Hasmah, perkahwinan merupakan suatu perkara yang serius dan pasangan perlu menumpukan usaha mereka menegakkan tiang hidup bersama yang kukuh dan kuat berdasarkan kasih sayang, toleransi dan timbang rasa. Keadaan dan jangkauan akan berubah selepas berkahwin. Oleh itu, pasangan perlu sanggup menyesuaikan diri dan mengubah perangai jika tidak disenangi oleh mana-mana pihak. Bertelingkahan kerana perkara remeh-temeh akan berlaku tetapi mereka hendaklah berhati-hati sebelum membuat apa-apa tuduhan terhadap yang lain. "Tidak rugi jika meminta maaf selepas berselisih faham," kata Siti Hasmah. Perasaan cemburu terhadap mana-mana pihak memang sukar dikawal, tetapi jika pasangan berusaha hidup dengan menaruh sepenuh kepercayaan dan jujur, dan disusuli dengan jaminan kasih sayang itu sentiasa ada antara berdua, cemburu tidak akan menjadi masalah besar. Apabila cahaya mata mula tiba, ini akan merapatkan lagi kasih sayang antara suami dengan isteri kerana hasil perkahwinan yang diberkati Allah.

Pesanan kepada Para Ibu Bapa

Kepada ibu bapa Siti Hasmah mengingatkan bahawa bimbingan awal amat penting, iaitu mulai pada umur 3-4 tahun lagi. Lebih rapat hubungan ibu bapa dengan anak-anak, lebih berkesan lagi bimbingan dan didikan yang diberikan kepada mereka. Kesihatan dan hubungan rapat perlu dipupuk supaya anak-anak sentiasa sihat dari segi fizikal dan mental, mengikut Siti Hasmah. Kawalan dan panduan mengenai pergaulan anak-anak remaja haruslah disemai melalui nasihat dan teguran yang tegas dan terus terang. Anak-anak kecil dan remaja yang ingkar perlu diberi penjelasan tentang kesalahan mereka dan harus dihukum. Kata Siti Hasmah lagi, "Pendidikan perlu diutamakan kepada anak-anak tetapi jangan sehingga mendera semata-mata untuk mendesak mereka supaya mencapai tahap kecemerlangan sahaja. Pelajar yang berkelulusan cemerlang tidak semestinya akan berjaya dalam perhubungan sosial dengan orang lain. Pendidikan bagi seseorang anak itu perlu seimbang dan bersifat menyeluruh supaya selepas mendapat pendidikan tinggi, ia boleh menyesuaikan diri dengan semua lapisan masyarakat. Seorang anak yang cerdik, pandai dan sihat dalam pergaulannya dan gaya hidupnya akan menjadi anak yang berjaya kelak. Yang penting, ibu bapa mesti menjadi contoh yang baik kepada anak-anak mereka. Ibu bapa yang sibuk dengan urusan masing-masing, yang boros, yang sering bertelingkah di hadapan keluarga, yang hidup cuma hendak bergaya ialah ibu bapa yang gagal memberi teladan yang baik."

Masalah Masyarakat dan Wanita di Malaysia

Mengikut Siti Hasmah masalah masyarakat berlaku di seluruh dunia. Perbezaan yang ketara terletak pada bagaimana masyarakat menerima dan menanganinya. Masyarakat Malaysia, pada hemat beliau, tidak bersetuju dengan beberapa cara hidup yang diamalkan oleh masyarakat Barat, umpamanya amalan remaja bebas hidup sendiri, duduk berpasangan tanpa berkahwin, menagih dadah, minum minuman keras, dan lain-lain. Banyak antara gejala ini kini sudah menular secara senyap dan terbuka di negara kita, dan oleh itu masyarakat perlu sedar akan akibat buruknya dan bertindak dengan lebih berkesan. "Wanita tidak boleh dipertanggungjawabkan sepenuhnya dalam hal masalah masyarakat," kata Siti Hasmah. Tidak akan berlaku penagihan dadah sekiranya tidak ada dadah yang dibekalkan, dan sebaliknya. Kebanyakan pengedar ialah orang lelaki yang tamak dengan keuntungan tanpa mengira akibat buruk dan bahaya yang akan menimpa para remaja. Tiada gadis dan wanita yang akan sanggup menjual tubuh badan mereka sekiranya tiada pelanggan yang membuat permintaan. Tiada anak yang akan dibuang di merata tempat jika lelaki yang terlibat sanggup bersama-sama bertanggungjawab. Bagi Siti Hasmah perkara moral sebegini seharusnya tidak boleh dipandang sebelah mata. Kenapa kita hanya menyalahkan wanita yang berpakaian menjolok mata jika ada lelaki yang suka melihatnya? Menasihati wanita menutup aurat supaya mengurangkan masalah sosial masyarakat merupakan tindakan yang amat prejudis terhadap kaum wanita.

Wanita dan Ekonomi

Mengenai wanita dan ekonomi, pandangan Siti Hasmah ialah wanita yang mempunyai kemahiran, terutama dari keluarga yang berpendapatan rendah, harus berusaha dalam bidang ekonomi. Mereka patut menjalankan perusahaan sendiri kerana langkah ini boleh memberi keyakinan dan harga diri.

Meredakan Ketegangan

Mengikut Siti Hasmah, dalam mana-mana keluarga mesti ada ketegangan. Apabila ini berlaku, beliau mencadangkan supaya cuba diselesaikan dengan cara mencari punca perselisihan faham. Bagi beliau, membincangkan masalah dengan orang yang boleh dipercayai juga akan membantu meredakan ketegangan.

Penjagaan Orang Tua

Siti Hasmah mempunyai pendirian yang tegas dalam hal ini. "Sesungguhnya kita tidak patut mengabaikan ibu bapa kita apabila mereka sudah berumur," kata beliau. "Bukankah mereka yang membawa kita ke dunia ini, memberi kita makan, asuhan dan didikan, dan menjaga kita pada setiap tahap hidup sehingga kita menjadi manusia dewasa?"

Beliau mengatakan mungkin ada keadaan-keadaan tertentu yang menghindarkan pasangan muda menjaga ibu bapa mereka yang telah tua. Tetapi, ini tidak bererti semua pasangan muda patut mengabaikan ibu bapa mereka sepanjang masa. "Saya juga pernah berpisah dengan orang tua saya, terutama ibu saya setelah bapa saya meninggal," cerita Siti Hasmah. "Tatkala itu saya mengikut suami saya ke Kedah. Tetapi saya mengirim wang tiap-tiap bulan kepada mereka."

Siti Hasmah menganggap anak-anak yang mengabaikan ibu bapa mereka sebagai tidak tahu membalas jasa. Kata beliau, "Mereka tidak semestinya tinggal bersama-sama, dan ada ibu bapa yang tidak mahu duduk di bawah bumbung yang sama dengan anak-anak mereka." Bagi beliau, yang perlu wujud ialah sikap menyayangi ibu bapa, menghargai jasa mereka dan ikatan kekeluargaan. Badan-badan yang ditubuh khas oleh Kerajaan atau badan-badan sukarela boleh membantu, tetapi hanya bagi mereka yang benar-benar kescorangan, yakni tiada berkeluarga. Bagi kes-kes seperti ini pun, Siti Hasmah berpandangan bahawa mereka patut ditempatkan di rumah-rumah yang sehalaman dengan rumah bagi kanak-kanak terbuang dan ibu tunggal. Matlamat utama adalah untuk mewujudkan rasa harga diri serta keyakinan di kalangan golongan yang kurang bermasib baik ini, dan sekaligus membekalkan mereka dengan kasih sayang dan jagaan.



Siti Hasmah menerima anugerah Honorary Fellowship Academy of Family Physicians daripada DYMM Raja Perlis – 1997.

WAJAH



1965



1968



1984

1947



1971

**RUPA DAN GAYA
SEDIH DAN SUKA
DETIK-DETIK PERISTIWA**



1972

1970

1977




1975

WAJAH



1985



1994



1992



1997



1995

**RUPA DAN GAYA
SEDIH DAN SUKA
DETIK-DETIK PERISTIWA**



1985



1982



1989



1994

1997

WAJAH



1977



1976



1994



1981



1986

RUPA DAN GAYA SEDIH DAN SUKA DETIK-DETIK PERISTIWA

1996

9



6



1994



7

1997

1998

1. Riang mesra bersama-sama Toh Puan Suhaila.
2. Memberi ciuman kasih sayang kepada seorang kanak-kanak dari sebuah pusat kanak-kanak spastik di Petaling Jaya, 1976.
3. Bersama-sama Biduanita Negara Allahyarhamah Saloma, 1981.
4. Memeluk seorang bayi yang baru kehilangan bapanya, anggota tentera pengaman Malaysia di Somalia, 1994.
5. Potret berbentuk sulaman cross-stitch dari Korea.
6. Satu babak dalam Tragedi Highland Towers.
7. Menerima anugerah *Fellow of the Royal College of Medicine*, Edinburgh, 1997.
8. Siti Hasmah, Penuang PSWM bersama Rafidah Aziz, Penasihat PSWM, memakai baju merah jambu pada Malam Mekar Dasiswa PSWM, Julai 1996.
9. Memaparkan perawakan yang tenang, tertib, dan penuh perhatian ketika berbuai, Sri Perdana, 1996.
10. Tetap bergaya dan bersedia dengan tudung merah

8

1997

WAJAH



1

1994



1998

3



2

1997



4

1998

RUPA DAN GAYA SEDIH DAN SUKA DETIK-DETIK PERISTIWA



1983

1998

1. Bersama-sama DYMM Raja Permaisuri Agong sempena lawatan rasmi Presiden Turkmenistan pada 31 Mei 1994.
2. Bersama-sama Cheri Blair, isteri Perdana Menteri U.K.
3. Bersama-sama Queen Fabiola dari Belgium, Penaung ISC, Oktober 1998.
4. Bersama-sama Justice Fati Abubakar, Wanita Pertama Nigeria, Oktober 1998.
5. Bersama-sama Queen Elizabeth II sempena Sukan Komonwel Kuala Lumpur, September 1998.
6. Bersama-sama Mrs. Elisabeth Diouf, Wanita Pertama Senegal, Presiden baru ISC, Oktober 1998.
7. Menerima Pingat DSSK daripada DYMM Sultan Kedah.



6 1998





Permata Dalam Dua Laman

**Seperti resmi padi
semakin tunduk semakin berisi**

*K*ISAH hidup Siti Hasmah mencerminkan dua gejala menarik. Pertama kisah-nya menggariskan peralihan dan pembaharuan yang berlaku di kalangan wanita Melayu. Tahun 40-an, 50-an dan selanjutnya menyaksikan pelbagai corak proses pemodenan yang mendorong wanita Melayu melangkah keluar dari belunggu rumah tangga untuk memainkan peranan yang lebih bermakna dalam pembangunan negara dalam pelbagai arena kerjaya yang mencakupi politik, pentadbiran, dan pelbagai profesion. Dalam kes Siti Hasmah, beliau menjadi seorang profesional perubatan dan memanjat setiap anak tangga perkhidmatan kerajaan hinggalah ke tahap Pegawai Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak Negeri Kedah. Beliau, secara pilihan, menamatkan kerjaya pada waktu bertugas di Institut Kesihatan Umum



Anugerah Serikandi Malaysia
daripada Yayasan Wanita Islam
(YATI), 1996.

Memerhatikan
kanak-kanak
istimewa
menganyam
permaidani
semasa lawatan
ke Kuwait
pada April 1997.



(IKU) untuk memberi masa dan tumpuan kepada tugas-tugas rasminya sebagai isteri Perdana Menteri. "Saya tidak berasa kesal kerana menamatkan kerjaya saya. Saya berasa bahawa selaku isteri Perdana Menteri, saya masih lagi boleh memberi khidmat, malah dalam rangka yang lebih luas lagi untuk negara," komen beliau dengan berterus terang.

Pada penghujung kerjayanya, suaminya sudah menjadi Timbalan Perdana Menteri. Kebijaksanaan dan keunggulan Siti Hasmah ketara dilihat dalam cara beliau memainkan keempat-empat peranannya, iaitu sebagai isteri, ibu, doktor perubatan, dan tokoh sosial dan kebajikan, dengan setiap peranan itu dilakukan dengan saksama dan jayanya. Ada masanya keperluan suami, keperluan anak dan kewajipan rumah tangga boleh bertentangan dengan tuntutan kerjaya. Dalam situasi yang sedemikian, Siti Hasmah dihadapi dengan desakan untuk membuat pilihan di antara peranan-peranan ini, iaitu yang mana patut diutamakan atau didahulukan tanpa menyinggung hati dan perasaan pihak yang berkaitan. Menimbang dan mengimbang segala permintaan ke atas masa dan tumpuan perhatiannya telah menjadi 'percaturan' biasa dalam kehidupannya. Ketabahan dan kekuatan yang ada pada dirinya agak luar biasa berbanding dengan wanita-wanita lain yang seangkatannya.

Kedua, kisah hidup Siti Hasmah juga mencerminkan masa peralihan zaman dari pramerdeka ke pascamerdeka yang membawa perubahan dari segi ekonomi, gaya hidup, sistem nilai, pemikiran, dan wawasan setiap individu, khususnya setiap wanita Melayu. Perubahan-perubahan sedemikian memaksa individu itu menukar corak hidup dan mengkaji semula sistem nilai diri dan keluarganya. Siti Hasmah telah melalui dan menangani cabaran-cabaran ini dan berjaya memilih serta mengatur gaya hidup keluarga dalam rangka paradigma gaya hidup yang kian berubah. Dalam era kebebasan wanita, Siti Hasmah turut mengalami makna dan tanggungjawab kebebasan wanita itu sepenuhnya.

Kedua-dua gejala ini telah mencorakkan sistem nilai, falsafah hidup, peranan serta sumbangan Siti Hasmah kepada keluarga, masyarakat dan negara. Siti Hasmah membesar di pangkuan keluarga yang walaupun besar (sepuluh orang adik-beradik) tetapi saling kasih mengasihi. Ibu bapanya telah mengasuh dan mendidiknya dalam suasana penuh mesra tetapi tegas. Dari asuhan awal

inilah Siti Hasmah telah mewarisi dan menjiwai asas nilai dan pendirian hidup yang kukuh. Beliau anak manja tetapi tidak mengada-ngada.

Asuhan awalnya di rumah yang diikuti zaman persekolahannya telah membentuk peribadi dan perwatakan beliau. Nilai kasih sayang serta semangat tanggungjawab yang kental yang telah disemai oleh ibu bapanya telah mencorakkan hubungannya yang erat dengan guru-guru dan teman persekolahannya. Keakraban dan kemesraan ini kekal hingga kini. Petikan surat kepada beliau, di halaman sebelah, daripada salah seorang teman sekolah dengan jelas menggambarkan bagaimana sayangnya Siti Hasmah pada sekolah lamanya, Sekolah St. Mary, dan bagaimana terharunya teman-teman beliau di atas ingatannya.



Menjejak semula ke sekolah kesayangan, Sekolah St. Mary – 1997.

Dear Datin Seri,

... the wonderful way in which you graced the function of the St. Mary's School Speech Day last Saturday, 10 May 1997.

It was so characteristic of you to make the special effort to be present for the last Speech Day in the familiar building and

As you were delivering your speech, recounting memories of your years at school and paying tribute to your parents and teachers, I was reflecting that not a single person at that time, least of all you yourself, was to know the destiny that awaited you. And while you now walk with Kings and Queens, and Presidents and Prime Ministers, as I watched you and listened to you that morning, it was lovely and touching to see how wonderfully you retain the common touch.

I could see, and hear the person I recall from my childhood memories and the common associations we share, and what was beautiful and very moving for me, was to see that this very same person, whose life has been stretched in such an immense and immeasurable way, remains unaffected, unassuming, natural, simple – and just lovely.

Surat mesra ini dikirim kepada Siti Hasmah beberapa hari selepas beliau menghadiri Hari Ucapan Tahunan Sekolah St. Mary yang terakhir di bangunan lamanya. Sekolah ini telah berpindah ke tapak yang baharu di Selayang. Ikatan yang erat antara Siti Hasmah dengan *alma maternya* dapat dilihat melalui sumbang bakti peribadi beliau dalam bentuk biasiswa, hadiah, dan pingat cemerlang kepada beberapa orang murid terbaik di sekolah tersebut tahun demi tahun. Anugerah ini telah diberikannya secara senyap tanpa sebarang penonjolan dalam media.



Tertarik melihat hasil kerja tangan penghuni Rumah Orang-orang Tua Puchong, 1993.

Daripada teman-temannya yang lama kita dapat mengetahui ciri-ciri peribadi beliau yang biasanya berselindung di sebalik tuntutan-tuntutan protokol sebagai isteri perdana. Semasa sekolahnya beliau dikenang sebagai seorang yang periang, yang mudah bergaul dengan rakan-rakan dari pelbagai kaum dan bangsa. Minat beliau yang luas dalam berbagai-bagai bidang termasuk sukan, nyanyian, dan muzik (terutama bermain piano) menjaminkan pendidikan dan pengumpulan pengalaman yang menyeluruh. Tidak hairanlah kalau selaku isteri perdana, Siti Hasmah dapat menceburi aneka corak aktiviti, dari menyumbangkan suara untuk tujuan amal, bermain badminton atau menulis makalah mengenai kesihatan membawa kepada mengurus atau menaungi beberapa pertubuhan isteri dan wanita profesional (BAKTI, PUSPANITA dan PSWM, antara lain), dengan penuh minat dan iltizam tanpa menampakkan jemu atau lesu.

Zaman pendidikannya dalam bidang perubatan di kampus **King Edward VII College of Medicine** di Singapura merupakan babak penentu bagi masa depan Siti Hasmah. Bukan sahaja beliau dapat menceburi bidang idamannya, **perubatan**, yang diharunginya dengan tekun dan tabah walaupun menempuh bermacam-macam rintangan, tetapi di waktu yang sama, di kampus inilah beliau menemui pasangannya hidupnya, Mahathir Mohamad, yang merupakan faktor penentu dalam kehidupannya. Tidak hairanlah jika hingga ke hari ini Siti Hasmah banyak mengimbas kenangan manis hidup di kampus. Mungkin inilah juga yang mendorong beliau dan Mahathir menyertai perjumpaan (*reunion*) dengan rakan-rakan kelas 1947 hampir setiap tahun.

Kerjaya Siti Hasmah dalam bidang perubatan dan kesihatan menarik dari dua segi. Pertama, seperti yang telah ditekankan di bahagian awal biografi ini, Siti Hasmah merupakan wanita Melayu kedua yang menceburi bidang ini. Kedua, kerjayanya istimewa jika ditinjau dari segi latar belakang beliau sebagai seorang gadis yang dibesarkan di kota, di tengah-tengah Kuala Lumpur, tetapi menumpukan hampir keseluruhan kerjayanya di kawasan luar bandar di Kedah. Dari pengakuan beliau sendiri, pengalaman ini telah banyak meningkatkan kesedaran dan keinsafan beliau terhadap keadaan hidup sebenarnya di luar bandar. Dan pengalaman serta kesedaran ini telah membolehkan beliau memainkan peranan serta memberi sumbangan yang lebih bererti dan realistik kemudian hari kepada masyarakat Malaysia dan kepada dunia antarabangsa.



Bergambar bersama-sama
yang tersayang
selepas menerima ijazah
pada Jun 1955.

Beliau menulis artikel untuk seminar dan sebagainya berkenaan pengalaman beliau dalam bidang kesihatan. Antara penulisan beliau ialah *Some Aspects of Traditional Health Attitude and Practices in Rural Areas*, dalam seminar berkenaan peranan pakar dalam menggalakkan ke-

sihatan keluarga dan artikel ini telah dijadikan sumber rujukan dan petikan dalam disertasi Sarjana Kesihatan Umum bertajuk *A Study of Paediatric Outpatients and Inpatients at Sungai Petani District Hospital*. Disertasi ini ditulis oleh Dr. Chelladurai Ebenezer pada 1989.

Pencapaian Siti Hasmah telah dirumuskan dengan jayanya oleh seorang kenalan lama beliau dari kampus King Edward VII College of Medicine, Dr. M. Rajakumar, sewaktu menyampaikan *citation* di majlis anugerah Fellowship of the Academy of Family Physicians of Malaysia pada tahun 1997.

Her career has been one of many firsts. She was one of the first Malay women to enter postwar medical school, graduating in 1955 to achieve a series of firsts in her career. She is President or Patron of a large number of service organisations, and has written extensively on social problems. Even on her own, she would have been a very prominent social activist, perhaps more outspoken than she could be as the wife of the Prime Minister.



CITRA Wanita
Melayu Idaman –
Anggun berpakaian
tradisional
berwarna merah jambu,
satu warna kegemaran
Siti Hasmah.

She has involved herself in every important social issue that faces our people and has become an important voice in international forums on these issues. She has lent her influence and leadership to the advancement of the status of women in Malaysia and globally. She has worked for women's health, for increasing literacy amongst women, and for the strengthening of economic opportunities for women.

She is one of the handful of names that are called upon for global consultation and action. How lucky we are to have someone to



Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, Siti Hasmah turut mengundi – 1982.

project our nation at such high profile at the international level. Yet she has remained patient, considerate, and kind to all those who turn to her for help. Her friendly personality and lovely smiles brighten every gathering, a perfect balance to her husband's rather more severe personality and reluctant smiles. They make the perfect pair.

Peranan beliau sebagai isteri perdana telah banyak dihuraikan. Ada tiga ciri pada Siti Hasmah yang boleh dijadikan teladan isteri yang bijak. Pertama ialah sifat kesederhanaan beliau, sama ada dari segi penampilan diri mahupun dari segi pendirian hidupnya. Walau bagaimana canggih sesuatu majlis, Siti Hasmah tetap dengan baju kurung atau kebaya dan selendangnya yang diadun dengan begitu manis dan anggun sekali. Walau bagaimana tegang sesuatu keadaan, Siti Hasmah sentiasa tenang dalam tegas.

Kedua, seperti yang telah disebutkan dalam Bab 5: Isteri Mithali, beliau berpegang teguh pada prinsip bahawa seseorang isteri tidak wajar menyaingi suaminya, sebaliknya dia patut berusaha menjadi rakan kongsi dan penyokong suami. Beliau sendiri telah menunjukkan teladan dengan berdiri teguh di sisi Mahathir pada saat-saat genting dalam hidup dan kerjaya politik beliau. Ketiga, Siti Hasmah telah berjaya mengimbangkan tanggungjawab mengurus suami, anak-anak dan rumah tangga beliau dan kerjaya beliau (sama ada kerjaya rasmi semasa di bidang perubatan atau 'kerjaya' tidak rasmi sebagai pemimpin masyarakat wanita dalam pelbagai bidang).

Yang sungguh menarik ialah apabila anak-anak, adik-beradik dan sahabat handai beliau ditemu bual mengenai peranan dan pengaruhnya sebagai ibu, hampir semua sekata dan senada mengesahkan pengaruh beliau yang amat berkesan adalah dalam pembentukan peribadi dan nilai hidup anak-anaknya. Nyata benarlah benih yang berasal dari Haji Mohd. Ali dan Hajah Siti Khadijah telah tumbuh subur sampai ke anak cucunya; dan moga-moga menjaral terus sampai ke cicit-piutnya pula.

Majlis
bercukur rambut
yang diadakan
oleh Siti Hasmah
untuk cucu
kesebelas,
di Sri Perdana,
Oktober 1998.



Ciri-ciri keibuan yang mulia serta kepimpinan yang bernilai telah diterapkan ke bidang-bidang lain yang diceburinya, baik di alam pertubuhan wanita, pergerakan sukarela, mahupun di arena sukan. Kepimpinannya yang kreatif dalam BAKTI telah mengangkat pertubuhan itu ke tahap yang amat profesional dan berguna kepada masyarakat. Beliau juga bersungguh-sungguh telah memimpin perjuangan membanteras penyalahgunaan dadah, suatu misi yang kini disusuli oleh anak sulungnya Marina, dalam menangani isu AIDS.

Kepimpinan beliau di peringkat antarabangsa jelas kelihatan apabila beliau dilantik menjadi Presiden pertama bagi **Regional Steering Committee on the Economic Advancement of Rural and Island Women in the Asia Pacific Region (RSC-AP)**, dan pengerusi International Steering Committee bagi penggal 1997-2001. Berikut petikan kata-kata Datin Fauziah Ramly, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, iaitu kementerian yang memberi khidmat sokongan profesional kepada Jawatankuasa ini, *

Datin Seri memberi kepimpinan berinspirasi kepada semua pertubuhan antarabangsa yang diceburinya. Sebagai contoh, perwakilannya telah melantik beliau untuk menyambung kepimpinan beliau selaku pengerusi RSC-AP, yang dianggotai oleh 16 buah negara itu, buat kali kedua, bermula pada September 1998 hingga November 2001. Ini merupakan satu pencapaian luar biasa dan satu penghormatan ke atas kepimpinan Datin Seri yang istimewa.

Keistimewaan ini dapat dilihat dari segi cara dan gaya Datin Seri mengendalikan mesyuarat dan menjalankan urusan pertubuhan. Beliau dapat mencetuskan pemikiran dan perbincangan yang serius dan bernas mengenai isu-isu yang berkaitan. Yang paling mengagumkan ialah gaya beliau mendapatkan persetujuan sebulat suara terhadap isu-isu yang mengandungi pertentangan pendapat daripada negara-negara ahli. Apabila perlu, beliau boleh menjadi amat 'persuasive'. Dengan gaya dan cara yang tidak menyinggung perasaan atau merendahkan pendapat sesiapa dan dengan tanpa disedari, beliau akan berjaya mendapatkan pihak-pihak yang pada awalnya

menentang isu-isu tertentu untuk turut bersetuju. Inilah kepimpinan Datin Seri yang sukar ditandingi oleh Wanita-wanita Pertama lain, ataupun mana-mana pengurus yang lain.

Dalam kepimpinan beliau, keprihatinan terhadap pegawai dan kakitangan yang membantu beliau juga jelas kelihatan. Selepas setiap persidangan atau acara rasmi yang dikendalikan atas nama beliau, Siti Hasmah akan memastikan bahawa beliau akan menemui setiap individu dan memberi ucapan terima kasih, tanpa melupakan sesiapa jua pun. Beliau amat prihatin terhadap keperluan kakitangan yang membantunya. Dalam suatu peristiwa di Iran, pegawai dan staf yang mengiringinya ingin benar hendak keluar sendiri untuk membeli-belah setelah membereskan tugas masing-masing. Tetapi mereka tidak sampai hati meninggalkan Siti Hasmah seorang diri tanpa teman. Bagaimanapun, Siti Hasmah sudah dapat 'membaca' keinginan mereka dan sebelum mereka sempat berkata apa-apa, beliau telah terlebih dahulu mengumumkan bahawa beliau hendak berehat sahaja dan lebih baiklah mereka keluar tanpa beliau. Budi pekerti seperti ini begitu meninggikan maruah beliau di kalangan pembantunya dan menimbulkan kasih hormat kepada beliau.

Bagi urusan-urusan profesional dan rasmi, Siti Hasmah mendapat bantuan daripada sekretariat di Jabatan Perdana Menteri. Beliau dibantu oleh Datin Siti Aishah Ghazali, anak kakaknya, Puan Jameah. Datin Siti Aishah, yang telah bertugas sebagai Setiausaha Sulit Khas selama lapan belas tahun, bertanggungjawab menguruskan segala temu janji, diari dan acara rasmi Siti Hasmah. Ini bukan satu tugas yang ringan memandangkan banyaknya dan pelbagai jemputan yang diterima. Di samping itu, diari Siti Hasmah perlu pula disesuaikan dengan diari Perdana Menteri kerana beliau diperlukan jua menyertai sebahagian acara-acara rasmi Perdana Menteri.

"Datin Seri seorang yang amat teliti dan memberi perhatian kepada setiap *detail*, walaupun kecil. Pada mulanya, beliau mengawasi pelaksanaan semua tugas. Tetapi kini, beliau telah menaruh keyakinan kepada kami setelah kami memahami kehendak-kehendak beliau," Datin Siti Aishah menjelaskan.

Oleh sebab penglibatan rasmi dan profesional Siti Hasmah menjangkau pelbagai isu wanita, kanak-kanak, kesihatan, sukan dan seni, dalam dan luar negeri, beliau memerlukan bantuan sokongan profesional. Ini diperolehnya daripada dua jabatan kerajaan, iaitu Jabatan Perdana Menteri melalui Dr. Nuriyah Hj. Moon dan Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kedua-dua pihak ini memberi khidmat profesional kepada Siti Hasmah dalam menyediakan maklumat dan apa jua persediaan yang diperlukan, terutama yang melibatkan agensi dan pertubuhan antarabangsa.

Apabila direnung kembali kisah hidup Siti Hasmah, jelas kelihatan bahawa peribadi dan perilakunya yang begitu mempesonakan meninggalkan kesan abadi di kalangan orang-orang yang bernasib baik dapat mengenali beliau secara dekat. Sebagai seorang yang berkedudukan tertinggi dalam masyarakat, beliau sentiasa memperlihatkan perilaku dan budi pekerti yang mendorong sesiapa untuk mencontohinya. Sifat baik budi yang sedarah daging dengannya tertonjol secara spontan. Sama ada berkedudukan tinggi atau rendah dalam masyarakat, seseorang itu dilayannya dengan keramahan dan kemesraan yang sama.



Bersama-sama bergotong-royong membersihkan kawasan semasa suatu kempen kebersihan pada Oktober 1983.



Bersama ahli-ahli BAKTI melawat pesakit.

Siti Hasmah mempunyai kebolehan luar biasa dalam mengatasi suasana tegang. Contohnya seperti yang berlaku selepas satu acara rasmi apabila kalung labuh mutiara yang dipakainya telah tersangkut di baju lalu terputus, dan bertaburanlah butir-butir mutiara yang mahal dan indah jatuh ke lantai. Tuan rumah bergegas mengutip butir-butir mutiara itu dan menyerahkannya kembali kepada beliau. Dengan senyum manis kepada tuan rumah dan tetamu-tetamu lain yang berada di sekeliling, beliau memegang tangan tuan rumah sambil berkata, "Nah Prof. Mazlan, simpan sebutir *for good luck!*"

Orang yang biasa berdamping rapat dengan Siti Hasmah menyifatkannya sebagai 'pendengar yang baik'. Menurut mereka, Siti Hasmah bersedia meluangkan masa untuk mendengar dengan teliti satu persatu perkara yang dikemukakan kepadanya. "Kita boleh memberi alasan-alasan tertentu bagi sesuatu perkara dan jikalau alasan-alasan itu munasabah dan dapat diterima, Datin Seri bersedia mengubah fikiran dan tanggapan beliau terhadap perkara berkenaan. Hati dan fikirannya terbuka," jelas Datin Noorhayati, bekas Setiausaha Agung BAKTI dan isteri bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Raja Ariffin.



Orang yang sudah berkenalan lama dengan beliau mendapati Siti Hasmah mempunyai *sense of humour* yang tersendiri. Penulis pernah mengekori beliau di beberapa majlis rasmi untuk mengambil gambar beliau dalam pelbagai gaya dan lagak. Sambil tersenyum, Siti Hasmah akan berkata kepada orang-orang di sekelilingnya "Ah, *my paparazzi* sudah datang!"

Apabila berbual, beliau akan menyelamkan cerita-ceritanya dengan hal-hal lucu berkenaan dirinya sendiri dan turut ketawa kecil. "*She giggles,*" kata kawan-kawannya.

Siti Hasmah mempunyai *sense of humor* yang tersendiri.

Buku nota peribadinya bertaburan dengan komen-komen lucu yang kebanyakannya bersifat jena-ka mengenai dirinya sendiri. Beliau boleh melihat sesuatu yang menggelikan hati walaupun dalam situasi yang serius. Sebagai seorang yang periang, *outgoing*, suka menyanyi, suka akan muzik, dan saling bersenda gurau dengan sahabat karib dan keluarga rapatnya, Siti Hasmah memberikan latar belakang yang ceria kepada suaminya yang selalu kelihatan serius dan terkatup mulut.

Buku nota ini juga dipenuhi dengan catatan berkenaan perkara dan tugas yang hendak dilakukannya, seperti satu 'pelan tindakan' peringatan diri untuk lawatan yang akan dilakukannya dan pelbagai perkara lain. Tidak ketinggalan juga komen-komen beliau tentang individu yang dijumpainya dalam peristiwa yang berlaku. "Suatu hari elok kita curi buku nota itu. Dia buat nota di mana-mana sahaja, entah apa yang ditulisnya!" kata salah seorang daripada adik-beradik Siti Hasmah dengan gelak ketawa.

Melalui Biografi Siti Hasmah tercermin juga kisah hidup wanita Melayu yang seangkatan dengan beliau. Siti Hasmah dan ramai wanita Melayu lain yang membesar dalam tahun 30-an, 40-an dan



Apakah agaknya yang
menggelikan hati Siti Hasmah?

dekad-dekad berikutnya diasuh dengan asas-asas keislaman dan budaya Melayu yang kukuh dan kemudian menjalani hidup dalam situasi moden yang penuh dengan dugaan dan cabaran. Dalam kes Siti Hasmah, dapat kita saksikan bagaimana beliau mengemudikan hidupnya setelah tamat pendidikan tingginya di peringkat universiti. Beliau menceburi bidang kerja profesional perubatan sambil memikul tanggungjawab *public life* tanpa mengorbankan peranan dan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu yang penyayang tetapi tegas. Tanpa berlagak agresif dan memburu kejayaan, beliau bersahaja sampai ke mercu kejayaan dalam hidupnya. Bak kata William Shakespeare dalam *Twelfth Night* [II. v. (158)],

*Be not afraid of greatness
Some men are born great
Some achieve greatness
Some have greatness thrust upon them*



Permata
penyeri dua zaman

Kerjaya profesional Siti Hasmah yang telah bermula dengan penuh potensi telah secara rela ditamatkan 23 tahun kemudian, apabila suaminya dinaikkan taraf menjadi Timbalan Perdana Menteri. Tetapi 'kerjaya' beliau sebagai isteri perdana, ibu, nenek, pemimpin wanita, pencinta sukan dan seni, antara lain, terus berkembang mekar.

Permata yang telah menyinari dan menyerikan dua zaman ini masih bersinar, malahan bersinar dengan lebih terang dan lebih bertenaga walaupun sudah jauh perjalanan hidupnya.



Sempena temu bual pertama antara penghasil biografi dengan Siti Hasmah, 21 Februari 1997.
Berdiri dari kiri ke kanan: Normah, Farida, Asiah, Hanizon, Nik Safiah, Rokiah, Azizah, Siew Mun.

ANUGERAH DAN PENGHORMATAN YANG DITERIMA OLEH SITI HASMAH

Kurniaan Persekutuan dan Negeri

No.	Negeri	Kurniaan dan gelaran
1.	Kedah	Pingat Perkhidmatan Cemerlang Negeri Kedah (P.C.K.) – 1964
2.	Kedah	Setia Mahkota Kedah (S.M.K) – 1971
3.	Persekutuan	Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) – 1975
4.	Selangor	Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.): 'Datin Paduka' – 1983
5.	Selangor	Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S): 'Datuk Paduka' – 1984
6.	Kedah	Darjah Seri Setia DiRaja Kedah (D.S.S.K.): 'Datuk Seri' – 1983
7.	Sabah	Seri Panglima Darjah Kinabalu (S.P.D.K.): 'Datuk Seri Panglima' – 1994
8.	Sarawak	Datuk Amar Bintang Kenyalang (D.A.): 'Datuk Amar' – 1995

Anugerah Asing dan Akademik

1.	Hawaii, U.S.A.	Kazue McLaren Leadership Achievement Award, Asia-Pacific Academic Consortium for Public Health – 1988
2.	Ireland	Doktor Kehormat Kesihatan Awam daripada The Royal College of Physicians, Ireland – 1992
3.	Indiana, U.S.A.	Doktor Kehormat Persuratan daripada University of Indiana, Bloomington – 1994

4. Victoria, Canada Doktor Kehormat Perundangan daripada University of Victoria, British Columbia, Canada – 1994
5. Victoria, Canada Dilantik Patron, University of Victoria Canada (Honorary) oleh Presiden University of Victoria – 1996
6. Edinburgh, U.K. Fellow of the Royal College of Medicine, Edinburgh – 1997

Anugerah Profesional/Akademik

1. U.K.M. Doktor Kehormat Sains Perubatan – 1991
2. A.M.M. Ahli Kehormat Akademi Perubatan Malaysia – 1992
3. U.M. Doktor Kehormat Pendidikan – 1995
4. W.I.M. First Honorary Life Membership Award oleh Women's Institute of Management – 1996
5. M.P.A. 'Distinguished Paediatrics and Child Health Merit Award' oleh Malaysian Paediatric Association – 1996
6. M.I.D. Honorary Fellow oleh Malaysian Institute of Directors – 1996
7. Academy of Family Physicians Honorary Fellowship di atas sumbangan perkhidmatan kesihatan yang cemerlang kepada pertubuhan – 1997

Anugerah Perkhidmatan Sosial

1. Sekolah Sri Chempaka Ibu Penyayang Malaysia oleh Sekolah Sri Chempaka, Kuala Lumpur – 1991
2. B.A.M. Ibu Badminton oleh Persatuan Badminton Malaysia – 1992
3. Rotary Paul Harris Fellow Award daripada Rotary International – 1993

4. LPPKN First MAMANEH Safe Motherhood Award daripada Malaysian Mother and Neonatal Health Association – 1993
5. UNIFEM Anugerah Unifem (United Nation's Fund for Development and Advancement of Women), Beijing – 1995
6. PPPM Anugerah Bintang Kehormat daripada Persatuan Pandu Puteri Malaysia – 1995
7. YATI Anugerah Serikandi Malaysia oleh Yayasan Wanita Islam – 1996
8. NCWO Anugerah Pingat Emas Tun Fatimah – 1985

Aktiviti-aktiviti Pertubuhan

1. Pengerusi Lembaga Kebajikan Perempuan Islam, Kedah – 1961
2. Naib Presiden Persatuan Pandu Puteri Kedah – 1962
3. Pengerusi Persatuan Perancang Keluarga, Kedah – 1962–71
4. Ahli Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan – 1966–69
5. Naib Presiden Federation of Family Planning Associations, Kuala Lumpur – 1963–69
6. Ahli Seumur Hidup Lembaga Kebajikan Perempuan Islam, Malaysia
7. Naib Presiden Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri (BAKTI), Kuala Lumpur – 1977
8. Naib Presiden Persatuan bagi Orang-orang Buta Malaysia – 1976–79

9. Presiden Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat, Selangor dan Wilayah Persekutuan – 1976–80
10. Penaung Puteri Islam Malaysia – 1975–95
11. Ahli Seumur Hidup Women's Institute, Malaysia – 1971
12. Presiden BAKTI – 1981
13. Presiden Persatuan Pandu Puteri Malaysia – 1981
14. Penaung Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat, Selangor dan Wilayah Persekutuan – 1982
15. Penaung Yayasan Paediatric Malaysia
16. Pengerusi KARYANEKA
17. Penaung Persatuan Siswazah Wanita Malaysia
18. Penaung MAMANEH (Malaysian Association of Maternal and Neonatal Health) – 1992
19. Penaung National Thalassaemia Association
20. Penaung Persatuan Bola Jaring Wilayah Persekutuan
21. Penaung Pan-Pacific and South East Asia Women's Association (PPSEAWA) Malaysia – 1985
22. C.G.I. Inaugural Conference of First Ladies on Economic Advancement of Rural Women in Geneva undangan oleh Queen Fabiola dari Belgium – 1992
23. BAM Ibu Badminton oleh Persatuan Badminton Malaysia – 1992
24. Ahli ISC Menghadiri mesyuarat pertama ISC sebagai ahli bagi rantau Asia-Pasifik di Brussels – 1994

- | | | |
|-----|-----------|--|
| 25. | Presiden | Dilantik sebagai Presiden ISC semasa mesyuarat kedua di Amman, Jordan – 1996–1998 |
| 26. | Pengerusi | Regional Steering Committee for Asia-Pacific Region di mesyuarat penubuhan di Beijing – 1995 |
| 27. | Penaung | Persatuan Badminton Malaysia (BAM) – 1994 |
| 28. | Penaung | Yayasan Akademi Badminton (YBM) – 1994 |
| 29. | Penaung | Wheelchair Tennis Malaysia – 1997 |
| 30. | Pingat | PPSEAWA – 1997 |
| 31. | Penaung | Malaysian Youth Orchestra Foundation (MYOF) – 1997 |
| 32. | Penaung | Orkestra Filharmonik Petronas Malaysia – 1997 |

AKRONIM

A.M.M.	Academy of Medicine Malaysia
ISC	International Steering Committee on Economic Advancement of Rural Women
KARYANEKA	Pusat Pemasaran Kraftangan
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
NCWO	National Council of Women's Organisations Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya

BIBLIOGRAFI

Buku

- Adshead, Robin, 1989. *Mahathir of Malaysia: Statesman and Leader*. Kuala Lumpur: Hibiscus Publication.
- Morais, J. Victor, 1982. *Mahathir A Profile In Courage*. Kuala Lumpur: Eastern Universities Press (M) Sdn Bhd.
- Rehman Rashid, 1993. *A Malaysian Journey*. Kuala Lumpur: Rehman Rashid.
- Siti Hasmah Mohd Ali, 1985. *Wanita, Adat, dan Kesihatan*, Jilid I dan II, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainuddin Maidin, 1994. *Mahathir Di Sebalik Tabir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.

Majalah, buku kecil, dll

- Journal One, Mei 1997. Nagamedia Sdn Bhd
- New Sunday Times, Mac 21, 1976. *The Doctor Behind Mahathir's Success*
- Persatuan Siswazah Wanita Malaysia, 1981. *Undang-undang dan Wanita*, buku edaran sempena Siri Ceramah Tahunan Datin Seri Dr. Siti Hasmah
- Pelita BAKTI, Jilid 15 – 1997/1998 majalah BAKTI
- THE STAR, Mac 4 & 5, 1996. Section 2
- Utusan Malaysia, Julai 16, 1996. *Keluaran Khas*
- Keratan-keratan akhbar*
- Surat Datin Paduka Marina Mahathir kepada *International Herald Tribune*
- Teks ucapan penerimaan *Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan* daripada Universiti Malaya, 1995

LAMPIRAN I

LAGU-LAGU KESUKAAN PENUNTUT-PENUNTUT KING EDWARD VII COLLEGE OF MEDICINE

LECTURE TIME AT COLLEGE

*It's time enough to end this dreary yawning
Dissecting head and neck throughout the morning
Let's say "Me got no worry, me no care"
So out and pull and tear till nothing's there
Then to the lecture hall all in a daze
The Prof. will be averse to all our ways
So let us find someone to sit beside
And then perhaps we'll keep awake for pride*

Mr. Student:

*When it's lecture time at College
I will come and sit by you
Little would-be lady-doctor
With your smiling eyes so true
Once again I'll serenade you
With my Gray's Anatomy
When it's lecture time at College
Won't you come and sit by me*

Miss Student:

*I confess it's all a surprise
That you deign to sit by me
Who am I but a total stranger
To your wiles and subtlety
But I fear that it may not be
For the Prof. might throw a fit
If instead of anatomy
You indulged in college wit*

SING SONG IN SING SING

*Now once a week the convicts at the jail house have some fun
They hold a little sing song when the toil of day is done
They all forget their sorrows when they sing in harmony
The warden says "Be happy boys, it's quite OK by me"*

*Chorus: That's the song we sing at the sing song in sing-sing
That's the song we sing at the sing song in sing-sing
Oh we wish that we were sparrows, so we could fly away
That's the song we sing at the sing song in sing-sing*

*Now Kim Kam Poop the Chinaman was convict 49
He gave a smoking party at the Singapore Sepoy Lines
The cops were not invited, but they turned up so it seems
And find the gosh-darn party in a land of happy dreams*

*Now Microbe Cheng Kooi was the headman in a little bank
A very worthy citizen who never smoked or drank
They put him in the cook-house where he serves as sort of cook
For the bank was like a restaurant the way he cooked the books*

*Now Beefsteak Pete the butcher is as lonely as can be
They put him right in Changi where he's filled with misery
They call him Pete the Butcher 'cause he slaughtered 20 cops
And he told the Judge, "I'd like to trim your mutton-chops"*

*Now Convict Number 45 is Mr J.J. Nut
But very soon poor J.J. will be laid beneath a plot
He used to be a barber and was good at shaving hair
But one day someone lost his head while sitting in his chair*

*Now Ariffin dat pelow was a handsome dashing sheik
But when it came to ladies he was very very weak
They put him in the jail-house where he's never been before
They counted up his wives and found that he had forty-four*

*Now Sibn Tarzan Soon Kai was a man beyond compare
And everybody thought that Tarzan was a millionaire
He lived like a lord but he has got it in the neck
He's in jail for autographing someone else's cheque*

*Now convict Number 88 is named Tanam Padi
A harmless country goofus who was caught susah jadi
He thought he'd please the Kedah folk if he set the town alight
He nearly blew up KL with a can of dynamite*

LAMPIRAN II

JUMLAH PELAJAR, UNIVERSITI MALAYA SESI 1949/50

JUMLAH PELAJAR

	Lelaki	Wanita	Jumlah
Sastera	122	46	168
Sains	67	15	82
Perubatan	264	46	310
Pergigian	78	7	85
Jumlah	531	114	645

AGIHAN MENGIKUT RAS

	Sastera		Sains		Perubatan		Pergigian		Jumlah		Jumlah besar Lelaki & Wanita
	L	W	L	W	L	W	L	W	L	W	
Cina	56	32	41	12	165	30	65	6	327	80	407
Melayu	33	1	-	-	27	2	3	-	63	3	66
India	15	5	13	1	22	7	3	1	53	14	67
Sri Lanka	9	3	11	1	40	5	5	-	65	9	74
Nasrani	9	3	2	-	7	2	2	-	20	5	25
Lain-lain	-	2	-	1	3	-	-	-	3	3	6
Jumlah	122	46	67	15	264	46	78	7	528	114	645

Sumber: The University of Malaya Report 1949-50

LAMPIRAN III

SUKATAN PELAJARAN KURSUS PERUBATAN SESI 1954/55

Sebanyak 25 mata pelajaran ditawarkan dalam jangka masa enam tahun oleh 18 buah jabatan. Dalam masa tersebut, beberapa pindaan telah dibuat untuk meningkatkan mutu pendidikan. Berikut ialah sukatan pelajaran kursus perubatan pada tahun akhir pengajian Siti Hasmah.

Preliminary Examination

1. Physics
2. Chemistry
3. Botany
4. Zoology

First Professional Examination

5. Anatomy including Histology
6. Physiology
7. Biochemistry

Second Professional Examination

- Part I

8. Materia Medica and Pharmacy

Second Professional Examination

- Part II

9. Bacteriology
10. Pathology
11. Parasitology

Third or Final Professional Examination

12. Social Medicine and Public Health
13. Medical Jurisprudence
14. Medicine
15. Surgery
16. Obstetrics and Gynaecology
17. Radiology (Elementary)
18. Paediatrics
19. Anaesthesia
20. Veneral Diseases
21. Otorhinolaryncology
22. Ophthalmology
23. Psychological Medicine
(at Singapore Mental Hospital)
24. Infectious Diseases
(at Middleton Hospital)
25. Dermatology (at General Hospital)

SEHALAMAN KENYATAAN PERKHIDMATAN SITI HASMAH

KERAJAAN NEGERI KEDAH

KENYATAAN PERKHIDMATAN

NAMA PEJAWAT Mrs. Siti Hasmah binti Ali No. KAD PENGENALAN UMOR
 JAWATAN SEKARANG Peny. Alor Star 22/9/1966
 TARIKH MULA MEMBANG JAWATAN 22/9/1955 22/9/1956

Kebudayaan	Jawatan	Bergantung, Tiada Bergantung atau Di-Peruntukan Tertentu	Tarikh Memegang Jawatan	Nilai	Keputusan
				Rupee	
				5 sen	
				401 00	Paid from Federal Funds.
Med/161/1957 Med. 100/100 Health 12/55 Health 282/55	Exam. Hosp., Gen. Hosp. S.M.	Non-Dep.	1.9.55		Completed Housemanship on 31.7.56 vide Med/Vol. 1207.
			1.10.1956	750 00	Appointed on north-to-south basis as she was married on 3.8.56.
Med/411/52/54 Med/432041/78 Health/950/55 Med.Govt.Gen. 23 Vol. II 4/8 10.10.56	Temp. Lady Medical Officer, Gen. Hosp. Alor Star.		1.10.56	750 00	On 5 years contract salary scaled 750/- to 875/- commencing at the rate of 492/- for every 3 completed months' service.
Health/950/55/44 Med/4120/55/56 P/2765 Med. Govt. Gen. 27 Vol. II 4/8 18.12.56	Lady Medical Officer, Gen. Hosp. Alor Star.		1.10.1957	764 00	
Increment	- do -		1.1.1958	764 00	Appointed as Member of the Board of Governors of the Sultanah Alma Primary School, Alor Star.
Med/114/55/57 Med/114/456/77 411	- do -		1.10.1958	790 00	
Increment	- do -		1.10.1959	832 00	Gratuity paid in respect of 33,9.59 net of 44,692 only.
Med/112/56(38) Med. (29) in Health 957/55, P.M.V. 4808	Lady Gen. Hosp. Alor Star.		1.10.1959	832 00	On 3 yrs contract w.e.f. 1.10.1959 basic salary is as follows:- 1.10.59 = 832/- 1.10.60 = 866/- 1.10.61 = 900/- Granted a gratuity of 4,092/- in respect of contract service from 1.10.56 to 30.9.59.
Med/108/56(51) (65) in Health 391/55					

Siti Hasmah
Ketua Jabatan
Kesehatan
Kedah

11 JAN 1969

LAMPIRAN V a

UCAPAN RASMI SITI HASMAH

UCAPAN KONVOKESYEN DI UNIVERSITI MALAYA

DIPIDATOKAN OLEH

Y.A.BHG. DATIN SERI DR. SITI HASMAH BT. HJ. MOHD. ALI

JUMAAT 18 OGOS 1995

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir rahmanir rahim.

Syukur alhamdulillah kerana dengan berkat dan izin Allah Subhanahu wa Ta'ala dapat kita bersama-sama hadir di majlis pada hari ini. Saya berasa amat gembira dan terharu di atas penganugerahan yang diberikan oleh Universiti Malaya kepada saya. Saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Hampir 47 tahun dahulu seorang penulis telah menyuarakan kebimbangan beliau dalam sebuah surat khabar mengenai sikap orang Melayu terhadap pendidikan tinggi di negara ini. Menurut beliau di Negeri Perak ketika itu, antara kira-kira 17,000 anak Melayu yang bersekolah, kurang daripada 100 menghadiri sekolah Inggeris. Mungkin ketika itu, sekolah Inggeris terdapat di bandar-bandar sahaja dan dengan itu orang kampung tidak mampu menghantar anak mereka ke '*boarding school*'. Tetapi lebih mendalam lagi implikasi daripada pemerhatian ini ialah sikap orang Melayu terhadap pendidikan Inggeris dan ketiadaan keyakinan terhadap kebolehan anak-anak mereka mencapai sesuatu.

Masalah bagi anak-anak perempuan pula lebih teruk, kata penulis itu lagi. Sebelum Perang Dunia, bilangan anak-anak perempuan Melayu di sekolah-sekolah Inggeris cuma segelintir sahaja. Di Sekolah St. Mary, di dalam sesuatu kelas, cuma terdapat dua atau tiga orang sahaja anak Melayu daripada sejumlah antara 15 hingga 20 murid. Lebih tinggi darjahnya, semakin berkuranganlah anak-anak Melayu. Ibu bapa Melayu ketika itu

takut untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris kerana bimbang anak-anak mereka akan menjadi Kristian. Lagipun, mereka beranggapan bahawa tempat yang sebenar bagi anak perempuan ialah di dapur. Oleh yang demikian, bukan sahaja pendidikan Inggeris tidak diberi kepada anak-anak perempuan, bahkan mereka juga tidak digalakkan belajar bahasa mereka sendiri. Di Negeri Kedah, pada masa itu terdapat cuma lima sekolah perempuan sahaja dibandingkan dengan 87 sekolah lelaki.

Selepas perang, banyak sekolah lelaki dibuka kepada murid-murid perempuan tetapi bilangan mereka masih kecil. Di seluruh negara, khasnya di luar bandar, diwujudkan 'Sekolah-sekolah Menyesal' untuk kaum ibu yang menyesal tidak pergi ke sekolah. Sekolah-sekolah ini dianjurkan oleh Perkumpulan Perempuan yang lebih terkenal dengan panggilan W.I. Dengan cara ini, pandangan kaum ibu mula terbuka luas sedikit kepada keadaan sekeliling mereka.

Kekurangan peluang bagi anak-anak Melayu bersekolah Inggeris, kekurangan galakan ibu bapa kepada anak-anak mereka untuk bersekolah dan sikap serta kesangsian terhadap pendidikan Barat merupakan antara faktor utama yang mempengaruhi orang Melayu bersikap dingin terhadap kewujudan Universiti Malaya pada tahun 1959. Kebimbangan penulis tersebut munasabah jika dilihat daripada bilangan anak-anak Melayu yang lulus daripada Sekolah Menengah dan layak ke peringkat pengajian tinggi. Biasiswa banyak, tetapi tiada pemohon, sehinggalah negeri-negeri yang mengeluarkan biasiswa mencari-cari calon mereka yang layak dan juga yang tidak begitu layak untuk dihantar ke universiti-universiti dan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain.

Saya dirahmati Allah Subhanahuwa Ta'ala dengan mempunyai ibu bapa dan nenek yang berpandangan luas dan keluarga yang menjadi penyokong kuat.

Ayah saya lulus sehabis tinggi Darjah Tujuh dalam persekolahannya, dan mula bertugas sebagai seorang Kerani di Pejabat Kesihatan di Klang. Ketika berpindah ke Kuala Lumpur, ayah saya telah merancang mempelajari undang-undang melalui Pitman's College Correspondence Course dan berjaya tanpa keluar ke mana-mana. Ketabahan, keazaman dan ketekunan hati untuk belajar dan mencapai sesuatu yang tinggi membolehkan ayah saya meningkat dalam jawatannya daripada seorang Kerani biasa kepada

Pegawai Mahkamah Majistret dan akhir sekali sebagai *Official Assignee* dan *Public Trustee*. Selepas bersara, beliau dipanggil semula untuk berkhidmat sebagai Penasihat Undang-undang Negeri Terengganu, Presiden Hal Ehwal Agama Islam Negeri Selangor dan akhirnya sebagai Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Umum Bahagian Sabah hingga akhir hayat beliau.

Saya menceritakan hal ayah saya ini kerana sikap beliau terhadap pendidikan dan pencapaian tinggi yang diturunkan kepada anak-anaknya. Tidak ada diskriminasi antara anak lelaki dan anak perempuannya. Beliau telah membahagi-bahagikan giliran menghantar abang-abang saya ke Sekolah Victoria Institution dan saya tiga beradik perempuan ke Sekolah St. Mary pada waktu pagi, ke Kelas Agama di rumah Tok Imam Haji Sulaiman, Kampung Baru, di waktu petang dan pada hari Sabtu dan Ahad ke sekolah Perempuan Melayu Kampung Baru untuk belajar bahasa Melayu dan Jawi. Di Sekolah Inggeris, saya terpaksa berkongsi buku teks dengan kakak saya yang sama kelas. Ketika di Sekolah Melayu dari Darjah I hingga III kami menggunakan papan batu dan kalam. Apabila tumpul, kami berlari ke tepi longkang sekolah untuk mengasah kalam supaya tajam. Apabila tersalah tulis di atas papan batu, ianya dipadamkan sahaja dengan tapak tangan atau dengan sedikit air liur. Mudah sahaja! Dengan cara itu dapat saya belajar membaca jawi dan menulis jawi. Faedahnya terbukti apabila saya berada di Singapura dan terpaksa menulis surat kepada ibu saya dalam tulisan yang boleh dia hanya faham, iaitu jawi. Selain pendidikan membaca, murid-murid Sekolah Melayu bertanggungjawab membersihkan sekolah. Kami menyapu longkang dan taman, membersihkan tandas dan bilik darjah sebelum masuk kelas. Dengan menentukan adanya disiplin di sekolah dan dalam rumah dan mengutamakan pendidikan asas dan agama, ayah saya telah merancang masa hadapan anak-anaknya. Syukur alhamdulillah!

Ibu dan nenek saya adalah pendorong dan penjaga yang kuat. Belajar hingga jauh malam ditemani oleh ibu hingga disuruh tidur. Sepuluh anak dibelai dengan penuh kasih sayang dan disediakan makan minum dan pakaian yang cukup. Kepentingan dirinya diketepikan. Kekurangan pendidikan dirinya sendiri tidak menghalang ibu saya menggalakkan anak-anak perempuannya mencari ilmu di sekolah. Tidak ada perasaan bim-bang, kolot atau sangsi seperti yang disebut awal-awal tadi.

Begitu juga nenek saya. Berasal dari Sumatera, Siti Naemah bt Sutan Baginda Perang, menentukan dengan caranya yang tersendiri bila cucu-cucunya perlu didisiplinkan oleh ayah dan emak. Beliau 'bodyguard' kami dalam 'literal sense'. Siapa pun tidak boleh memukul kami tanpa memukul badan nenek dahulu kerana beliau akan memeluk sekuat-kuatnya badan cucunya yang hendak dipukul. Tetapi, beliau yang menggalakkan cucu-cucunya bersekolah, bermain muzik dan sesama duduk melihat kami belajar.

Pada Oktober tahun 1947, 65 siswa-siswi melaporkan diri di King Edward VII College of Medicine di Singapura. Ini adalah kumpulan yang kedua selepas tamat Perang Dunia Kedua. Antaranya ialah tujuh anak Melayu dari Tanah Melayu. Sepertimana yang disuarakan oleh penulis yang saya sebutkan tadi, dengan kurangnya anak-anak Melayu layak ke Sekolah-sekolah Menengah Inggeris, maka kuranglah calon-calon Melayu layak ke institusi-institusi pengajian tinggi. Sementara rakan-rakan saya lengkap dengan mata pelajaran Physics, Chemistry, dan Biology, saya telah pergi dengan Biology sahaja kerana Pudu English School (P.E.S.) tiada Kelas Sains.

Tiga bulan selepas masuk ke kolej, perasaan perit belajar terasa. Seorang siswi yang di-sanjung tinggi, Salmah Ismail, telah lulus sebagai Doktor Wanita Melayu yang pertama dalam negara dari Kolej Perubatan King Edward VII dan meninggalkan Singapura pergi ke Kedah. Pada tahun 1955, lapan tahun selepas Dr. Salmah lulus, barulah lulus seorang lagi wanita Melayu kali ini dari Fakulti Perubatan Universiti Malaya Singapura, diikuti dengan Dr. Norlaily Abu Bakar pada tahun 1966. Tiga doktor wanita Melayu dalam tempoh 19 tahun! Bagi lelaki pula, prestasi mereka lebih baik sedikit daripada wanita tetapi apa yang nyata sekali ialah pendidikan bagi anak-anak Melayu ketika itu penting sekali dikaji dan diberi keistimewaan. Selagi rancangan pendidikan yang komprehensif khas bagi anak-anak Melayu tidak dilancarkan oleh Kerajaan dan selagi orang kampung tidak sedar dan menerima hakikat bahawa melalui pendidikan sahajalah anak-anak dan bangsa mereka akan terselamat, selagi itulah kebimbangan orang Melayu terhadap kebaikan dan faedah Universiti Malaya menjadi benar.

Syukur alhamdulillah, parti politik Melayu dan orang perseorangan telah mendesak Kerajaan supaya merancang sesuatu untuk memperbetulkan keadaan yang tidak seimbang dalam pendidikan anak-anak Melayu selaras dengan dasar-dasar dan undang-undang mengenai pendidikan.

Apabila pengambilan siswa-siswi di Universiti Malaya, Kuala Lumpur bermula, terdapat bilangan anak-anak Melayu bertambah, sungguhpun perlahan-lahan tetapi mantap. Ramai yang dihantar ke luar negeri untuk belajar berbagai-bagai bidang ilmu dan anak perempuan dan wanita tidak lagi didiskriminasikan daripada memasuki sekolah ataupun mengikuti bidang-bidang ilmiah yang diminati. Peningkatan penuntut-penuntut wanita atau mahasiswi antara tahun 1970 hingga 1982 adalah sebanyak 300 peratus.

Taraf pendidikan dan peluang-peluang latihan yang semakin meningkat telah menjadikan wanita sebagai penyumbang penting kepada pembangunan negara. Rancangan-rancangan pembangunan sosioekonomi negara sejak Rancangan Malaysia Pertama hingga kini telah memberi tumpuan khusus kepada bidang pendidikan. Sekolah-sekolah dibina di bandar dan luar bandar, kanak-kanak miskin dari kawasan pedalaman dan yang kurang bernasib baik diberi peluang ke sekolah asrama dan diberi bantuan makanan, buku teks, pakaian seragam, dan sebagainya. Kemudahan politeknik dan vokasional disediakan untuk pendidikan kemahiran teknikal.

Kini kita berbangga mempunyai lapan buah universiti tempatan. Kewujudan kolej-kolej swasta dan universiti-universiti di Malaysia membuktikan keprihatinan dan pengiktirafan bidang pendidikan oleh Kerajaan. Kini hampir 100 peratus kanak-kanak memasuki sekolah rendah. Wanita telah menunjukkan kejayaan yang cemerlang dengan peratusan tinggi wanita di institusi-institusi pengajian tinggi. Kesan ini dilihat dengan bertambahnya wanita memegang jawatan tinggi dalam Kumpulan Profesional dan Pengurusan. Saya berasa kagum dan bangga menyaksikan pada tahun 1991, bilangan siswi Melayu berduyun-duyun mendapat ijazah perubatan dan pergigian. Suatu gambaran yang tidak berlaku 40 tahun dahulu. Begitu juga akan dapat kita sama-sama saksikan pada hari ini. Syukur alhamdulillah dan syabas kepada semua yang bertanggungjawab menghasilkan keadaan ini.

Konsep pendidikan seharusnya dilihat daripada perspektif yang lebih luas, iaitu, pendidikan adalah untuk sepanjang hayat dan tidak ada batasannya. Sepanjang hayat, kita melalui beberapa fasa dalam putaran hidup kita, dalam pelbagai peranan dan tanggungjawab, dan dengan itu kita harus sentiasa mempunyai minda dan sikap yang terbuka untuk mengejar ilmu secara berterusan supaya mampu menghadapi cabaran hidup.

Dalam usaha kita mencapai objektif Wawasan 2020, berbagai-bagai cabaran baru akan dihadapi. Kita seharusnya sedar bahawa persekitaran kita sentiasa berubah, perubahan dalam struktur keluarga, penghijrahan pemuda-pemudi ke bandar, wanita bekerja di luar rumah dan cabaran-cabaran yang lain akan membawa kepada masalah dan penyakit sosial jika tidak diberi perhatian dan ditangani dari awal lagi. Begitu juga dengan corak penyakit yang telah beralih kepada penyakit yang kronik dan yang berkaitan dengan tekanan hidup. Penyakit dan gejala sosial ini tidak mempunyai sesuatu rawatan dan teknologi pencegahan secara khusus. Hanya pendidikan, pengetahuan, dan amalan sihat dapat dijadikan bahan pencegahan.

Dalam hal ini, para hadirin sekalian terutama graduan-graduan harus memainkan peranan yang penting dalam memberi kesedaran kepada masyarakat sekeliling bahawa ilmu pengetahuan amnya dan pendidikan khususnya adalah prasyarat yang penting untuk membangunkan masyarakat. Para graduan harus fikirkan cara-cara bagaimana boleh membalas jasa masyarakat dalam memberikan ilmu pelajaran. Para graduan juga harus berterima kasih kepada ibu bapa, masyarakat umum, dan pendidik kerana berjaya mendapat pendidikan yang tinggi dan tanpa mereka kita tidak akan berada di dewan yang mulia ini.

Wanita sebagai ibu, pendidikan yang utama dan pembentukan keluarga bahagia harus memainkan peranan ini dengan baik. Kita inginkan masyarakat wanita yang mempunyai ketahanan diri yang kental, berfikiran kritikal, bersikap rasional, dan terbuka serta berupaya membuat keputusan berkaitan kesejahteraan keluarga, negara serta dunia luar. Di samping itu, dalam usaha kita mengorak langkah ke abad 21, adalah penting bagi wanita untuk seterusnya menggunakan segala peluang yang ada untuk memperbaiki diri supaya dapat mempertingkatkan kemahiran dalam apa jua bidang bagi mencapai kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat, dan negara.

Di sini, saya ingin mengucapkan penghargaan dan kasih sayang kepada penulis surat yang saya sebutkan pada awal tadi, iaitu suami saya yang sentiasa memberi dorongan dan nasihat sejak di universiti lagi. Kepada semua pendidik saya daripada sekolah ke universiti, ahli keluarga dan rakan-rakan yang telah membolehkan saya mendapat penghormatan ini, saya ucapkan terima kasih.

Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan ini bukan sahaja tanda penghormatan kepada diri saya tetapi ia juga mengiktirafkan kepercayaan ibu bapa saya dan semua ibu bapa yang hadir dalam dewan yang mulia ini terhadap pentingnya pendidikan bagi anak-anak mereka, khasnya anak perempuan mereka. Falsafah berbunyi, "Mendidik seorang perempuan sama sahaja seperti mendidik sebuah bangsa." Semoga Allah Subhanahuwa Ta'ala memberkati penganugerahan ini, mencucuri rahmat kepada ibu-ibu bapa yang telah lama pergi memberi taufik dan hidayah secara berterusan kepada kita semua yang masih hidup lagi.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

LAMPIRAN V b

KENYATAAN RASMI SITI HASMAH

KENYATAAN RASMI OLEH

Y.A.BHG. DATIN SERI DR. SITI HASMAH BT. HJ. MOHD. ALI

KETUA DELEGASI MALAYSIA

KE PERSIDANGAN SEDUNIA KEEMPAT PBB TENTANG WANITA

4 - 15 SEPTEMBER 1995

DI BEIJING, CHINA

EQUALITY, DEVELOPMENT, AND PEACE: A CARING WORLD

Introduction - World Scenario

Since the UN Conference on Women in Nairobi in 1985, much of the world has undergone tremendous changes. People's lives have been altered dramatically by major political events that saw the ending of the Cold War. Continuing industrialisation, internationalisation of manufacturing and finance, the global communication revolution, biotechnology, robotics and automation have brought profound economic, social, and cultural changes in their wake, both on people and the environment they live in.

The Information Revolution

As we move on to the next century, the faster flow of information that converges deeper to the more fundamental dimensions of world view, mind-set and even our thought processes will continue to knit us together. Raised in a multimedia-rich environment, millions of children around the world now have a lot more in common with each other than they do with older members of their own culture. Coupled to democratisation, the information revolution will also enable those who were formerly voiceless and invis-

ble, left behind by years of obscurity and isolation, to also aggressively come forward and demand their place on this earth and to participate in events that shape their lives. These changes, if nurtured properly, can bring many opportunities.

The Caring World

Indeed the 21st century can be the era of tremendous vitality and innovation for the creation of a more just society, a watershed in peaceful development. This Conference, more than any other conference, is in an unparalleled position to put forward well-considered proposals and commitment for a concerted plan of action for a Caring World – a world resting on the strong foundation of ethics and morality, a world built around peoples' genuine needs, a world that ensures equal access to resources, choices and decision-making for a decent standard of living for both men and women. It is a world that will narrow the gap between the rich and the poor, the developed and the development, the secured and the less secured, whilst preserving social stability, human dignity, and quality of life.

The Caring World is a vision of a people with an insatiable quest for quality, equally sharing and enjoying the material well being of development in peace, within the bounds of ethics and morality and the tenets of Islam and other religions of the world, blessed with good health and longevity, endowed with the rights and capability to acquire knowledge and skills, guaranteed the freedom to communicate with, participate in and contribute to the life of the community.

Many of us have benefited from the advancements emanating from the Nairobi Forward-Looking Strategies. But there are multitudes of women around the globe who still face the reality of continuing exclusion, within countries and between countries. Their problems require urgent attention if we are to achieve Equality, Development, and Peace. I wish to highlight the following pressing issues.

Poverty

Poverty, with its multifarious causes, continues to be the root of all evils. It occurs as a mass phenomenon in some countries and as pockets amidst wealth in others. This occurs despite the fact that the world's economy is becoming more globalised and richer overall. The cold reality is the uneven creation and enjoyment of that wealth. Beggar thy neighbour approaches favour the owners of wealth who continue to exploit the differen-

tiated economic growth. The uneven bargaining power is mirrored in the differential rates of child mortality, life expectancy and access to education. One region's enhanced employment means another region's rising unemployment. Ethics have become divorced from economics despite the fact that the economy has profound impact on people and the environment. The wealth structure is far from solving the gap between the 'haves' and 'have nots' and may in fact exacerbate them. As developing nations struggle with persistent external debt problems and structural adjustments, the basic needs of the people are hardly met. Eventually it is women who face the obstacles to economic autonomy and sustainable livelihood the most. More women therefore are thrown into the pit of poverty. Remaining the poorest of the poor, these women lack income and productive resources for a sustainable livelihood. The majority of the poor women of the world live in hunger, malnutrition and ill-health with limited or no access to education and other basic services, often homeless or in inadequate housing in unsafe environments, and socially discriminated as well as neglected in decision-making. Poverty is particularly acute for rural women, female-headed households, indigeneous women, the handicapped, the urban poor and migratory workers. Rural women and the urban poor still receive less income opportunities and social services, living in conditions of economic underdevelopment and social marginalisation. Extra burdens are placed on women migratory workers who flood to low-status and low-paying occupations to provide for their dependants. Away from home and often their countries, they are often subjected to economic exploitation, sexual abuse and rising racial tensions. Poverty pushes women into bondage and sexual slavery as evidenced by the escalating international trafficking of women and children for the sex trade. This criminal but shamelessly flourishing market flouts all rules of morality, ethics, and the dignity and rights of women and children.

Social Justice

We urge the main creators and controllers of technology and wealth who have more global reach to also have global responsibility. Ethics must be an essential aspect of economic activities and decision-making. Enhancement of ethical values is the reform that will lead to a world where ethics is both an end in itself and a means to higher economic growth, equality, and better quality of life. Fairness and social justice must be operative words for fair sharing of the fruits of development among the rich and poor, with equal opportunities or direct support for the disadvantaged. The need to be caring to our fellow humans

cannot be more urgent. Our capacity to be caring cannot be more optimal. Guided by the maxim that poverty anywhere is a threat to prosperity everywhere, we need to evolve smart partnerships with prosperity neighbour approaches between the developed and the developing. The debt burden of many developing countries has to be urgently reviewed with a view to increased unconditional official development assistance to poverty stricken areas so that they can be helped to finance the much needed development programmes for their people. Such programmes must be guided by gender-sensitive microeconomic and sectoral policies which ensure women's access to control over and benefits from economic resources of land, capital, technology and information, equal access to employment, markets and trade, in particular entrepreneurship. Discriminatory practices must be eliminated and women must be given full and equal participation in the formulation of policies and definition of economic structures and commercial networks. Services must be structured in such a way that rural women and other disadvantaged groups of women are reached. There must also be increased trade liberalisation with access to open and dynamic markets.

The Family

The family, that basic unit of social structure and well-being, is becoming more and more disintegrated. All over the world the complexity of people's lives has become more pronounced with the dismantling of many social systems, such as the family, that individuals depended on. With population movements between rural and urban areas, international migration, war and internal displacements, families are disrupted and torn apart. This has resulted in an increasing breakdown of people's ability to cope. Increasing crime rates, child abuse, violence against women, alcoholism and substance abuse, the HIV/AIDS pandemic which is increasing at an alarming rate among women and children, divorce, abandoned babies and old people, and rise in mental illness bear evidence to this seeming paralysis of the coping mechanism. Women, unfortunately, are often made the scapegoats for all these problems.

The family as an important social institution has to be preserved and strengthened. Whilst we recognise women's great contribution to the welfare of the family and development of society, women's sex and their role in procreation cannot be the basis of discrimination. Religion also cannot be misused to justify these discriminatory practices. As women enter the formerly male-dominated areas of work, men are beginning to accept

greater responsibilities for domestic tasks, including child care, care of the sick and the elderly. To effectively cross the boundaries of the greater division of labour between productive and reproductive roles, the State can assist in ensuring a more flexible work environment which harmonises work and family responsibilities for women and men. This requires adjustment of employment policies to facilitate the restructuring of work patterns, provision of affordable support services, high quality, flexible and affordable child care services and education on gender equality and non stereotype gender roles of men and women within the family. The family must be assured of health and other social services throughout the life cycle. To protect those with disrupted families, special measures must be adopted to ensure their access to education, health, housing, economic self-sufficiency, and to enable them to contribute to decision making as part of the mainstream. Victims of violence must be protected and international cooperation is required to eliminate trafficking in women.

Armed Conflicts and Terrorism

Armed conflicts and terrorism continue to plague many parts of the world. Women are subjected to extreme violation of their human rights and are unshamedly used as weapons of war. Women and children form the majority of refugees and displaced persons in the world. They are deprived of property, goods and services and threatened by insecurity. We are very disappointed that an august body like the UN has been rendered impotent in protecting women from extreme violation of their human rights by super-power injustice of colossal magnitude. The continued slaughter, torture, systematic rape and possible obliteration of our Bosnian sisters are occurring in the so-called UN safe areas, in flagrant violation of the international humanitarian law and security resolutions. What Human Rights are we talking about when people are denied the right to self-protection and security?

Let us support all international efforts to put a stop to the continuing aggression, ethnic cleansing and genocide in the Republic of Bosnia-Herzegovina. We call on the UN to protect and secure the lifelines to all UN safe areas. We support the lifting of the arms embargo unfairly enforced since November 1994. The government of Bosnia-Herzegovina has the legitimate right to request and receive military assistance, so that our sisters will have the right to self-defence in accordance with Article 51 of the United Nations Charter. We call on the UN to involve more women in the movement for peace.

Women as central actors can participate in a variety of capacities; participation in decision-making, conflict prevention and resolution, nuclear disarmament and other peace initiatives.

Participation in Decision-Making

Despite the effort by Government, the goal of participation in decision-making, set in the Forward – Looking Strategies, has not been achieved. Throughout their entire life cycle, women's daily existence and their long-term aspirations are restricted by discriminatory attitudes, unjust social and economic structures and a lack of resources that prevent their full and equal participation. The human development index for women remains a fraction of that for men in all countries of the world. Despite constituting half the population, they have less than 10 percent representation in positions of executive authority. The full and equal participation of women in key positions, particularly in politics, administrative structures, both public and private, has yet to be achieved.

The factors that promote the full and equal participation of women in power structures and decision-making at all levels must be strengthened to ensure at least 30 percent representation at key political and executive leadership positions so that they can have significant impact on many key institutions, especially in science and technology. In particular, we must promote greater participation of women in technical and decision-making areas of mass media and communication to eliminate misrepresentation and negative portrayal.

International and National Commitment

As we gather here today, in the 50th year of the UN, amidst the turmoil in many parts of the world, let us work together for better understanding and caring. The fact that we are meeting at this fourth conference affirms our commitment and preparedness to change. How do we invest in the value-creating activity of social justice and fairness for the people, namely women, who need education, health, housing, public utilities and so on? Let us grasp the many windows of opportunity that are opening for a better world. The Platform for Action is a means for us to operationalise the commitment to lead to fundamental change. Equality and social justice are the only way to achieving political, social, economic, cultural and environmental security among all peoples.

The Malaysian Government is committed to equal rights and responsibilities,

equal opportunities and equal participation. We have already established a National Policy on Women since 1989. To ensure the smooth implementation of the policy we have formulated a Plan of action which is aimed at National Machinery, effectively involving more women in decision-making, safeguarding their rights to health, education and social well being, removing legal obstacles and discriminatory practices and ensuring their access to and benefits from development, particularly in science and technology. We have ratified the Convention for the Elimination of Discrimination Against Women. The reservations are also being reviewed in line with the National Policy on Women.

Charting the Future Together

Our lives are intricately woven together. We share a common destiny. We must rise above the differences to constructively and creatively chart this Beijing Platform for Action. The strategies contained herein will be guiding light for all Governments of the world, in partnership with NGOs which are catalysts for new approaches to development, to be responsible for, and accountable to the women of the world. A caring world is the basic fuel to equality, development and peace. It is part and parcel of our existence. There is no You and there is no I, only a simple We. Investing in the Caring World is investing in Us.

PANEL PENULIS



Azizah Mokhzani

Penerbit: Pengarah Urusan Arus Intelek Sdn. Bhd., sebuah syarikat penerbitan bumiputera yang menerbitkan pelbagai bahan bacaan seperti buku teks untuk Kementerian Pendidikan, bacaan kanak-kanak, bahan rujukan sekolah dan dewasa yang merangkumi ensiklopedia dan kamus, majalah dan bacaan umum dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Beliau juga menjadi Ahli Lembaga Pengarah beberapa syarikat swasta.

Beliau pernah berkhidmat di Institut Teknologi Mara selama 25 tahun hingga bersara secara pilihan semasa dalam jawatan Pensyarah Utama/Profesor.

Ketika di Institut Teknologi Mara, beliau pernah memegang jawatan seperti Timbalan Dekan Akademik, Dekan Kajian Hotel dan Penyediaan Makanan, Ketua Biro Teks, Ketua Bahagian Kursus bahasa Malaysia untuk Pensyarah.

Beliau sering menyumbangkan khidmat kepada pelbagai agensi dan pertubuhan seperti menjadi Ahli Lembaga Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Ahli Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia (JKTBM), Presiden Persatuan Penterjemah Malaysia, Presiden Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA), Pengerusi Suruhanjaya Media – NCWO, Presiden Lembaga Industri Buku Malaysia (MBIC), Ahli Lembaga Alliance Francaise, Kuala Lumpur, Presiden Persatuan Hotel Malaysia dan beberapa agensi dan pertubuhan sukarelawan yang lain.

Sepanjang kariernya, beliau aktif dalam bidang penulisan dan telah menghasilkan sedozen tajuk cerita kanak-kanak, Monograf ITM dan Biografi Tan Sri Fatimah Hashim.



Farida Habib Shah

Profesor dalam bidang Biologi Molekul Tumbuhan di Jabatan Genetik, Fakulti Sains Hayat, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mendapat ijazah Sarjana Muda Sains dan Sarjana dalam bidang Genetik daripada Universiti Malaya dan Ph.D dalam bidang Biologi Molekul daripada University of New South Wales, Australia.

Pernah menjawat Ketua Jabatan Genetik, UKM.

Selain bertugas sebagai pensyarah, beliau aktif dalam kerja-kerja penyelidikan dan mengetuai kumpulan program penyelidikan Biologi Molekul dan Penjuruteraan Genetik Kelapa Sawit di UKM.

Pernah menjadi Presiden Persatuan Biologi Molekul dan Bioteknologi, serta AJK Persatuan Biokimia Malaysia dan Persatuan Genetik Malaysia.

Kini menjadi Naib Presiden Asian Pacific Organisation of Cell Biology dan ahli International Plant Molecular Biology Society dan Third World Women Academy of Science dan bergiat aktif sebagai Pengerusi Suruhanjaya Sains dan Teknologi – NCWO dan AJK Persatuan Siswazah Wanita Malaysia.

Bergiat dalam penulisan saintifik untuk makalah-makalah kebangsaan dan antarabangsa dan telah menghasilkan 6 buah buku dalam bidang kepakarannya, termasuk yang terkini, *Oil Palm Biotechnology*.

Juga berminat dalam penulisan artikel pelancongan dan pernah terlibat sebagai penulis bersama bagi buku *Discover Malaysia*. Kini sedang menghasilkan buku *Discover Langkawi*.



Nik Safiah Karim

Profesor Pengajian Melayu.

Naib Presiden Persatuan Siswazah Wanita Malaysia.

Mendapat ijazah Sarjana Muda dan Sarjana daripada Universiti Malaya dan Ph.D daripada Ohio University, Amerika Syarikat.

Sepanjang kerjayanya, beliau bertugas sebagai tenaga akademik di Universiti Malaya, kecuali selama kira-kira setahun lebih dipinjamkan ke Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai Timbalan Ketua Pengarah untuk menangani persoalan bahasa dan sastera.

Antara jawatan pentadbiran yang pernah dipegang ialah Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Timbalan Dekan dan kemudian Dekan (sebanyak dua kali) Fakulti Sastera dan Sains Sosial dan Ketua Akademi Pengajian Melayu. Beliau bersara pada tahun 1994 sebagai Profesor Pengajian Melayu dan kini kembali bertugas di Akademi Pengajian Melayu secara kontrak.

Beliau telah dan sedang menyumbangkan khidmat kepada pelbagai badan dan majlis, antaranya sebagai Ahli Lembaga Dewan Bahasa dan Pustaka, Ahli Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia (JKTBM), dan Ahli Lembaga Amanah Yayasan Karyawan.

Beliau amat aktif dalam kegiatan wanita dan antara jawatan yang kini dipikulnya ialah Pengerusi NACIWID, Pengerusi Suruhanjaya Agama NCWO, dan Ketua II PERTIWI.

Beliau telah banyak menulis dan menghasilkan kertas kerja, makalah, dan buku dalam bidang bahasa dan pengajian Melayu.



Normah Dali

Kini bertugas sebagai Pensyarah Kanan di Institut Teknologi Mara, Shah Alam.

Memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Statistik dan Pengiraan daripada University of North London dan Ijazah Sarjana dalam bidang Penyelidikan Sosial daripada University of Kent at Canterbury, England.

Ketika di Institut Teknologi Mara, beliau pernah bertugas sebagai Ketua Unit Statistik, Pegawai Statistik dan Ahli Statistik.

Berpengalaman luas dalam bidang penyelidikan. Antara penyelidikan beliau yang pernah dihasilkan ialah *Satu Kajian ke atas Kesedaran Umum terhadap Sains dan Teknologi di Malaysia* (1998), *Kajian ke atas Kesukarelaan* (1997-98) dan *Persepsi Penyelidikan dan Pembangunan di TNB* (1994).

Beliau juga telah menghadiri beberapa persidangan, antaranya ialah Bengkel Antarabangsa tentang Penghijrahan (1991), Kongres Pemimpin Wanita (1995) dan Persidangan Antarabangsa tentang Anomie (1998).

Aktif dalam badan-badan sukarela dan antara jawatan yang dipegang ialah Setiausaha Agung Persatuan Wanita ITM (PEWANI), Ahli Majlis PSWM, dan Ahli Seumur Hidup South East Asian Gender Studies Association (SAMA).



Rokiah Talib

Seorang profesor di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya. Kini sebagai Penyelaras Rancangan Pengajian Gender, Universiti Malaya.

Beliau banyak menjalankan penyelidikan, menulis dan menyunting bahan-bahan tentang hal wanita, pembangunan, dan konsumerisme.

Beliau juga merupakan seorang aktivis sosial.

Pernah menjadi Naib Presiden Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan, Pengerusi Majlis Penasihat Pengguna Kebangsaan, Ahli Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

Beliau kini aktif sebagai ahli NACIWID, Pengerusi South East Asian Gender Studies Association – Cawangan Malaysia (SAMA), ahli Board of Trustee Malaysian Social Science Academy, Naib Presiden Asia Pacific Sociological Association (APSA), dan ahli International Sociological Association (ISA).

Beliau juga giat menulis dan antara buku yang telah diterbitkan ialah *Gender, Budaya dan Masyarakat* (bersama Shanthi Thambiah; 1998), *Dimensions of Tradition and Development in Malaysia* (bersama Tan Chee Beng; 1995), dan *Politik dan Dasar Ekonomi di Kelantan – Satu Kajian Sosioekonomi* (1994).

SEKALUNG BUDI

Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM) amat terutang budi kepada setiap individu yang telah ditemu bual untuk penulisan biografi ini. Tanpa maklumat dan pandangan setiap daripada mereka ini, pasti biografi ini tidak dapat dihasilkan.

Individu yang ditemu bual

Kaum keluarga

YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad
YAB Datin Seri Dr. Siti Hasmah Hj.
Mohd. Ali
Allahyarham Tun Ismail Hj. Mohd. Ali
Dato' Paduka Saleha Hj. Mohd. Ali
Puan Siti Jameah Hj. Mohd. Ali
Datuk Jaffar Hj. Mohd. Ali
Tan Sri Jen. (B) Hashim Hj. Mohd. Ali
Dato' Zainal Abidin Hj. Mohd. Ali
Datin Paduka Marina Mahathir
En. Mirzan Mahathir
En. Mokhzani Mahathir
En. Mukhriz Mahathir
Datin Siti Aishah Ghazali

Toh Puan Dr. Aishah Ong
Dato' Ariffin Marzuki
Dato' Dr. J.S. Eapen
Datin Faizah Shuaib
Datin Fauziah Hj. Ramly
Dr. Olivier Gunaratnam
Datin Susheila McCoy
Puan Bridgit Menezes
Dr. J.J. Murugasu
Puan Nik Faizah Nik Mustapha
Dr. Ng Chiau Gian
Dr. Ng Mei Chan
Datin Noorhayati Kamaluddin
Dato' Dr. Nor Laily Abu Bakar
Dr. Raj Karim
Puan Rajeswary Selvaratnam
Dr. Praba Joginder Singh
Puan Sri Wong Sau Kan
Tan Sri Wong Soon Kai

Sahabat dan kenalan

Dato' Dr. Abdullah Fadzil Che Wan
Tan Sri Dr. Ahmad Nordin

PSWM juga ingin merakamkan terima kasih tiada terhingga kepada agensi-agensi dan individu-individu yang telah meringankan kerja-kerja kami dalam penghasilan buku ini, antara lain, kerana maklumat dan gambar yang dengan murah hati dipinjamkan kepada Panel Penulis:

Jabatan Perdana Menteri
The New Straits Times
BERNAMA
Arkib Negara
Galeri Perdana, Langkawi
Institut Kesihatan Umum
Nagamedia Sdn. Bhd. (Journal One)

Hibiscus Publishing Company,
United Kingdom
National University of Singapore:
(The NUS Story)
BAKTI
Dr. J.J. Murugesu